



LAPORAN  
TAHUNAN  
**MQA**  
**2019**



# Isi Kandungan

06	<b>01</b> <b>FAKTA RINGKAS MQA</b>	<b>02</b> <b>PERUTUSAN PENGERUSI</b>	08
11	<b>03</b> <b>LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF</b>	<b>04</b> <b>PROFIL KORPORAT</b>	17
22	<b>05</b> <b>TADBIR URUS</b> Anggota Majlis MQA Jawatankuasa Jaminan Kualiti Pengurusan Tertinggi	Latar Belakang MQA	17
23		Fungsi MQA	18
30		Visi, Misi, Objektif, Matlamat dan Nilai Teras MQA	19
35		Piagam Pelanggan MQA	21
		<b>06</b> <b>CARTA ORGANISASI</b>	40

## 07

**LAPORAN PRESTASI**

43	Pembangunan Dokumen Jaminan Kualiti
70	Penggubalan dan Penyelarasan Dasar
79	Pelaksanaan Penilaian Akreditasi Program
99	Pelaksanaan Audit Institusi
103	Daftar Kelayakan Malaysia
106	Pengiktirafan Kelayakan
109	Penilaian Kesetaraan Kelayakan
112	Pengurusan Aduan
115	Hal Ehwal Awam
131	Jalinan Antarabangsa
142	Pembangunan Kapasiti
180	Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
188	Pengurusan Program Kualiti Dalam
193	Pembudayaan Integriti
197	Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
208	Pengurusan Kewangan
214	Pelaksanaan Audit Dalam
217	<i>Love, Happiness and Respect (LHR)</i>
231	Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

## 08

<b>PENYATA KEWANGAN (TELAH DIAUDIT)</b>	<b>235</b>
---	------------

## 09

<b>SINGKATAN</b>	<b>267</b>
------------------	------------

# Fakta Ringkas MQA



**1 November 2007**

Penubuhan Agensi Kelayakan  
Malaysia (MQA)



**14,396** Kelayakan dalam Daftar  
Kelayakan Malaysia (*Malaysian  
Qualifications Register*, MQR) titik  
rujukan kelayakan kebangsaan



**Kerangka Kelayakan Malaysia**  
(*Malaysian Qualifications  
Framework*, MQF) sebagai titik  
rujukan kelayakan kebangsaan



**2 peringkat jaminan kualiti**  
(Akreditasi Sementara dan  
Akreditasi Penuh), **7 Bidang  
Penilaian** Jaminan Kualiti,  
**8 Domain** Hasil Pembelajaran



**Dokumen jaminan kualiti:**  
1 MQF, 4 Kod Amalan,  
25 Standard Program, 4 Standard  
& 13 Garis Panduan Amalan Baik

**19** Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)  
berstatus Swaakreditasi



**333** jumlah kakitangan

2019 MQA telah berjaya mengekalkan pensijilan **MS ISO 9001:2015**  
**Tanpa Laporan Ketakakuran (Non-Conformance Report, NCR)**  
dan berjaya mengekalkan pensijilan **ISO 37001:2016**  
**Anti-Bribery Management Systems (ABMS) Tanpa NCR**



# Perutusan Pengerusi

"Kejayaan MQA dalam mengetuai dan menyelaraskan usaha Malaysia dalam melengkapkan proses penandaarasan sistem pengajian tinggi dan latihan di Malaysia dengan kerangka kelayakan serantau, *ASEAN Qualifications Reference Framework (AQR)* sejak 2016 dapat meningkatkan lagi keyakinan dan pengiktirafan antarabangsa terhadap kualiti graduan dan kelayakan yang terhasil daripada sistem yang mantap."

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) telah berjaya mengharungi tahun 2019 dengan cemerlang dalam merealisasikan misinya memperkasa sistem

kelayakan kebangsaan dan jaminan kualiti yang diiktiraf serta menjadi rujukan utama pada peringkat antarabangsa di samping melaksanakan peranannya sebagai badan jaminan kualiti tunggal pendidikan tinggi negara.

Saya amat berbangga atas usaha gigih pihak pengurusan dan dedikasi warga MQA dalam mengekalkan momentum perkhidmatan untuk pencapaian yang cemerlang dengan meneruskan aktiviti-aktiviti yang merupakan kesinambungan daripada inisiatif-inisiatif sedia ada yang telah pun dimulakan pada tahun sebelumnya di samping meneroka inisiatif-inisiatif baharu bagi memantapkan lagi sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi negara.

Bagi memperluaskan konsep pendidikan fleksibel dan pembelajaran sepanjang hayat, MQA telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan garis panduan APEL versi baharu iaitu bagi tujuan penganugerahan kelayakan [APEL(Q)]. Garis panduan ini akan menyediakan dasar, proses dan prosedur berkaitan pelaksanaan APEL(Q) kepada PPT di Malaysia dalam mengiktiraf pembelajaran secara tidak formal dan bukan formal yang membawa kepada penganugerahan kelayakan tanpa memerlukan calon mengikuti keseluruhan tempoh pengajian di PPT.

Selain itu, bagi meraikan inovasi dalam pendidikan tinggi yang fleksibel, MQA telah mengusahakan Garis Panduan Amalan Baik: *Micro-credential* (GGP: *Micro-credential*) yang diterbitkan pada pertengahan 2019. Garis panduan ini membolehkan kursus ditawarkan melalui pakej-pakej kecil dalam tempoh singkat berdasarkan keperluan kemahiran terkini industri. Pakej-pakej pembelajaran kecil ini kemudiannya boleh diambil bagi tujuan pindah kredit apabila individu berkaitan melanjutkan pengajian.

Sebagai badan jaminan kualiti tunggal negara, MQA dari semasa ke semasa sentiasa mencari ruang untuk menambah baik proses jaminan kualiti bagi memenuhi keperluan pelanggan. Bagi mencapai hasrat tersebut, maka pada tahun 2019 MQA telah memperkenalkan 'Proses Baharu Akreditasi'. Melalui inisiatif ini, MQA berjaya memendekkan

tempoh piagam pelanggan daripada tiga bulan tiga minggu bagi akreditasi sementara dan tujuh bulan bagi akreditasi penuh kepada sembilan minggu sahaja bagi kedua-duanya. Berdasarkan prestasi yang cemerlang sejak pelaksanaannya mulai Julai 2019 dengan tempoh piagam yang dapat disingkatkan, adalah dijangka inisiatif ini dapat meningkatkan kepercayaan dan kebolehpercayaan pihak berkepentingan terhadap MQA.

Cadangan 'Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET' telahpun dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada Januari 2019. Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET ini dilihat dapat memberi impak yang cukup besar kepada arena TVET negara. Pelaksanaan ini memberi penekanan kepada penglibatan industri dalam pembangunan standard dan amalan pekerjaan, pembangunan kurikulum dan penawaran program TVET. Di samping itu, ia mampu meningkatkan kepakaran tenaga pengajar yang berkelayakan dan mahir berkaitan amalan industri. Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET juga membuka laluan fleksibel dalam aliran TVET sehingga ke tahap Kedoktoran, memperkukuh laluan pendidikan sepanjang hayat kepada masyarakat dan memperkukuh reputasi laluan TVET agar setanding dengan laluan akademik sedia ada.

Pada peringkat antarabangsa pula, kejayaan MQA dalam mengetuai dan menyelaras usaha Malaysia dalam melengkapkan proses penandaarasan sistem pengajian tinggi dan latihan di Malaysia dengan kerangka kelayakan serantau, *ASEAN Qualifications Reference Framework* (AQRF) sejak 2016 dapat meningkatkan lagi keyakinan dan pengiktirafan antarabangsa terhadap kualiti graduan dan kelayakan yang terhasil daripada sistem yang mantap. Pengesahan rasmi oleh Jawatankuasa AQRF pada Mei 2019 di Lao PDR membuktikan bahawa pelaksanaan MQF adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa


dengan mengambil kira persamaan pendekatan yang digunakan untuk proses seumpama ini yang telah lama dilaksanakan di Eropah melalui sistem *European Qualifications Framework* (EQF). Ini sekaligus menaikkan reputasi MQA dan Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Sesungguhnya inisiatif-inisiatif ini adalah antara usaha untuk memastikan MQA kekal relevan dan *visible* serta memberikan impak yang positif kepada pihak berkepentingan, pelanggan dan orang awam. Secara tidak langsung, pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini telah menyokong MQA untuk mencapai visinya menjadi agensi berautoriti global dalam kelayakan dan jaminan kualiti pendidikan tinggi.

Selain itu, saya juga ingin mengambil peluang dan kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada ahli majlis MQA bagi lantikan sesi 2019-2021. Semoga kita sama-sama dapat menerajui MQA dalam misi mencapai visi penubuhannya. Saya juga mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja MQA untuk prestasi cemerlang yang ditunjukkan

sepanjang tahun 2019 dan diharap kecemerlangan ini dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi pada masa akan datang. Bagi mengekalkan prestasi yang cemerlang, semangat kerja berpasukan berpandukan nilai-nilai teras utama MQA hendaklah sentiasa diterapkan bagi menghasilkan idea-idea yang kreatif dan inovatif serta berdaya saing. Syabas kepada MQA dan semoga MQA kekal cemerlang dan relevan dalam menjalankan fungsi dan peranannya.

Sekian, wassalam.



**PROFESOR DATUK DR. ASMA BINTI ISMAIL, FASc**  
Pengerusi  
Majlis Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)





# Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

"Sebagai kesinambungan dalam melaksanakan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat, MQA telah memulakan proses pembangunan Garis Panduan Amalan Baik: APEL bagi tujuan penganugerahan kelayakan akademik [GGP: APEL(Q)] yang bertujuan untuk mengiktiraf pengalaman hidup seseorang."

## Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, sekali lagi Laporan Tahunan MQA dapat diterbitkan bagi tahun 2019. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh Majlis MQA dan seluruh warga MQA dalam menggerakkan agensi untuk mendepani pelbagai cabaran jaminan kualiti dalam era Revolusi Industri 4.0 (*Industrial Revolution 4.0*).

Sebagai kesinambungan dari tahun sebelumnya, MQA kekal melaksanakan fungsi dan peranannya dengan cemerlang yang meliputi empat teras utama berikut:

- i. pelaksanaan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*);
- ii. penetapan standard pendidikan tinggi;
- iii. pelaksanaan akreditasi program, pematuhan akreditasi dan pengauditan luaran; dan
- iv. pelaksanaan Pusat Rujukan Kelayakan.

Peranan ini dapat dijayakan dengan sokongan dasar-dasar pendidikan tinggi, penyertaan pakar bidang yang berkredibiliti, penglibatan aktif dan penerimaan baik pelbagai pihak berkepentingan serta kesetaraan dengan amalan baik jaminan kualiti pada peringkat antarabangsa.

Sebagai badan jaminan kualiti yang berkredibiliti, MQA sentiasa berusaha membangunkan dokumen dan menambah baik proses jaminan kualiti dari semasa ke semasa. Bagi tahun 2019, Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) Edisi Kedua telah dikuatkuasakan sepenuhnya bermula 1 April 2019 bagi permohonan akreditasi sementara, manakala permohonan akreditasi penuh dan penilaian pematuhan akan bermula pada 1 April 2020. Dokumen ini adalah sebagai rujukan utama kepada pemberi pendidikan tinggi (PPT), ahli panel penilai (APP), badan-badan profesional, penggubal dasar, pegawai MQA dan mereka yang mempunyai kepentingan dalam bidang pendidikan tinggi.

Dalam memastikan dokumen kualiti yang dihasilkan oleh MQA memenuhi keperluan semasa seperti Revolusi Industri 4.0, pendidikan fleksibel, dasar-dasar pendidikan negara yang terkini serta kerangka kelayakan dalam dan luar negara, MQA telah melaksanakan penjajaran semula dokumen-dokumen jaminan kualiti yang diterbitkan terdahulu. Pada tahun 2019, tiga standard program dan satu kod amalan telah diluluskan pemakaiannya. Bidang tersebut adalah Bioteknologi, Muamalat dan Kewangan Islam, Hospitaliti dan Pelancongan serta Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning*, ODL). Bagi memastikan usaha penjajaran juga selaras dengan keperluan industri, ianya diteruskan lagi dengan dua bidang Standard Program Seni Lukis dan Seni Reka serta Standard Program: Pengajian Perniagaan. Kedua-dua standard ini dijangka selesai pada tahun 2020.

Selain mengkaji semula standard program, MQA juga sedang membangunkan standard program baharu iaitu Pengajian Halal dengan kerjasama *Halal Industry Development Corporation* (HDC). Antara objektif pembangunan standard ini adalah untuk mengetengahkan pengajian halal secara holistik dengan pakej penuh yang tidak hanya tertumpu kepada pematuhan hukum halal sahaja, sebaliknya memperkasa bidang halal dengan pengukuhan kepakaran perdagangan global yang mengkhusus kepada persekitaran industri halal dunia. Standard program ini dijangka selesai pembangunannya pada suku tahun ketiga 2020.

Bagi menyemarakkan konsep pembelajaran sepanjang hayat dan pembudayaan ilmu dalam kalangan masyarakat, MQA sering mengadakan program-program pendedahan mengenai Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) kepada calon/bakal calon APEL yang terdiri daripada orang awam, warga PPT dan kakitangan daripada jabatan kerajaan mahupun swasta. Pada tahun 2019, buat julung kalinya MQA telah menganjurkan Hari Terbuka APEL MQA pada 17 Disember 2019 di Mercuri MQA, Cyberjaya. Hari Terbuka APEL MQA turut mendapat sokongan dan penyertaan daripada enam Pusat Penilaian APEL (PPA) yang telah dilantik oleh MQA serta tujuh PPT yang telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan APEL(C). Sambutan Hari Terbuka APEL MQA ini telah menerima penyertaan yang memberangsangkan iaitu seramai 180 orang.

Selain itu, sebagai kesinambungan dalam melaksanakan agenda pembelajaran sepanjang hayat, MQA telah memulakan proses pembangunan Garis Panduan Amalan Baik: APEL bagi tujuan penganugerahan kelayakan akademik [GGP: APEL(Q)] yang bertujuan untuk mengiktiraf pengalaman hidup seseorang. Objektif GGP: APEL(Q) adalah untuk menyediakan dasar dan panduan berkaitan pelaksanaan

APEL(Q) kepada PPT dan pihak berkepentingan lain di Malaysia serta menyediakan satu *platform* penganugerahan kelayakan berdasarkan pembelajaran yang diperolehi secara formal, tidak formal dan bukan formal. GGP: APEL(Q) juga dijangka selesai pembangunannya pada suku tahun ketiga 2020.

Agenda pembelajaran sepanjang hayat turut diperkukuh dengan usaha MQA membangunkan Dasar dan Garis Panduan Amalan Baik: *Micro-credential* (GGP: *Micro-credential*) bagi tujuan penganugerahan kelayakan dan membenarkan program ditawarkan secara pecahan yang lebih kecil dan berbeza daripada kaedah penawaran secara konvensional. Dengan adanya garis panduan ini, sistem pendidikan tinggi negara akan memberi peluang kepada individu terutamanya mereka yang bekerja untuk meningkatkan kemahiran spesifik yang diperlukan oleh industri dalam tempoh yang singkat serta mampu menutup jurang kemahiran (*skills gap*) yang disebabkan oleh perkembangan teknologi dan pengetahuan masa kini yang sangat pantas. GGP: *Micro-credential* dijangka selesai pembangunannya pada suku tahun kedua 2020.

Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET dilaksanakan setelah dipersetujui Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019. Pelaksanaannya melibatkan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee, JTC*) Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang dipengerusikan secara bersama oleh MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi menyelaraskan dasar dan proses jaminan kualiti program TVET yang dibangunkan berdasarkan *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA). Di samping itu, laluan pendidikan graduan TVET turut ditambah baik dengan didokong oleh sembilan Prinsip Artikulasi TVET.

JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET telah bersidang sebanyak empat kali pada tahun 2019. Sebanyak empat jawatankuasa

kecil telah ditubuhkan di bawah JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET iaitu Jawatankuasa Kecil Hebahan, *Pool of Assessors*, Daftar *Occupational/Industry Standards and Practices* dan Proses Kerja Akreditasi Tunggal TVET. Sebanyak sembilan sesi Taklimat Fasa Pertama kepada Penyedia TVET telah diadakan bermula September 2019 hingga November 2019. Bermula Februari 2020, MQA dan JPK mula menerima permohonan akreditasi program TVET yang dibangunkan berdasarkan COPTPA daripada penyedia TVET di seluruh Malaysia.

Pembangunan adendum kepada COPTPA diteruskan pada tahun 2019 dengan membangunkan Standard TVET bagi kelayakan pada Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*). Ini dilaksanakan selaras dengan penambahbaikan kelayakan bagi sektor TVET dalam MQF Edisi Kedua.

Selaras dengan Lonjakan 10 - Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)] dan Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 di bawah Teras Strategik 2: Sistem Penyampaian yang Efektif, MQA sentiasa mencari ruang untuk menambah baik proses jaminan kualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Selari dengan hasrat tersebut, pada tahun 2019 MQA telah mengkaji semula proses dan tempoh piagam bagi penilaian akreditasi sementara dan akreditasi penuh. Penyusunan semula dan penambahbaikan proses membolehkan tempoh piagam pelanggan dipendekkan daripada tiga bulan tiga minggu kepada sembilan minggu bagi akreditasi sementara dan tujuh bulan kepada sembilan minggu bagi akreditasi penuh. Sejak pelaksanaan proses kerja baharu akreditasi dilaksanakan bermula 1 Julai 2019, pencapaian penilaian akreditasi telah berjaya ditingkatkan daripada 38% kepada

97% bagi akreditasi sementara dan 88% kepada 100% bagi akreditasi penuh walaupun tempoh piagam pelanggan telah dipendekkan. Pencapaian ini diyakini dapat memberi kesan yang sangat positif kepada sistem penyampaian MQA agar lebih efektif, efisien, telus dan optimum seterusnya meningkatkan kepercayaan (*trust*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) pihak berkepentingan kepada MQA.

Bagi memantapkan lagi proses baharu penilaian akreditasi ini, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), MQA telah membangunkan sistem *Dashboard* MQA yang mula digunakan pada 17 Oktober 2019. Sistem ini dilaksanakan untuk memberikan kemudahan kepada pengurusan tertinggi MQA memantau serta menganalisis prestasi dan pencapaian MQA dalam melaksanakan proses jaminan kualiti pendidikan tinggi Malaysia yang berteraskan MQF.

Bersesuaian dengan visi MQA iaitu menjadi agensi berautoriti global dalam kelayakan dan jaminan kualiti pendidikan tinggi, MQA sentiasa memainkan peranannya selaku badan jaminan kualiti yang menjadi rujukan pada peringkat antarabangsa. Pada tahun 2019, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (JPT, KPM) telah menjadi penganjur bersama *Flexible Education Seminar 2019* dengan mengangkat tema 'Imagineering the 21<sup>st</sup> Century Learning'. Seminar ini yang diadakan pada 24 - 25 Julai 2019 di Everly Hotel, Putrajaya merupakan satu *platform* untuk perkongsian kepakaran dan amalan baik jaminan kualiti serta dasar-dasar terkini berkaitan *Flexible Learning* merangkumi *Accreditation of Prior Experiential Learning* iaitu APEL(A) dan APEL(C), *Credit Transfer* MOOC dan pelaksanaan *Micro-credential* selain *hybrid programme*, *fluid and organic curriculum* serta *blended learning*. Seminar ini dikendalikan berdasarkan tiga sub tema iaitu *Recognition of Prior Learning*, *The Fourth*

*Industrial Revolution (IR 4.0) - Infused Academic Programmes* dan *Industry-Infused Academic Programmes*. Penganjurannya telah memberikan manfaat dan mewujudkan kerjasama erat antara JPT, MQA, pemberi pendidikan tinggi dan pihak industri yang menyumbang kepada peningkatan kredibiliti, reputasi dan keterlihatan pendidikan tinggi serta sistem jaminan kualiti Malaysia pada peringkat global.

Pada peringkat antarabangsa, MQA telah melaksanakan mandat daripada Kerajaan Malaysia bagi mengetuai dan menyelaras projek penandaarasan antara MQF dengan *ASEAN Qualifications Reference Framework (AQR)* bermula tahun 2016 dalam usaha meningkatkan profil kualiti sistem pendidikan tinggi dan latihan Malaysia pada peringkat antarabangsa. Pelaksanaan projek penandaarasan terhadap AQR ini menuntut kepada pelaksanaan sistem jaminan kualiti dan akreditasi yang mantap oleh negara yang menanda aras. Pada 23 Mei 2019, Mesyuarat Jawatankuasa AQR yang dianjurkan oleh Sekretariat ASEAN di Lao PDR secara sebulat suara telah menerima laporan penandaarasan yang telah disediakan oleh Malaysia dan mengesahkan Malaysia dalam kalangan dua negara terawal yang telah berjaya melengkapkan proses penandaarasan terhadap kerangka kelayakan serantau tersebut. Inisiatif yang diterajui oleh MQA ini berpotensi untuk memudah cara pengiktirafan kelayakan Malaysia, sekaligus meningkatkan mobiliti pelajar dan graduan daripada sistem yang diiktiraf berkualiti tinggi di rantau ASEAN.

Sepanjang perjalanan MQA sebagai badan tunggal jaminan kualiti pendidikan tinggi negara, MQA telah berjaya meletakkan namanya setanding dengan badan jaminan kualiti luar negara yang lain dan berdiri dengan megah di persada antarabangsa. Kepakaran MQA dalam pelaksanaan

kerangka kelayakan dan jaminan kualiti pendidikan tinggi turut diperakui dan menjadi rujukan oleh pelbagai pihak berkepentingan pada peringkat antarabangsa, terutamanya di rantau ASEAN. Dengan kata lain, MQA telah berjaya mencapai misinya iaitu memperkasa sistem kelayakan kebangsaan dan jaminan kualiti yang diiktiraf serta menjadi rujukan utama pada peringkat antarabangsa.

Sukacitanya dengan ini saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih di atas usaha gigih dan komitmen seluruh warga serta sokongan pelbagai pihak dalam melaksanakan tugas dan peranan MQA. Usaha dan kerjasama seperti ini perlu diteruskan dan dipertingkatkan lagi agar dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pihak berkepentingan yang secara tidak langsung dapat memartabatkan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi negara.

Dari Bentan ke Kota Linggi  
Singgah di Jengka membeli toman  
Pendidikan kita martabatnya tinggi  
Jadi warisan zaman-berzaman

Burung merpati terbang di awan  
Hinggap sebentar di pohon meranti  
Budaya cemerlang tidaklah rawan  
Teguh berdiri dipayungi integriti

Sekian, wassalam.

“Dekati MQA, Ketahui Akreditasi, Masa Depan Terjamin”.



**PROFESOR EMERITUS DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia





# PROFIL KORPORAT

# PROFIL KORPORAT



Ditubuhkan pada 1 November 2007 selaras dengan penguatkuasaan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679)



Peranan utama MQA melaksanakan MQF sebagai landasan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan



MQA sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaraskan jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara



MQA sebagai penyelenggara Daftar Kelayakan Malaysia (MQR)

## FUNGSI MQA

01

Melaksanakan MQF sebagai titik rujukan kelayakan Malaysia

02

Membangunkan kriteria dan standard sebagai rujukan kebangsaan bagi penganugerahan kelayakan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan

03

Menjamin kualiti institusi-institusi dan program-program pendidikan tinggi

04

Memberikan perakuan akreditasi kepada program-program yang memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan

05

Memudah cara pengiktirafan dan penyetaraan kelayakan

06

Mengendalikan Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register, MQR*)



## VISI MQA

Menjadi agensi berautoriti global dalam kelayakan dan jaminan kualiti pendidikan tinggi



## MISI MQA

Memperkasa sistem kelayakan kebangsaan dan jaminan kualiti yang diiktiraf serta menjadi rujukan utama pada peringkat antarabangsa



## OBJEKTIF MQA

- Memperkukuhkan ekosistem jaminan kualiti pendidikan tinggi yang harmoni, efisien dan telus
- Membudayakan sistem penyampaian yang efektif
- Menyediakan landasan graduan holistik dan memenuhi keperluan pasaran kerjaya
- Menerajui pendidikan fleksibel berkualiti dan pembelajaran sepanjang hayat
- Memperluas pengiktirafan global

## MATLAMAT TERAS MQA

01

Melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)

03

Mengakredit Program


02

Membangunkan Standard

04

Menyelenggara Daftar Kelayakan Malaysia (MQR)

## NILAI TERAS MQA



# PIAGAM PELANGGAN MQA

## STANDARD PROGRAM DAN GARIS PANDUAN AMALAN BAIK

1



Memastikan 90% Standard Program, Standard Kelayakan dan Garis Panduan Amalan Baik dibangunkan dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan bermula daripada penerimaan tugas sehingga pembentangan Mesyuarat Majlis MQA dan dipaparkan pada laman web MQA

## AKREDITASI SEMENTARA

2



Memastikan 75% penilaian mendapatkan surat Perakuan Akreditasi Sementara diselesaikan dalam tempoh tiga bulan tiga minggu bermula daripada dokumen lengkap sehingga keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) dimaklumkan kepada pemohon

## AKREDITASI PENUH

3



Memastikan 85% permohonan akreditasi penuh diselesaikan dalam tempoh tujuh bulan bermula daripada dokumen lengkap diterima sehingga keputusan MJA dimaklumkan kepada pemohon



# TADBIR URUS



# ANGGOTA MAJLIS MQA



## PENGERUSI

**1. Profesor Datuk Dr. Asma binti Ismail, FASc**  
 Presiden  
 Akademi Sains Malaysia

**4. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas**  
 Ketua Setiausaha  
 Kementerian Pendidikan Malaysia

## ANGGOTA

**2. Profesor Emeritus Dato' Dr. Rahmah binti Mohamed**  
 Ketua Pegawai Eksekutif  
 Agensi Kelayakan Malaysia

**5. Dato' Amir bin Omar**  
 Mantan Ketua Setiausaha  
 Kementerian Sumber Manusia

**3. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman**  
 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
 Jabatan Perkhidmatan Awam

**6. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir**  
 Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
 Jabatan Pendidikan Tinggi  
 Kementerian Pendidikan Malaysia



**7. Dato' Dr. Mohd Khairi bin Yakub**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**8. Ir. Kamaluddin bin Hj. Abdul Rashid**  
Ketua Pengarah Kerja Raya  
Jabatan Kerja Raya

**9. Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah bin Ahmad**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis

**10. Prof. Dr. Patrick Kee Peng Kong**  
Naib Canselor  
Universiti SEGi

**11. Tan Sri Dato' Soh Thian Lai**  
Presiden  
Federation of Malaysian Manufacturers

**12. Prof. Dr. Mohd Tajuddin bin Mohd Rasdi**  
Professor School of Architecture and Built Environment  
Faculty of Engineering Technology and Built Environment  
UCSI University



**13. Dato' Dr. R.Thillainathan A/L Ramasamy**

Ahli Lembaga Pengarah  
Universiti Malaya

**14. Prof. Dato' Dr. Mohd Azmi bin Omar**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif  
International Centre for Education in Islamic Finance  
(INCEIF)

**15. Elizabeth Lee Fuh Yen (Dr.)**

*Chief Executive Officer*  
Sunway Education Group

**16. Dr. Amran bin Alias**

Ketua Seksyen Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera  
Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia

**SETIAUSAHA**

**17. Prof. Ir. Dr. Khairul Salleh bin Mohamed Sahari**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti)  
Agensi Kelayakan Malaysia  
(Mulai 17 Mei 2019)

# FUNGSI MAJLIS MQA

Majlis Agensi Kelayakan Malaysia ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 11, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) yang dikuatkuasakan pada 1 November 2007. Fungsi majlis adalah seperti berikut:

01

Meluluskan rancangan dan dasar bagi pengurusan Agensi.

02

Meluluskan apa-apa pindaan atau pengemaskinian Kerangka.

03

Meluluskan dasar dan garis panduan yang berhubungan dengan akreditasi program, kelayakan atau pemberi pendidikan tinggi atau audit institusi.

04

Meluluskan apa-apa perkara yang berhubungan dengan fungsi, kuasa, kewajipan, saraan, elaun, honorarium, faedah dan tatakelakuan pegawai, pekerja, ejen dan pakar perunding Agensi.

05

Menerima dan mengawasi laporan, penyata, pernyataan dan apa-apa maklumat lain yang berhubungan dengan akreditasi, audit institusi dan penilaian.

06

Melakukan semua perkara yang semunasabahnya perlu bagi pelaksanaan fungsinya di bawah Akta 679.

# TEMPOH JAWATAN

1. Seksyen 11, Akta 679 telah memperuntukkan penubuhan sebuah Majlis iaitu Majlis Agensi Kelayakan Malaysia dan kuasa melantik anggota Majlis adalah di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan.
2. Selaras dengan peruntukan Seksyen 14, Akta 679, anggota Majlis yang dilantik hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun. Pelantikan anggota Majlis baharu bagi sesi 2019-2021 telah dilaksanakan pada 9 Januari 2019 dan 4 Mac 2019. YB Menteri telah bersetuju untuk melantik seramai 16 orang anggota Majlis termasuk Pengerusi yang baharu setelah tempoh anggota Majlis bagi sesi 2016 - 2018 berakhir pada 31 Disember 2018. Pelantikan anggota Majlis yang baharu ini berkuat kuasa bermula 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021 iaitu selama tiga tahun.
3. Pelantikan anggota Majlis adalah berdasarkan kriteria-kriteria tertentu terutamanya kepakaran, pengalaman, profesionalisme dan jawatan mereka dalam bidang-bidang tertentu yang berkaitan dengan pendidikan tinggi negara.
4. Sepanjang tahun 2019, terdapat pertukaran keanggotaan Majlis berikutan pertukaran perjawatan yang disandang dan persaraan iaitu:
  - i. Dato' Ir. Dr. Meor Ab Aziz bin Haji Osman, Ketua Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Malaysia yang telah dilantik sebagai anggota majlis mewakili badan profesional berkuat kuasa mulai 14 Mei 2019 bagi menggantikan Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Mat Taha yang bersara wajib pada 16 Mac 2019.
  - ii. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang telah dilantik sebagai anggota Majlis MQA berkuat kuasa 1 Oktober 2019 menggantikan Tan Sri Borhan bin Dolah yang bersara wajib pada 9 September 2019.
  - iii. Dr. Amran bin Alias, Ketua Seksyen Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia yang telah dilantik sebagai anggota Majlis MQA berkuat kuasa mulai 20 September 2019 sehingga 31 Disember 2021 bagi menggantikan Dato' Shahrol Anuar bin Sarman yang telah meletakkan jawatan sebagai anggota Majlis MQA berkuat kuasa 1 September 2019.
  - iv. Ir. Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid, Ketua Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya yang telah dilantik sebagai anggota Majlis MQA berkuat kuasa 22 November 2019 bagi menggantikan Dato' Ir. Dr. Meor Ab Aziz bin Haji Osman yang telah bersara wajib pada 1 Oktober 2019.

# MESYUARAT MAJLIS MQA

Subsekyen 11(3), Akta 679 memperuntukkan bahawa Mesyuarat Majlis MQA perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan dengan kuorum minimum lapan orang anggota.

Sepanjang tahun 2019, Mesyuarat Majlis MQA telah bersidang sebanyak lapan kali termasuk empat kali secara edaran. Tarikh-tarikh Mesyuarat Majlis MQA sepanjang tahun 2019 dan bilangan dokumen yang dibentangkan adalah seperti di **Jadual 1**:

BIL.	MESYUARAT MAJLIS	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN KERTAS CADANGAN/ MAKLUMAN
1.	1/2019	28 Mac 2019	Mercu MQA	16
2.	2/2019	21 Mei 2019	Secara Edaran	1
3.	3/2019	21 Jun 2019	Mercu MQA	5
4.	4/2019	3 September 2019	Secara Edaran	1
5.	5/2019	7 Oktober 2019	Mercu MQA	8
6.	6/2019	12 November 2019	Secara Edaran	1
7.	7/2019	5 Disember 2019	Mercu MQA	9
8.	8/2019	23 Disember 2019	Secara Edaran	1

**Jadual 1: Tarikh dan Bilangan Dokumen Mesyuarat Majlis MQA Tahun 2019**

Sepanjang tahun 2019, Majlis MQA telah membincangkan dan memutuskan beberapa kertas makluman dan cadangan seperti berikut:

- i. kertas pembangunan dasar dan kepakaran yang berkaitan dengan dasar dan standard;
- ii. kertas jaminan kualiti yang berkaitan dengan bidang tugas utama MQA; dan
- iii. kertas pengurusan yang meliputi pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, hal-hal pentadbiran dan penubuhan serta pelantikan jawatankuasa berkaitan.

Statistik dokumen yang dibentangkan di Mesyuarat Majlis MQA sepanjang tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 2**:


BIL.	TARIKH MESYUARAT	PERKARA BERBANGKIT	JENIS DOKUMEN			JUMLAH
			PEMBANGUNAN DASAR DAN KEPAKARAN	JAMINAN KUALITI	PENGURUSAN	
1.	28 Mac 2019 (Mercu MQA)	-	9	-	7	16
2.	21 Mei 2019 (Secara Edaran)	-	-	-	1	1
3.	21 Jun 2019 (Mercu MQA)	1	2	-	2	5
4.	3 September 2019 (Secara Edaran)	-	1	-	-	1
5.	7 Oktober 2019 (Mercu MQA)	-	2	1	5	8
6.	12 November 2019 (Secara Edaran)	-	-	-	1	1
7.	5 Disember 2019 (Mercu MQA)	-	3	-	6	9
8.	23 Disember 2019 (Secara Edaran)	-	-	-	1	1
<b>JUMLAH DOKUMEN</b>						<b>42</b>

**Jadual 2: Statistik Dokumen Mesyuarat Majlis bagi Tahun 2019**

# JAWATANKUASA JAMINAN KUALITI

## Jawatankuasa Akreditasi

Setiap permohonan program akreditasi sementara dan akreditasi penuh perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) mengikut Akta 679 yang mempunyai dua bidang utama iaitu Sains dan Sastera seperti di **Rajah 1**:



Rajah 1: Dua Bidang Utama MJA iaitu Bidang Sains dan Bidang Sastera

MJA akan bersidang dan mengesyorkan untuk memberi, menolak, mengekal atau membatalkan akreditasi sementara dan akreditasi penuh seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 9(1)(c) bagi program-program yang dikendalikan oleh PPT.

Bilangan dan tarikh MJA sepanjang tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 3**:

BIL.	MJA	TARIKH
1.	Bil.1/2019	29 Januari 2019
2.	Bil.2/2019	26 Februari 2019
3.	Bil.3/2019	26 Mac 2019
4.	Bil.4/2019	30 April 2019
5.	Bil.5/2019	28 Mei 2019
6.	Bil. 6/2019	2 Julai 2019
7.	Bil. 7/2019 (Secara Edaran)	5 Julai 2019
8.	Bil. 8/2019	31 Julai 2019
9.	Bil. 9/2019	27 Ogos 2019
10.	Bil. 10/2019	24 September 2019
11.	Bil. 11/2019	29 Oktober 2019
12.	Bil. 12/2019	30 November 2019

**Jadual 3: Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) yang Bersidang Sepanjang Tahun 2019**

Senarai nama anggota Jawatankuasa Akreditasi mengikut bidang adalah seperti di **Jadual 4** dan **Jadual 5**:

BIL.	NAMA	JAWATAN DAN INSTITUSI
1.	Profesor Emeritus Dato' Dr. Rahmah binti Mohamed ( <b>Pengerusi</b> )	Ketua Pegawai Eksekutif MQA
2.	Prof. Dato' Dr. Md. Tahir bin Md. Azhar ( <b>Timbalan Pengerusi</b> )	Mantan Pensyarah Taylor's School of Medicine Taylor's University
3.	Prof. Dr. Nor Kamariah binti Noordin	Dekan Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia
4.	Prof. Dr. Wan Ahmad Kamil bin Che Mahmood	Profesor Kehormat Pusat Pengajian Sains Kimia Universiti Sains Malaysia

BIL.	NAMA	JAWATAN DAN INSTITUSI
5.	Prof. Sr. Ir. Dr. Hj. Suhaimi bin Abdul Talib	<i>Board Member</i> UiTM Private Education Sdn. Bhd. INTEC Education College
6.	Prof. Dr. Nabishah binti Mohamad	<i>Vice President for Medical and Health Sciences</i> Management and Science University (MSU)
7.	Prof. Madya Abd. Rahim bin Awang	Pensyarah Jabatan Senibina Dalaman Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur Universiti Teknologi MARA Shah Alam
8.	Dr. Mohd Rashid Buyong bin Hamzah	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia
9.	Dr. Dzaharudin bin Mansor	Ahli Majlis Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM)
10.	Dr. Harcharan Singh	<i>Senior Vice President</i> Technology Solutions Division Bioeconomy Corporation
11.	Pn. Che Ruhani binti Che Ja'afar	Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu Kementerian Kesihatan Malaysia
12.	En. Ikhbal Hanam bin Mukras	Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia [Dilantik berkuat kuasa 19 September 2019 sehingga 31 Disember 2019 menggantikan Tuan Haji Suhaimi bin Jusoh, Timbalan Setiausaha (Pengambilan) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia yang bertukar ke Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan mulai 22 Julai 2019]
13.	Pn. Suzana binti Mohd Hanifa	Timbalan Pengarah Sektor Perundingan Bahagian Pembangunan Modal Insan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (Dilantik berkuat kuasa 14 Oktober 2019 sehingga 31 Disember 2019 menggantikan Cik Nor Azura binti Mohd. Yusof, Timbalan Pengarah, Sektor Perundingan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam yang meletakkan jawatan sebagai ahli MJA berkuat kuasa 19 September 2019)

Jadual 4: Senarai Nama Anggota Jawatankuasa Akreditasi Bidang Sains bagi Sesi 2018-2019

BIL.	NAMA	JAWATAN DAN INSTITUSI
1.	Profesor Emeritus Dato' Dr. Rahmah binti Mohamed ( <b>Pengerusi</b> )	Ketua Pegawai Eksekutif MQA (Lantikan bermula 2 Januari 2018)
2.	Prof. Datin Paduka Dr. Samsinar binti Md. Sidin ( <b>Timbalan Pengerusi</b> )	Naib Canselor Universiti Tun Abdul Razak
3.	En. Suhaimi bin Hamzah	Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi (Dilantik berkuat kuasa 25 Februari 2019 hingga 31 Disember 2019 menggantikan Encik Azman bin Mohd Yusoff, Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertukar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis bermula 18 Februari 2019)
4.	Datuk Zohari bin Said	Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (Dilantik berkuat kuasa 22 Februari 2019 hingga 31 Disember 2019 menggantikan Dato' Zainal Abidin bin Ahmad, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang telah bersara wajib pada 15 Februari 2019)
5.	Prof. Dato' Dr. Hj. Ahmad Hidayat bin Buang	Ketua Jabatan Jabatan Syariah dan Undang-undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
6.	Prof. Dr. Hj. Mohamad Abdullah bin Hemdi	Profesor Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
7.	Prof. Dr. Vincent Pang Ah Fook	Pengarah Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Kualiti Akademik Universiti Malaysia Sabah
8.	Prof. Dr. Che Ruhana binti Isa @ Mohamed Isa	Dekan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya
9.	Prof. Ts. Dr. Hj. Ruslan bin Abdul Rahim	Dekan Fakulti Senilukis dan Senireka Universiti Teknologi MARA Shah Alam
10.	Prof. Madya Dr. Huzili bin Hussin	Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi (iKOM) Universiti Malaysia Perlis

BIL.	NAMA	JAWATAN DAN INSTITUSI
11.	Prof. Madya Dr. Santhi Raghavan	Pengarah OUM Business School Bangi Learning Centre Open University Malaysia (OUM)
12.	Prof. Madya Dr. Syed Musa bin Syed Jaafar Alhabshi	Presiden International Council of Islamic Finance Educators (ICIFE)
13.	Dr. Awan binti Ismail	Pensyarah Kanan Jabatan Teknologi Multimedia Pusat Pengajian Multimedia, Teknologi dan Komunikasi Universiti Utara Malaysia

Jadual 5: Senarai Nama Anggota Jawatankuasa Akreditasi Bidang Sastera bagi Sesi 2018-2019

# PENGURUSAN TERTINGGI



**Ketua Pegawai Eksekutif**  
Profesor Emeritus Dato' Dr. Rahmah binti Mohamed



**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Jaminan Kualiti)**  
Prof. Ir. Dr. Khairul Salleh bin Mohamed Sahari  
(menyandang jawatan ini mulai 2 Mei 2019)



**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Pengurusan)**  
Puan Normahizan binti Yaacob

# SEKTOR JAMINAN KUALITI

## Subsektor Pembangunan Dasar dan Kepakaran



**Pengarah Kanan**  
**(Pembangunan Dasar dan Kepakaran)**  
Encik Mohamad Dzafir bin Mustafa



**Pengarah Bahagian Standard**  
Encik Kamarul Bakri bin Abd Aziz



**Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik**  
Puan Ainil Nilam binti Mohd Mohtar @ Mohd Mokhtar



**Pengarah Bahagian Koordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti**  
Encik Muhamad Amran bin Zainal Abidin  
(mulai 1 Julai 2019)  
Puan Wan Nadiah binti Wan Daud  
(menyandang jawatan ini sehingga 30 Jun 2019)



**Pengarah Pusat Latihan Jaminan Kualiti Malaysia**  
Puan Norasikin binti Yahya

# SEKTOR JAMINAN KUALITI

## Subsektor Akreditasi



**Pengarah Kanan (Akreditasi)**  
Puan Lilian Kek Siew Yick



**Pengarah Bahagian Audit Institusi**  
Puan Halinordina binti Mat Saat



**Pengarah Bahagian Akreditasi (Sastera & Kemanusiaan)**  
Puan Mazlinawati binti Mohamed  
(mulai 1 April 2019)

Dr. Zubaidah binti Aman  
(menyandang jawatan ini sehingga 31 Mac 2019)



**Pengarah Bahagian Akreditasi (Kejuruteraan & Teknologi)**  
Puan Nabisah binti K. Kunheen  
(mulai 1 Julai 2019)




**Pengarah Bahagian Akreditasi (Sains & Perubatan)**  
Encik Abdul Saman bin Taip



**Pengarah Bahagian Akreditasi (Sains Sosial)**  
Encik Mohd Khairul Nizam bin Ibrahim

# SEKTOR PENGURUSAN

## Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)



**Pengarah Bahagian  
Pentadbiran**  
Puan Rohasni binti  
Mohd. Sidek

**Pengarah Bahagian  
Pengurusan Sumber Manusia**  
Puan Aklima binti Kamaruddin  
(menjalankan tugas sebagai  
PBPSM mulai 8 Julai 2019)

Encik Mohd Makhzani bin Yaacob  
(menyandang jawatan ini  
sehingga 7 Julai 2019)


**Pengarah Bahagian  
Kewangan**  
Puan Noor Asimah  
binti Ali


**Pengarah Bahagian  
Teknologi Maklumat**  
Encik Erizal Kamal  
bin Misran

# PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



# CARTA ORGANISASI





Diluluskan pada 1 Julai 2016 dan dikemas kini pada 1 Jun 2017



# LAPORAN PRESTASI

---


PEMBANGUNAN DOKUMEN  
**JAMINAN KUALITI**



# PEMBANGUNAN DOKUMEN JAMINAN KUALITI

Dokumen jaminan kualiti MQA merangkumi Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*), Kod Amalan Audit Institusi (*Code of Practice for Institutional Audit, COPIA*), Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*), Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practice for Programme Accreditation - Open and Distance Learning, COPPA: ODL*), Kod Amalan Akreditasi Program TVET (*Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA*), standard program (*programme standards, PS*) dan garis panduan amalan baik (*guidelines to good practices, GGP*).

## Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*)



MQF merupakan instrumen yang mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang dipersetujui pada peringkat kebangsaan dan ditanda aras dengan amalan antarabangsa. MQF menjelaskan tahap pembelajaran, hasil pembelajaran dan sistem kredit yang berasaskan beban pembelajaran pelajar.


Sedia maklum, MQF telah dikaji semula bagi memastikan ia kekal relevan, unggul dan berkesan. MQF Edisi Kedua telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis MQA pada bulan Disember 2017 dan telah dikuatkuasakan penggunaannya pada 1 April 2019 bagi program yang memohon akreditasi sementara, manakala bagi program yang memohon akreditasi penuh dan program yang melalui penilaian pematuhan, penguatkuasaan akan bermula pada 1 April 2020.

Antara perubahan dan penambahbaikan utama dalam MQF Edisi Kedua (seperti di **Rajah 2**) ialah mewujudkan hanya dua sektor penganugerahan kelayakan iaitu sektor akademik dan sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training, TVET*) berbanding tiga sektor sebelum ini. Justeru itu, penggabungan sektor vokasional dan teknikal dengan sektor kemahiran sebagai satu sektor penganugerahan kelayakan iaitu sektor TVET telah dilakukan dan ini selaras dengan apa yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

MQF LEVEL	GRADUATING CREDIT	SECTOR		Lifelong Learning
		ACADEMIC	TVET *	
8	No credit	PHD by Research		Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)
	80	Doctoral Degree by Mixed Mode & Coursework		
7	No credit	Masters by Research		
	40	Masters by Mixed Mode & Coursework		
	30	Postgraduate Diploma		
	20	Postgraduate Certificate		
6	120	Bachelors Degree		
	66**	Graduate Diploma		
	36**	Graduate Certificate		
5	40	Advance Diploma	Advance Diploma	
4	90	Diploma	Diploma	
3	60	Certificate	Certificate	
2	30	Certificate	Certificate	
1	15	Certificate	Certificate	

\*Technical and Vocational Education and Training. \*\*Inclusive of 6 credits for U1 courses from general studies.

Rajah 2: Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF Edisi Kedua)



## Kod Amalan

### i. Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*)

Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) Edisi Kedua telah dikuatkuasakan sepenuhnya bermula 1 April 2018. Kod amalan ini menjadi rujukan dan kod induk kepada pemberi pendidikan tinggi (PPT), ahli panel penilai (APP), pegawai MQA, penggubal dasar, badan-badan profesional dan mereka yang mempunyai kepentingan dalam bidang pendidikan tinggi. Ia juga menerangkan mengenai sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi Malaysia melalui proses akreditasi program.

COPPA Edisi Kedua telah dikemas kini kepada tujuh bidang penilaian jaminan kualiti berbanding sembilan bidang dalam terbitan pertama pada 2008 seperti di Rajah 3:



Rajah 3: Bidang Penilaian Jaminan Kualiti

## ii. Kod Amalan Akreditasi Program Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practice for Programme Accreditation - Open and Distance Learning, COPPA:ODL*)

Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practice: Open and Distance Learning, COP:ODL*) telah diperkenalkan pada Jun 2012 sebagai panduan bagi penawaran program ODL. Bagi memastikan kandungan dokumen adalah komprehensif dan selaras dengan perkembangan pendidikan tinggi yang dinamik serta bidang penilaian jaminan kualiti dalam COPPA, MQA telah melaksanakan kajian semula terhadap dokumen COP:ODL bermula September 2018. Berteraskan penjajaran dengan perkembangan ODL semasa dan input daripada pihak berkepentingan, MQA telah membuat penambahbaikan terhadap dokumen COP:ODL dan menghasilkan versi terkini iaitu COPPA:ODL.

Pada tahun 2019, proses kajian semula COPPA:ODL diteruskan dengan beberapa siri mesyuarat dan bengkel pihak berkepentingan luaran dan dalaman pada 16 Mac 2019 dan 13 April 2019. Semasa bengkel pihak berkepentingan, MQA mendapat banyak maklum balas daripada PPT, industri, APP dan juga daripada pegawai MQA. COPPA:ODL melibatkan perubahan utama dalam Seksyen 2 iaitu 'Kriteria dan Standard Akreditasi' yang diselaraskan dengan tujuh bidang penilaian jaminan kualiti dalam COPPA. Tambahan kepada itu, dokumen COPPA:ODL dibangunkan secara komprehensif turut merangkumi Seksyen 3: Penyediaan Program Akreditasi Mod ODL oleh PPT, Seksyen 4: Akreditasi Program, Seksyen 5: Panel Penilai dan Seksyen 6: Garis Panduan Penyediaan Laporan Program Akreditasi Mod ODL bagi Panel Penilai.

COPPA:ODL telah diluluskan pemakaiannya dalam Mesyuarat Majlis MQA Bil.3/2019 pada 7 Oktober 2019. Pemakaian COPPA:ODL telah dihebahkan melalui Surat Pekeliling MQA Bil.11/2019 pada 26 Nov 2019 dan akan digunakan sepenuhnya bagi permohonan akreditasi program ODL bermula 1 Julai 2020.



**Pembentangan Draf Dokumen Kajian Semula COPPA: ODL oleh Pengerusi Panel, Prof. Madya Dr. Andy Liew Teik Kooi**



Bengkel Pihak Berkepentingan Dalaman bagi Kajian Semula COPPA: ODL

### iii. Kod Amalan Akreditasi Program TVET (*Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA*)

*Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* merupakan kod amalan yang dibangunkan oleh barisan panel pembangunan Standard TVET yang terdiri daripada wakil penyedia TVET, kementerian/agensi berkaitan dan pakar daripada industri TVET. Standard TVET dibangunkan berasaskan kepada tujuh bidang penilaian jaminan kualiti yang mengkhusus kepada TVET. 'Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET' menuntut kepatuhan penyedia TVET terhadap Standard TVET yang dinyatakan dalam COPTPA yang merupakan asas kepada pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET oleh MQA dan JPK. Ini merangkumi program TVET yang bermula daripada Sijil Tahap 1 MQF hingga Diploma Lanjutan Tahap 5 MQF. COPTPA diyakini dapat memperkukuh penekanan kepada amalan dan penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum dan penawaran program TVET serta meningkatkan kepakaran tenaga pengajar yang berkelayakan dan mahir berkaitan amalan industri.

MQA sedang dalam proses membangunkan Standard TVET bagi Program Sarjana Muda Tahap 6 MQF yang dijangka akan dimuktamadkan pada suku tahun kedua 2020.

## Standard Program

Standard program merupakan dokumen kualiti yang mengandungi kriteria minimum yang perlu dicapai oleh PPT untuk memastikan program akademik sesuatu bidang boleh disampaikan secara berkesan. Standard program merangkumi tahap kelayakan MQF dari sijil hingga kedoktoran.

Proses pembangunan dokumen jaminan kualiti diilustrasikan seperti di **Rajah 4**:



\* Bagi kajian semula standard program sahaja

\*\* Bagi pembangunan standard program baru sahaja

**Rajah 4: Proses Pembangunan Dokumen Jaminan Kualiti**

Pada tahun 2019, MQA telah bekerjasama dengan Halal Industry Development Corporation (HDC) untuk membangunkan Standard Program: Pengajian Halal. HDC merupakan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah diberi peranan untuk menguruskan hal ehwal berkaitan pengurusan halal. Selain itu, HDC juga berperanan dalam pembangunan *Halal Industry Master Plan (HIMP) 2.0* yang mana inisiatif utamanya adalah berkenaan pembangunan modal insan bagi mewujudkan pekerja berkemahiran tinggi dalam industri halal. Sehingga Disember 2019, proses pembangunan standard program telah mencapai 48%.

Proses pembangunan Standard Program: Pengajian Halal melibatkan lapan orang panel daripada institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dan wakil daripada industri.






Mesyuarat bersama Panel yang Diadakan di MQA



Mesyuarat bersama Panel yang Diadakan di HDC

Bagi memastikan dokumen kualiti yang dihasilkan oleh MQA memenuhi keperluan semasa seperti MQF Edisi Kedua, COPPA Edisi Kedua, Revolusi Industri 4.0, pendidikan fleksibel serta COPTPA, maka usaha penjajaran keperluan tersebut dengan standard program telah dimulakan pada Februari 2018. Tiga standard program yang terawal dijangka adalah Bioteknologi, Muamalat dan Kewangan Islam serta Hospitaliti dan Pelancongan. Penjajaran ini dilaksanakan bersekali dengan kajian semula ketiga-tiga standard program ini yang telah diluluskan pemakaiannya pada 2019 seperti berikut:

	<b>BIOTEKNOLOGI</b>	Pekeliling MQA Bil. 2/2019 bertarikh 20 Februari 2019
	<b>MUAMALAT DAN KEWANGAN ISLAM</b>	Pekeliling MQA Bil. 2/2019 bertarikh 20 Februari 2019
	<b>HOSPITALITI DAN PELANCONGAN</b>	Pekeliling MQA Bil. 7/2019 bertarikh 10 Julai 2019

Selain daripada aktiviti penjajaran dokumen kualiti yang dinyatakan, MQA dengan kerjasama *Conjoint Board of Studies for Audiology and Speech Sciences (CBOSASS)* telah membuat kajian semula terhadap subbidang Sains Pertuturan dalam Standard Program Sains Perubatan dan Kesihatan selaras dengan peredaran dan keperluan semasa. CBOSASS merupakan sebuah badan yang diwakili oleh ahli akademik dari universiti di Malaysia yang menawarkan program Sains Pertuturan/Patologi Pertuturan/Patologi Pertuturan-Bahasa. Kajian semula subbidang ini dibuat bagi memastikan standard yang digariskan bagi subbidang ini adalah relevan untuk digunakan sebagai penanda aras pelaksanaan program Sains Pertuturan di Malaysia. Pemakaiannya telah diluluskan seperti berikut:

	<b>SUBBIDANG SAINS PERTUTURAN DALAM STANDARD PROGRAM SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN</b>	Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2019 bertarikh 20 Februari 2019
---	--	---

Pada tahun 2019, dua lagi standard program dikaji semula iaitu Seni Lukis dan Seni Reka serta Pengajian Perniagaan. Seni Lukis dan Seni Reka telah mencapai 50% pembangunan manakala Pengajian Perniagaan telah mencapai 8% pembangunannya. Seramai lima orang panel pakar bidang telah dilantik termasuk seorang wakil industri untuk setiap standard program.

Bagi memastikan kajian semula memenuhi keperluan industri, satu sesi dialog bersama wakil industri diadakan pada 23 September 2019 untuk membincangkan dan mendapatkan input mengenai kompetensi graduan yang dilahirkan oleh PPT berdasarkan penggunaan standard program tersebut.



Sesi Dialog bersama Wakil Industri bagi Kajian Semula Standard Program: Seni Lukis dan Seni Reka

MQA juga bercadang untuk membuat kajian semula terhadap Standard Program: Perubatan Tradisional dan Komplementari (SP: PT&K) pada tahun 2020. Kajian semula ini adalah secara usaha sama dengan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagi melancarkan perbincangan kumpulan pakar bidang, sesi dialog bersama wakil industri telah diadakan pada 31 Oktober 2019 untuk mendapatkan input mengenai kompetensi graduan yang dilahirkan oleh PPT serta mendapatkan input terhadap standard sedia ada bagi menambah baik SP: PT&K.



Sesi Dialog bersama Wakil Industri bagi Kajian Semula Standard Program: Perubatan Tradisional dan Komplementari

## Garis Panduan Amalan Baik

### i. *Micro-credential*

Bagi meraikan inovasi dalam pendidikan tinggi yang fleksibel, bermula pada bulan Oktober 2018 MQA juga telah memulakan usaha membangunkan Dasar dan Garis Panduan Amalan Baik: *Micro-credential* (GGP: *Micro-credential*). Pelaksanaan *Micro-credential* yang akan membenarkan penawaran kursus secara pecahan yang lebih kecil dengan mengguna pakai platform pembelajaran secara dalam talian dijangka akan memberi impak positif ke atas sistem pendidikan tinggi negara dan akan memberikan peluang kepada individu terutamanya mereka yang bekerja untuk meningkatkan kemahiran spesifik yang disyaratkan oleh industri dalam tempoh yang singkat serta mampu menutup jurang kemahiran (*skills gap*) yang disebabkan oleh perkembangan teknologi dan pengetahuan masa kini yang sangat pantas.

Pembangunan dokumen *Micro-credential* boleh dibahagikan kepada dua iaitu *Micro-credential* yang berbentuk *continuous professional development* (CPD) yang tidak membawa kepada penganugerahan kelayakan formal di bawah pembelajaran *non-formal* dan *Micro-credential* yang membawa kepada kelayakan akademik formal.

Proses pembangunan dokumen GGP: *Micro-credential* (Fasa Satu) yang berbentuk CPD yang dimulakan pada 2018 telah selesai pembangunannya dan telah dihebahkan menerusi Surat Makluman MQA Bil.2/2019 pada 6 Mei 2019. Manakala, dokumen *Micro-credential* yang membawa kepada kelayakan akademik sedang dalam proses pembangunan. Satu jawatankuasa panel yang terdiri daripada enam orang ahli akademik telah ditubuhkan bagi membantu MQA membangunkan dokumen tersebut. Proses pembangunan dokumen telah mencapai 40% dan dijangka selesai pada tahun 2020.



Mesyuarat bersama Panel bagi Pembangunan GGP: *Micro-credential*

## ii. *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) Bagi Tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik [APEL(Q)]*

Sebagai kesinambungan pelaksanaan APEL(A) dan APEL(C) di Malaysia dan bagi mengiktiraf pengalaman pembelajaran seseorang, maka APEL bagi tujuan penganugerahan kelayakan akademik [APEL(Q)] akan diperkenalkan. Fokus APEL(Q) adalah kepada penganugerahan kelayakan akademik tanpa memerlukan calon untuk mengikuti keseluruhan tempoh pengajian.

Pelaksanaan APEL(Q) akan dimulakan dengan pembangunan dasar APEL(Q), diikuti dengan pembangunan panduan pelaksanaan APEL(Q) dan seterusnya instrumen penilaian APEL(Q). Ketiga-tiga elemen ini akan dirangkumkan dalam satu dokumen iaitu Garis Panduan Amalan Baik: APEL(Q) (GGP: APEL(Q)). Satu jawatankuasa panel yang terdiri daripada lapan orang ahli akademik telah ditubuhkan bagi membantu MQA membangunkan dokumen GGP: APEL(Q). Proses pembangunan dokumen telah mencapai 40% dan dijangka selesai pada tahun 2020.

## **PENJAJARAN HASIL PEMBELAJARAN 10 STANDARD PROGRAM TERHADAP KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MQF) EDISI KEDUA**

MQF Edisi Kedua telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis MQA pada Disember 2017 dan telah dikuatkuasakan penggunaannya pada 1 April 2019 bagi program yang memohon akreditasi sementara, manakala bagi program yang memohon akreditasi penuh dan melalui penilaian pematuhan akan bermula pada 1 April 2020. Selaras dengan pemakaian MQF yang ditetapkan, adalah perlu untuk MQA membuat penjajaran semula hasil pembelajaran 10 standard program dengan hasil pembelajaran MQF Edisi Kedua. Penjajaran ini melibatkan standard program seperti **Jadual 6**:

BIL.	STANDARD PROGRAM
1.	Undang-undang dan Perundangan Syariah
2.	Komputeran
3.	Seni Lukis dan Seni Reka
4.	Sains Maklumat
5.	Ukur Bangunan
6.	Pengajian Media dan Komunikasi
7.	Seni Persembahan
8.	Pendidikan
9.	Pendidikan Awal Kanak-kanak
10.	Kewangan

**Jadual 6: Penjajaran Hasil Pembelajaran 10 Standard Program dengan MQF Edisi Kedua**

Bagi tujuan tersebut, satu bengkel bersama panel telah diadakan pada 9 dan 10 November 2019. MQA telah menjemput Prof. Dr. Ir. Sr. Suhaimi Abdul Talib sebagai penceramah dan fasilitator dalam bengkel tersebut.



Bengkel Penjajaran Semula Hasil Pembelajaran 10 Standard Program terhadap Hasil Pembelajaran MQF Edisi Kedua

#### PELAKSANAAN PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU (ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING – APEL)




##### APEL BAGI TUJUAN AKSES - APEL(A)

Tahun 2019 merupakan tahun MQA mempergiatkan usaha mempromosikan APEL bagi tujuan akses ke program:

- Sijil (APEL T-3);
- Diploma (APEL T-4);
- Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6); dan
- Sarjana (APEL T-7).

Hasil usaha mempergiat promosi APEL, MQA telah menerima 4,593 permohonan APEL bermula 1 Januari 2019 sehingga 16 Disember 2019. Statistik permohonan APEL 2019 adalah seperti di **Jadual 7**:



**Jadual 7: Jumlah Permohonan APEL Berdasarkan Tahun**

Berdasarkan statistik di atas, bilangan permohonan APEL bagi tujuan akses ke program mengikut peringkat adalah seperti berikut:

- 239 permohonan peringkat Sijil (APEL T-3);
- 918 permohonan peringkat Diploma (APEL T-4);
- 1,919 permohonan peringkat Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6); dan
- 1,517 permohonan peringkat Sarjana (APEL T-7).


## APEL BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KREDIT - APEL(C)

APEL bagi tujuan penganugerahan kredit [APEL(C)] telah diperkenalkan pada bulan September 2016. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan APEL(C), MQA telah menjalankan kaji selidik pada setiap tahun bermula tahun 2017. Tujuan kaji selidik ini adalah untuk mengetahui penerimaan dan pelaksanaannya di PPT yang telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan APEL(C). Bagi kaji selidik kali kedua yang dijalankan bermula penghujung 2018, data bagi Januari sehingga Disember 2018 telah digunakan dan laporan kaji selidik telah dikeluarkan pada bulan Mac 2019. PPT yang terlibat dalam kaji selidik ini adalah seperti di **Jadual 8**:

BIL.	PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI
1.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
2.	Universiti Terbuka Malaysia (Open University Malaysia, OUM)
3.	Universiti Terbuka Wawasan (Wawasan Open University, WOU)
4.	Universiti Antarabangsa INTI (INTI International University)
5.	Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IU KL)
6.	Management and Science University (MSU)
7.	Kolej Universiti KDU Penang (KDU Penang University College)
8.	Asia e University (AeU)


**Jadual 8: PPT yang Terlibat dalam Kaji Selidik Pelaksanaan APEL(C)**

IU KL, MSU, KDU Penang dan AeU merupakan empat PPT baharu yang telah mendapat kelulusan melaksanakan APEL(C) pada tahun 2018. Oleh itu, tiada perbandingan bilangan permohonan APEL(C) di PPT dengan tahun 2017 yang dapat dilaporkan. Berdasarkan kaji selidik, didapati terdapat peningkatan sebanyak 48% terhadap bilangan pelajar yang memohon APEL(C) pada tahun 2018 iaitu 535 permohonan berbanding 279 permohonan pada tahun 2017. **Carta 1** menunjukkan jumlah keseluruhan sebanyak 603 kredit telah diluluskan melalui penilaian APEL(C) pada tahun 2018. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 63% berbanding tahun 2017.




**Carta 1: Bilangan Pelajar yang Memohon APEL(C) di PPT dan Jumlah Kredit yang Terlibat**

Berdasarkan kaji selidik tersebut, majoriti pelajar yang diluluskan APEL(C) terdiri daripada pelajar di tahap 6 MQF iaitu sebanyak 89%. Pencapaian ini adalah kerana terdapat peningkatan terhadap bilangan pelajar yang memohon APEL(C) pada tahun 2018. Pecahan peratusan pelajar yang lulus APEL(C) mengikut tahap MQF adalah seperti di **Carta 2**:



**Carta 2: Peratusan Pelajar yang Lulus APEL(C) mengikut Tahap Program**

Majoriti pelajar yang memohon dan telah lulus APEL(C) adalah pelajar yang mengikuti program bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (26%), diikuti pelajar program bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak (15%) dan Pentadbiran Perniagaan (11%) seperti ditunjukkan di **Carta 3**:



**Carta 3: Bilangan Pelajar yang Lulus APEL(C) berdasarkan Bidang Program**

Pada tahun 2019, MQA telah menerima tiga permohonan daripada PPT yang ingin melaksanakan APEL(C), menjadikan keseluruhan sebanyak 27 permohonan yang masih dalam proses penilaian. Berdasarkan permohonan tersebut, sehingga Disember 2019, sembilan PPT telah mendapat kelulusan daripada MQA untuk melaksanakan APEL(C) seperti di **Rajah 5**, menjadikan keseluruhan 17 PPT telah mendapat kelulusan APEL(C). Dengan kelulusan yang diperolehi, PPT tersebut boleh mengiktiraf pengalaman pembelajaran dan himpunan kursus pendek yang diambil oleh pelajar bagi tujuan penganugerahan kredit kursus dalam program akademik yang diikuti.



Rajah 5: PPT yang telah Mendapat Kelulusan Menjalankan APEL(C) pada 2019

Antara sesi pembentangan oleh PPT yang memohon APEL(C) yang telah diadakan pada 2019 adalah seperti berikut:



Sesi Pembentangan oleh PPT yang Memohon APEL(C)

Melalui usaha-usaha yang telah dijalankan ini, dijangka APEL dapat menjayakan agenda pembelajaran sepanjang hayat, sepertimana yang dihasratkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

## PELAKSANAAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET

Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji pelaksanaan dasar TVET negara dengan memperkenalkan 'Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET'. Perkara ini telah diangkat dan dipersetujui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019. Di bawah inisiatif ini, satu Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee*, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET telah ditubuhkan dengan 13 keanggotaan yang dilantik oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia pada 15 April 2019. 13 keanggotaan tersebut terdiri daripada pelbagai pihak iaitu MQA, JPK, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan dan dua orang pakar industri TVET. JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET bertanggungjawab menyelaraskan dasar dan proses jaminan kualiti program TVET. Sepanjang tahun 2019, JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET telah bersidang sebanyak tiga kali dengan satu mesyuarat khas seperti di **Jadual 9**:

BIL.	PERKARA	URUS SETIA
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bil. 1/2019 pada 29 April 2019 bertempat di Mercu MQA, Cyberjaya	MQA
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bil. 2/2019 pada 15 Ogos 2019 bertempat di Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya	JPK, KSM
3.	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Bersama Jaminan Kualiti Tunggal TVET pada 6 September 2019 bertempat di Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya	JPK, KSM
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bil. 3/2019 pada 18 November 2019 bertempat di Mercu MQA, Cyberjaya	MQA

**Jadual 9: Kronologi Penganjuran Mesyuarat JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET**

Bagi menjayakan 'Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET', JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET telah meluluskan penubuhan empat Jawatankuasa Kecil JTC TVET bagi melaksanakan kerja-kerja teknikal berkaitan hebahan, *pool of assessors*, pembangunan daftar *occupational/industry standards and practices* dan proses kerja akreditasi tunggal TVET. Mesyuarat Jawatankuasa Kecil JTC TVET yang pertama telah diadakan pada 6 Mei 2019.



Mesyuarat JTC Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bil. 3/2019 bertarikh 18 November 2019 di Mercu MQA, Cyberjaya

Di samping itu, MQA dan JPK telah mengadakan sebanyak sembilan sesi jerayawara ke seluruh negara dengan kehadiran wakil PPT TVET bagi menerangkan berkenaan artikulasi laluan TVET dan pemakaian *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)*. Latihan juga akan disediakan kepada penyedia TVET bagi memastikan semua program TVET dapat dikendalikan dengan berkesan dalam menghasilkan tenaga kerja yang memenuhi keperluan industri.

#### PEMANTAUAN INISIATIF-INISIATIF DI BAWAH PERANCANGAN STRATEGIK MQA MENUJU 2020

Pada tahun 2019, program-program yang dirancang di bawah Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 telah dipantau pelaksanaannya melalui bengkel dan mesyuarat yang diadakan secara berkala seperti di **Jadual 10**:

BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	Bengkel Pemantauan Inisiatif-inisiatif di bawah Perancangan Strategik Menuju 2020 Bil. 1/2019	Mercu MQA	15 -16 Mei 2019
2.	Mesyuarat Pemantauan Inisiatif-inisiatif di bawah Perancangan Strategik Menuju 2020 Bil. 1/2019	Mercu MQA	4 November 2019

Jadual 10: Program Pemantauan Inisiatif-inisiatif di bawah Perancangan Strategik MQA Menuju 2020



Bengkel Pemantauan Inisiatif-inisiatif di bawah Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 Bil. 1/2019, Mercuri MQA, Cyberjaya, 15-16 Mei 2019

Selain melaksanakan pemantauan terhadap inisiatif-inisiatif di bawah Perancangan Strategik MQA Menuju 2020, Unit Perancangan Strategik (UPS), Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS), MQA telah mengorak langkah memulakan usaha membangunkan Perancangan Strategik MQA yang baharu bagi tempoh 2021 sehingga 2025. Ini adalah kerana Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 yang sedia ada yang memuatkan pelan tindakan projek-projek MQA bermula tahun 2016 sehingga 2020 telah hampir ke penghujungnya.

Antara langkah awal proses pembangunan perancangan strategik ini, UPS telah mengadakan Bengkel Pembangunan Perancangan Strategik Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) 2021-2025 pada 5-6 Ogos 2019 di Zenith Hotel, Putrajaya. Bengkel ini diadakan bagi menentukan objektif dan halatuju Perancangan Strategik MQA 2021-2025 dengan bertemakan *Future of Education and Human Capital Development in the Era of IR4.0 & IR5.0*. Bengkel ini turut melibatkan perkongsian pengetahuan daripada pakar dalam kalangan akademik, industri dan PPT seperti berikut:

- i. Tan Sri Dato' Dr. Ramon Navaratnam, *Group Corporate Advisor, Sunway Group*
- ii. Prof. Dr. Abd. Karim Alias, *Universiti Sains Malaysia*
- iii. Dr. Dzaharudin bin Mansor, *Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia, PIKOM*
- iv. Mr. Eric Vermeulen, *Innovative Thinker, The Netherlands*

Antara input yang diperolehi daripada sesi bengkel ini adalah cadangan teras strategik dan pemboleh daya organisasi yang akan menjadi tunjang utama kepada dokumen Perancangan Strategik MQA 2021-2025. Dengan penglibatan daripada pihak berkepentingan seperti ahli akademik, industri dan pemberi pendidikan tinggi ini diharap dokumen Perancangan Strategik MQA 2021-2025 yang akan dibangunkan dapat memenuhi keperluan semasa dan selaras perkembangan pendidikan tinggi negara dalam era Revolusi Industri 4.0 dan *Society 5.0*.

Dalam proses untuk membangunkan perancangan strategik yang baharu, projek-projek yang disusun di bawah perancangan strategik telah melalui proses semakan semula bagi mengukur tahap kejayaan dan kerelevanan projek-projek yang sedang dilaksanakan.

Rentetan daripada bengkel tersebut, UPS, BDPS MQA telah mengadakan Bengkel Analisis Jurang pada 12 November 2019 di Mercu MQA. Melalui bengkel tersebut, program-program sedia ada di bawah Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 diperhalusi dan dianalisis kebolehcapaiannya serta signifikannya untuk terus dikekalkan dalam Perancangan Strategik MQA 2021-2025. Pada masa yang sama, program baharu dan relevan telah dicetuskan dan disenaraikan bagi memastikan perancangan strategik MQA yang baharu ini dapat menyokong ke arah pencapaian visi, misi, objektif dan nilai teras MQA serta kekal relevan dalam memenuhi keperluan pihak berkepentingan di masa akan datang.

Selain penganjuran siri bengkel, UPS juga telah membangunkan soal selidik perancangan strategik kepada warga MQA dan kepada pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas terhadap Perancangan Strategik MQA 2021-2025. Input yang diperolehi kelak diharap dapat diguna pakai dalam proses pembangunan dokumen perancangan strategik yang baharu ini. Aktiviti pembangunan dokumen Perancangan Strategik 2021-2025 akan diteruskan pada tahun 2020 dengan mengadakan beberapa siri bengkel di peringkat dalaman MQA dan *engagement* dengan pihak berkepentingan.



Bengkel Pembangunan Perancangan Strategik MQA 2021-2025,  
Hotel Zenith, Putrajaya, 5-6 Ogos 2019



Bengkel Pembangunan Perancangan Strategik MQA 2021-2025,  
Hotel Zenith, Putrajaya, 5-6 Ogos 2019



Bengkel Analisis Jurang, Pembangunan Perancangan Strategik MQA 2021-2025, Mercu MQA, 12 November 2019



# LAPORAN PRESTASI

---

PENGGUBALAN DAN  
**PENYELARASAN DASAR**



# PENGGUBALAN DAN PENYELARASAN DASAR

MQA menyedari kepentingan menjalankan penyelarasan terhadap dasar-dasar semasa dan menggubal dasar-dasar baharu dalam usaha mengukuhkan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara. Sepanjang tahun 2019, MQA telah mengeluarkan pekeliling, surat pekeliling dan surat makluman berkaitan dengan isu dan dasar pendidikan tinggi sebagai rujukan kepada pihak berkepentingan. Pekeliling, surat pekeliling dan surat makluman ini boleh diakses melalui portal MQA. Senarai adalah seperti di **Jadual 11** dan **Jadual 12**:

BIL.	PERKARA	SUMBER RUJUKAN
1.	Caj Perkhidmatan Penilaian Kesetaraan Kelayakan Antarabangsa Peringkat Menengah	Pekeliling MQA Bil. 1/2019 bertarikh 28 Januari 2019
2.	Penambahan Subbidang dalam Standard Program: Komputeran	Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2019 bertarikh 20 Februari 2019
3.	Penggunaan Edisi Terkini Standard Program: 1) Bioteknologi 2) Muamalat dan Kewangan Islam	Pekeliling MQA Bil. 2/2019 bertarikh 20 Februari 2019
4.	Penggunaan Standard Program: Bahasa	Pekeliling MQA Bil. 3/2019 bertarikh 20 Februari 2019
5.	Caj Perkhidmatan Berhubung Permohonan Pengesahan Pengiktirafan Kelayakan yang Tersenarai dalam eSisraf dan MQR	Pekeliling MQA Bil. 4/2019 bertarikh 21 Mac 2019
6.	Penggunaan Standard Program: Kepakaran Pergigian	Pekeliling MQA Bil. 5/2019 bertarikh 30 April 2019
7.	Perubahan Proses dan Tempoh Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Mulai Julai 2019	Pekeliling MQA Bil. 6/2019 bertarikh 9 Mei 2019
8.	Penggunaan Standard Program: Hospitaliti dan Pelancongan	Pekeliling MQA Bil. 7/2019 bertarikh 10 Julai 2019

BIL.	PERKARA	SUMBER RUJUKAN
9.	Caj Perkhidmatan Berhubung Permohonan Rayuan Calon APEL yang Tidak Melempi Saringan Pusat Penilaian APEL (PPA) bagi Kemasukan ke Program Peringkat Sarjana Tahap 7 (APEL T-7) MQF	Pekeliling MQA Bil. 8/2019 bertarikh 17 Julai 2019
10.	Penggunaan Edisi Terkini Standard Program Sains Perubatan dan Kesihatan bagi Subbidang Sains Pertuturan	Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2019 bertarikh 17 Julai 2019
11.	Penambahbaikan Terhadap Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran	Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2019 bertarikh 17 Julai 2019
12.	Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Penambahbaikan Laluan Pendidikan Graduan TVET	Pekeliling MQA Bil. 9/2019 bertarikh 30 Ogos 2019
13.	Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program TVET ( <i>Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA</i> )	Pekeliling MQA Bil. 10/2019 bertarikh 30 Ogos 2019
14.	Penambahbaikan Syarat Kelayakan Masuk dalam Standard Program: Komputeran	Surat Pekeliling MQA Bil. 4/2019 bertarikh 12 September 2019
15.	Penambahbaikan Syarat Kelayakan Masuk dalam Standard Program: Muamalat dan Kewangan Islam	Surat Pekeliling MQA Bil. 5/2019 bertarikh 18 September 2019
16.	Mekanisme Baharu Pengiktirafan Kelayakan Luar Negara	Surat Pekeliling MQA Bil. 6/2019 bertarikh 10 Oktober 2019
17.	Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh ( <i>Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning, COPPA-ODL</i> )	Pekeliling MQA Bil. 11/2019 bertarikh 26 November 2019
18.	Perubahan Status Dokumen 'Dasar Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia' kepada 'Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia'	Surat Pekeliling MQA Bil. 7/2019 bertarikh 17 Disember 2019
19.	Penambahbaikan Keperluan Program Bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan	Surat Pekeliling MQA Bil. 8/2019 bertarikh 23 Disember 2019
20.	Penambahbaikan Borang dan Proses Permohonan Akreditasi Sementara (MQA-01 2017) dan Akreditasi Penuh (MQA-02 2017)	Surat Pekeliling MQA Bil. 9/2019 bertarikh 26 Disember 2019

Jadual 11: Senarai Pekeliling dan Surat Pekeliling MQA

BIL.	PERKARA	SUMBER RUJUKAN
1.	Ketetapan Berkaitan Gred 11 dan Gred 12 Sistem Persekolahan Luar Negara	Surat Makluman MQA Bil. 1/2019 bertarikh 4 April 2019
2.	Panduan Pelaksanaan Program <i>Micro-credential</i>	Surat Makluman MQA Bil. 2/2019 bertarikh 6 Mei 2019
3.	Pameran Salinan Perakuan Akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia di Premis Pemberi Pendidikan Tinggi	Surat Makluman MQA Bil. 3/2019 bertarikh 7 Mei 2019
4.	Peraturan Pengiklanan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]	Surat Makluman MQA Bil. 4/2019 bertarikh 7 Mei 2019
5.	Garis Panduan Kurikulum: Program Asas	Surat Makluman MQA Bil. 5/2019 bertarikh 31 Mei 2019
6.	Program Integrasi Sarjana Muda Tahap 6 MQF dan Sarjana Tahap 7 MQF	Surat Makluman MQA Bil. 6/2019 bertarikh 17 Julai 2019
7.	Ketetapan Mengenai Pengemukaan Dokumen dan Fi Permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh bagi Program Profesional ke MQA	Surat Makluman MQA Bil. 7/2019 bertarikh 31 Julai 2019
8.	Panduan Pemilihan Institusi Pendidikan Tinggi Luar Negara Sebagai Rakan Kerjasama ( <i>Franchisor</i> ) Pemberi Pendidikan Tinggi Malaysia	Surat Makluman MQA Bil. 8/2019 bertarikh 20 Ogos 2019
9.	Pelaksanaan Tempoh Pembelajaran Melebihi 43 Minggu dan Beban Pembelajaran Melebihi 50 Kredit Setahun	Surat Makluman MQA Bil. 9/2019 bertarikh 26 November 2019
10.	Pengecualian Bilangan Maksimum Pengambilan Pelajar bagi Program Sarjana dan Kedoktoran Secara Penyelidikan	Surat Makluman MQA Bil. 10/2019 bertarikh 27 November 2019

Jadual 12: Senarai Surat Makluman MQA

Penyelarasan dan penggubalan dasar-dasar baharu seperti yang disenaraikan di **Jadual 11** dan **Jadual 12** telah dibentangkan dan dibincangkan secara bersama antara MQA dan Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pendidikan Tinggi), KPM (SPT) dalam Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA. Sebanyak tiga mesyuarat dan satu sesi *Brain Cracking* berkaitan jaminan kualiti pendidikan tinggi telah diadakan pada tahun 2019. Perincian adalah seperti di **Jadual 13**:

BIL.	PERKARA	URUS SETIA
1.	Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2019 pada 15 April 2019 bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya	MQA
2.	Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2019 pada 30 September 2019 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya	Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)
3.	Sesi <i>Brain Cracking</i> Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi pada 9 Disember 2019 bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya	MQA
4.	Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 3/2019 pada 10 Disember 2019 bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya	MQA

**Jadual 13: Perincian Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA dan Sesi *Brain Cracking***



Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2019, Hotel Zenith, Putrajaya, 15 April 2019



Sesi *Brain Cracking* Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi, Hotel Pulse Grande, Putrajaya, 10 Disember 2019



Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 3/2019, Hotel Pulse Grande, Putrajaya, 10 Disember 2019

## SESI KONSULTASI DAN TAKLIMAT BERKAITAN DASAR JAMINAN KUALITI PENDIDIKAN TINGGI

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) terlibat dalam menyampaikan taklimat dan memberikan konsultasi berkaitan dasar-dasar terkini jaminan kualiti pendidikan tinggi kepada warga MQA dan pihak berkepentingan. Senarai aktiviti berkaitan taklimat dasar adalah seperti di **Jadual 14**:

BIL.	PERKARA	TARIKH	PEMBENTANG / PENCERAMAH
1.	Sesi Sindikasi Bersama MQA bagi Persediaan Permohonan Akreditasi bagi Program Pengajian Tinggi di Institut Aminuddin Baki	28 Februari 2019	Encik Kamarul Bakri Abd Aziz
2.	Program <i>Engagement</i> bersama MQA kepada Persatuan IPTS dan Pegawai Jabatan Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan Malaysia	16 Julai 2019	Puan Ainil Nilam Mohd Mokhtar
3.	Sesi Perkongsian Ilmu MQA bersama Warga Kementerian Pendidikan Malaysia	26 Ogos 2019	Puan Ainil Nilam Mohd Mokhtar
4.	Taklimat Dasar Bil. 1/2019 berkaitan Jaminan Kualiti Tunggal TVET – COPTPA untuk Pegawai MQA bertempat di Auditorium Mercu MQA	29 November 2019	Puan Ainil Nilam Mohd Mokhtar dan Encik Zabib Bakar
5.	Hari Mesra Pelanggan MQA bertempat di Mercu MQA	Sepanjang Tahun	Penglibatan semua pegawai BDPS

**Jadual 14: Sesi Konsultasi dan Taklimat Dasar**

## PENYEDIAAN INPUT TERHADAP ISU-ISU BERKAITAN JAMINAN KUALITI PENDIDIKAN TINGGI YANG DIBANGKITKAN DALAM PERSIDANGAN PARLIMEN TAHUN 2019

MQA juga terlibat dalam menguruskan hal ehwal Parlimen. Pada tahun 2019, MQA telah menguruskan penglibatan Pegawai MQA sebagai Pegawai Pelapor Harian di Parlimen, menyelaras maklum balas Pertanyaan Jawab Lisan Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta menghadiri mesyuarat/bengkel dan sesi taklimat kepada Menteri/Timbalan Menteri yang diurusetikan oleh Urus Setia Parlimen KPM. Ringkasan aktiviti berkaitan Parlimen adalah seperti di **Jadual 15**:

PERKARA	BILANGAN
Penglibatan Pegawai MQA sebagai Pegawai Pelapor Parlimen	18 Pegawai
Menyelaras maklum balas Pertanyaan Jawab Lisan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Berikut adalah pertanyaan yang mendapat <i>input</i> MQA:	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil Palsu</li> <li>• Akreditasi dan Kualiti Program Pendidikan Tinggi</li> <li>• TVET</li> <li>• Diploma Vokasional Malaysia (DVM)</li> <li>• <i>Accreditation of Prior Experiential Learning</i> (APEL)</li> <li>• Lain-lain</li> </ul>	<p>15</p> <p>12</p> <p>6</p> <p>4</p> <p>2</p> <p>6</p>
Sesi Taklimat kepada YBM / YBTM	4
Mesyuarat / Bengkel Persediaan Persidangan Parlimen	7

**Jadual 15: Ringkasan Penglibatan MQA di Parlimen ke-14 Tahun 2019**



**Mesyuarat Pertama Parlimen ke-14 2019**



# LAPORAN PRESTASI

---

PELAKSANAAN PENILAIAN  
**AKREDITASI PROGRAM**



# PELAKSANAAN PENILAIAN AKREDITASI PROGRAM

Selaras dengan fungsi yang diperuntukkan di bawah Akta 679, MQA berperanan melaksanakan penilaian jaminan kualiti program bagi memastikan kualiti penawaran program oleh PPT memenuhi MQF, standard dan kriteria jaminan kualiti yang ditetapkan. Peringkat penilaian program ini dibahagikan kepada:



## **Akreditasi Sementara**

Akreditasi sementara merupakan tahap pertama dalam penilaian akreditasi program yang mengesahkan bahawa suatu program telah memenuhi keperluan minimum. Ia adalah sebahagian daripada proses awal sebelum kelulusan pengendalian program yang diberikan oleh pihak Kementerian.

## **Akreditasi Penuh**

Akreditasi penuh merupakan tahap kedua dalam penilaian akreditasi program yang merupakan penganugerahan kepada suatu program yang telah memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan serta mematuhi MQF.

## **Pematuhan Akreditasi**

Program yang telah mendapat perakuan akreditasi penuh perlu melalui audit pematuhan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun. Audit pematuhan ini dilaksanakan terhadap program-program yang telah mendapat akreditasi penuh secara berterusan (*perpetual*) bermula tahun 2007.

Sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)] melalui Lonjakan 10 - Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi, MQA sentiasa menambah baik proses jaminan kualiti dari semasa ke semasa. Perkara ini juga didokong melalui Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 di bawah Teras Strategik 2: Sistem Penyampaian Efektif – Menambah Baik Proses Akreditasi dan Audit.


Sistem penyampaian yang efektif, efisien, telus dan optimum merupakan tunjang kepada kelancaran proses jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh MQA. Untuk melaksanakan strategi yang digariskan, elemen kepercayaan (*trust*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) yang tinggi terhadap proses yang dilaksanakan oleh MQA adalah penting.

Sehubungan itu, MQA telah mengkaji semula proses penilaian akreditasi dan bermula 1 Julai 2019 MQA telah melancarkan proses kerja baharu bagi penilaian akreditasi sementara dan akreditasi penuh. Tempoh piagam pelanggan bagi permohonan akreditasi sementara dan akreditasi penuh telah dipendekkan kepada sembilan minggu berbanding tiga bulan tiga minggu untuk permohonan akreditasi sementara dan tujuh bulan bagi permohonan akreditasi penuh.


Melalui proses kerja baharu ini, beberapa perubahan telah dilaksanakan iaitu:

- i. tempoh piagam pelanggan bagi permohonan akreditasi sementara daripada tiga bulan tiga minggu dipendekkan menjadi sembilan minggu dan tempoh piagam pelanggan bagi akreditasi penuh juga dipendekkan daripada tujuh bulan kepada sembilan minggu daripada tarikh dokumen lengkap sehingga keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi MQA.
- ii. lawatan penilaian bagi permohonan akreditasi penuh telah ditetapkan pada minggu kesembilan hingga minggu kesebelas iaitu selepas minggu permohonan dan penghantaran dokumen ke MQA.
- iii. bagi permohonan akreditasi sementara yang memerlukan lawatan pula, lawatan penilaian akan diadakan pada minggu kelapan iaitu selepas minggu permohonan dan penghantaran dokumen ke MQA.

Walau bagaimanapun, proses kerja baharu ini tidak terpakai bagi permohonan program profesional, permohonan program secara pukal, permohonan program bidang baharu/kritikal dan permohonan program dengan perhatian khusus kerana program sebegini mempunyai pelbagai elemen di luar kawalan MQA. Program di bawah kategori ini akan mengguna pakai proses lama dan piagam pelanggan lama. Infografik proses baharu akreditasi bagi penilaian akreditasi sementara dan akreditasi penuh adalah seperti di **Rajah 6** dan **Rajah 7**:




Rajah 6: Infografik Proses Baharu Akreditasi bagi Proses Penilaian Akreditasi Sementara



Rajah 7: Infografik Proses Baharu Akreditasi bagi Proses Penilaian Akreditasi Penuh

**Carta 4** menunjukkan pencapaian penilaian akreditasi sementara program berdasarkan piagam pelanggan mengikut proses kerja lama dan proses kerja baharu pada tahun 2019.



**Carta 4: Pencapaian Penilaian Akreditasi Sementara Berdasarkan Piagam Pelanggan**

Proses baharu dilihat membawa impak positif kepada MQA di bawah Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015, di mana MQA akan berjaya mencapai objektif kualiti untuk proses penilaian akreditasi sementara iaitu 75% penilaian diselesaikan dalam tempoh piagam pelanggan bermula dari dokumen lengkap sehingga keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) dimaklumkan kepada pemohon.

Statistik pencapaian bulanan penilaian akreditasi sementara berdasarkan piagam pelanggan dan objektif kualiti MS ISO 9001:2015 adalah seperti di **Jadual 16**:

BULAN	JUMLAH SELESAI	SELESAI DALAM TEMPOH PIAGAM PELANGGAN	SELESAI LUAR TEMPOH PIAGAM PELANGGAN	PENCAPAIAN BERDASARKAN KPI MS ISO (75%)
Januari	127	29	98	22.8
Februari	47	7	40	14.9
Mac	52	15	37	28.9
April	65	18	47	27.7
Mei	69	35	34	50.7
Jun	58	32	26	55.2
Julai	56	38	18	67.9
Ogos	30	10	20	33.4
September	37	18	19	48.6
Oktober				
- proses lama	58	25	33	43.1
- proses baharu	8	8	0	100.0
November				
- proses lama	53	18	35	34.0
- proses baharu	27	26	1	96.3
<b>Jumlah</b>	<b>687</b>	<b>279</b>	<b>408</b>	<b>40.6</b>


**Jadual 16: Statistik Pencapaian Bulanan Penilaian Akreditasi Sementara Berdasarkan Piagam Pelanggan**

Statistik pencapaian penilaian akreditasi sementara bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti di **Jadual 17**:

PERKARA	2015	2016	2017	2018	2019 (PROSES LAMA)	2019 (PROSES BAHARU)
Selesai Proses	910	661	594	771	652	35
Capai Piagam	724 (80%)	534 (81%)	475 (80%)	340 (44%)	245 (38%)	34 (97%)
Tidak Capai Piagam	186 (20%)	127 (19%)	119 (20%)	431 (56%)	407 (62%)	1 (3%)


**Jadual 17: Statistik Pencapaian Penilaian Akreditasi Sementara bagi Tahun 2015-2019**

Secara perbandingan, pencapaian penilaian akreditasi sementara bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti di **Carta 5**:



**Carta 5: Pencapaian Penilaian Akreditasi Sementara bagi Tahun 2015 hingga 2019**

Pencapaian penilaian akreditasi penuh program berdasarkan piagam pelanggan mengikut proses kerja lama dan proses kerja baharu pada tahun 2019 adalah seperti di **Carta 6**:



**Carta 6: Pencapaian Penilaian Akreditasi Penuh Berdasarkan Piagam Pelanggan**

Berdasarkan pencapaian proses baharu seperti di **Carta 6**, diyakini ia akan memberi impak positif untuk pencapaian di bawah Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015, di mana MQA akan berjaya mencapai objektif kualiti untuk proses penilaian akreditasi penuh iaitu 85% penilaian diselesaikan dalam tempoh piagam pelanggan bermula dari dokumen lengkap sehingga keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) dimaklumkan kepada pemohon.

Statistik pencapaian bulanan penilaian akreditasi penuh berdasarkan piagam pelanggan dan objektif kualiti MS ISO 9001:20015 adalah seperti di **Jadual 18**:

BULAN	JUMLAH SELESAI	SELESAI DALAM TEMPOH PIAGAM PELANGGAN	SELESAI LUAR TEMPOH PIAGAM PELANGGAN	PENCAPAIAN BERDASARKAN KPI MS ISO (85%)
Januari	271	256	15	94.5
Februari	54	41	13	75.9
Mac	43	35	8	81.4
April	98	90	8	91.8
Mei	173	168	5	97.1
Jun	81	71	10	87.7
Julai	53	36	17	67.9
Ogos	39	26	13	66.7
September	98	84	14	85.7
Oktober				
- proses lama	56	45	11	80.4
- proses baharu	24	24	0	100.0
November				
- proses lama	128	114	14	89.1
- proses baharu	19	19	0	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>1,137</b>	<b>1,009</b>	<b>128</b>	<b>88.7</b>


**Jadual 18: Statistik Pencapaian Bulanan Penilaian Akreditasi Penuh Berdasarkan Piagam Pelanggan**

Statistik pencapaian penilaian akreditasi penuh bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti di **Jadual 19**:

PERKARA	2015	2016	2017	2018	2019 (PROSES LAMA)	2019 (PROSES BAHARU)
Selesai Proses	801	831	738	693	1,094	43
Capai Piagam	754 (94%)	784 (94%)	690 (93%)	582 (84%)	966 (88%)	43 (100%)
Tidak Capai Piagam	47 (6%)	47 (6%)	48 (7%)	111 (16%)	128 (12%)	0 (0%)

**Jadual 19: Statistik Pencapaian Penilaian Akreditasi Penuh bagi Tahun 2015-2019**

Secara perbandingan, pencapaian penilaian Akreditasi Penuh bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti di **Carta 7**:




**Carta 7: Pencapaian Penilaian Akreditasi Penuh bagi Tahun 2015 hingga 2019**

Pencapaian akreditasi sementara dan akreditasi penuh bagi tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 20**:


BAHAGIAN	AKREDITASI SEMENTARA							AKREDITASI PENUH						
	Proses		Selesai		Jumlah Selesai	Sasaran	Peratus Capai Piagam	Proses		Selesai		Jumlah Selesai	Sasaran	Peratus Capai Piagam
	Carry Forward	Terima 2019	Carry Forward	Terima 2019				Carry Forward	Terima 2019	Carry Forward	Terima 2019			
Bahagian Akreditasi (Sains Sosial) [BASS]	172	231	149	106	239 (proses lama) 16 (proses baharu)	600 program	38% (proses lama) 97% (proses baharu)	198	204	189	67	235 (proses lama) 21 (proses baharu)	650 program	88% (proses lama) 100% (proses baharu)
Bahagian Akreditasi (Sains dan Perubatan) [BASP]	126	134	89	23	108 (proses lama) 4 (proses baharu)			127	155	113	20	129 (proses lama) 4 (proses baharu)		
Bahagian Akreditasi (Kejuruteraan dan Teknologi) [BAKT]	118	145	108	65	168 (proses lama) 5 (proses baharu)			462	355	444	122	557 (proses lama) 9 (proses baharu)		
Bahagian Akreditasi (Sastera dan Kemanusiaan) [BASK]	135	96	114	33	137 (proses lama) 10 (proses baharu)			146	113	137	45	173 (proses lama) 9 (proses baharu)		
<b>JUMLAH</b>	<b>551</b>	<b>606</b>	<b>460</b>	<b>227</b>	<b>652</b> (proses lama) <b>35</b> (proses baharu)			<b>933</b>	<b>827</b>	<b>883</b>	<b>254</b>	<b>1,094</b> (proses lama) <b>43</b> (proses baharu)		

**Jadual 20: Pencapaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh bagi Tahun 2019**

**Carta 8 dan Carta 9** merupakan pecahan permohonan yang telah diselesaikan mengikut bidang permohonan.




**Carta 8: Permohonan Akreditasi Sementara yang Diselesaikan bagi Tahun 2019 Berdasarkan Bidang**



**Carta 9: Permohonan Akreditasi Penuh yang Diselesaikan bagi Tahun 2019 Berdasarkan Bidang**

Carta 10 pula adalah perincian permohonan yang telah diselesaikan mengikut tahap permohonan.



Carta 10: Permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh yang Diselesaikan bagi Tahun 2019 Mengikut Tahap Program

Secara keseluruhannya, proses kerja baharu yang diperkenalkan untuk penilaian program akreditasi sementara dan akreditasi penuh telah berjaya meningkatkan pencapaian tempoh piagam pelanggan yang ditetapkan. Untuk akreditasi sementara, pencapaian tempoh piagam pelanggan telah berjaya ditingkatkan dari 38% kepada 97% iaitu peningkatan lebih dari dua kali ganda di bawah proses kerja baharu. Untuk akreditasi penuh pula, kesemua program yang dinilai di bawah proses baharu telah berjaya diselesaikan dalam tempoh piagam pelanggan iaitu 100% berbanding 88% di bawah proses kerja lama.

Pencapaian ini memberikan kesan yang sangat positif kepada sistem penyampaian MQA yang efektif, efisien, telus dan optimum seterusnya meningkatkan kepercayaan (*trust*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) pihak yang berkepentingan terhadap proses yang dilaksanakan oleh MQA.

Dari semasa ke semasa, pelaksanaan proses kerja baharu ini sentiasa dikemas kini dan ditambah baik berdasarkan maklum balas daripada pihak-pihak yang terlibat iaitu pemberi pendidikan tinggi (PPT), ahli panel penilai (APP) dan juga pegawai yang terlibat dalam proses penilaian tersebut.

Adalah diharapkan pada masa hadapan, MQA akan terus meneroka kemungkinan dan peluang untuk mengautomasikan proses jaminan kualiti yang berkaitan selaras dengan Revolusi Industri 4.0.

#### **PERMOHONAN AKREDITASI SECARA BERJADUAL**

Selaras dengan usaha MQA yang sentiasa menambah baik mutu perkhidmatan yang disediakan, permohonan program secara berjadual serta penggunaan dokumen COPPA Edisi Kedua telah diperkenalkan mulai pertengahan tahun ini. Permohonan penilaian akreditasi sementara dan akreditasi penuh dibuka pada setiap minggu pertama dan ketiga. Langkah ini sedikit sebanyak membantu pihak PPT untuk merancang penyediaan dan penghantaran dokumen permohonan program.

Bilangan permohonan penilaian bagi akreditasi sementara dalam tempoh Januari hingga November 2019 adalah seperti di **Jadual 21** dan akreditasi penuh seperti di **Jadual 22**:

BIL.	BULAN	MINGGU	BILANGAN PERMOHONAN	JUMLAH
1.	Januari	Pertama	11	29
		Ketiga	18	
2.	Februari	Pertama	15	45
		Ketiga	30	
3.	Mac	Pertama	19	45
		Ketiga	26	
4.	April	Pertama	18	41
		Ketiga	23	
5.	Mei	Pertama	8	36
		Ketiga	28	
6.	Jun	Pertama	25	54
		Ketiga	29	
7.	Julai	Keempat	54	54
8.	Ogos	Ketiga	42	42
9.	September	Ketiga	37	37
10.	Oktober	Ketiga	43	43
11.	November	Kedua	79	79
			<b>JUMLAH</b>	<b>505</b>

**Jadual 21: Bilangan Permohonan Akreditasi Sementara bagi Tempoh Januari - November 2019**

BIL.	BULAN	MINGGU	BILANGAN PERMOHONAN	JUMLAH
1.	Januari	Pertama	11	51
		Ketiga	40	
2.	Februari	Pertama	25	52
		Ketiga	27	
3.	Mac	Pertama	30	47
		Ketiga	17	
4.	April	Pertama	13	43
		Ketiga	30	
5.	Mei	Pertama	27	60
		Ketiga	33	
6.	Jun	Pertama	26	64
		Ketiga	38	
7.	Julai	Keempat	51	51
8.	Ogos	Ketiga	49	49
9.	September	Ketiga	71	71
10.	Oktober	Ketiga	226	226
11.	November	Kedua	296	296
			<b>JUMLAH</b>	<b>1,010</b>

**Nota:**

Permohonan program dibuka 5 hari dalam sebulan bermula 1 Julai 2019 selaras dengan pelaksanaan proses baharu akreditasi sementara dan akreditasi penuh. Perkara ini dimaklumkan melalui Pekeliling MQA Bil. 6/2019.


**Jadual 22: Bilangan Permohonan Akreditasi Penuh bagi Tempoh Januari - November 2019**

## Audit Pematuhan Akreditasi

Program yang telah mendapat perakuan akreditasi penuh akan dikenakan proses penilaian pematuhan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun. Penilaian pematuhan ini dibuat terhadap program-program yang telah mendapat akreditasi penuh tidak bertempoh bermula tahun 2007 dan dilaksanakan mengikut fasa tertentu oleh Unit Pematuhan Akreditasi (UPA). Audit Pematuhan Fasa Pertama dan Kedua telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan 2016.

MQA telah mengenal pasti 724 program dari 61 PPT bagi Audit Pematuhan Akreditasi Program Fasa Ketiga yang telah mendapat perakuan akreditasi penuh untuk melalui proses audit pematuhan akreditasi program dalam tempoh 2018 hingga 2020. Sehubungan itu, MQA telah meminta PPT mengemas kini maklumat berdasarkan senarai program yang telah dikenal pasti di dalam portal e-Semakan Permohonan (portal e-SP). Walau bagaimanapun, berdasarkan data portal e-SP yang dikemas kini oleh PPT menunjukkan sebanyak 709 program sahaja yang perlu menjalani Audit Pematuhan Akreditasi Program Fasa Ketiga berbanding 724 program daripada jumlah asal kerana 15 program telah dihentikan penawaran.

Audit Pematuhan Akreditasi Program Fasa Ketiga telah dibuat secara terancang dengan kaedah permohonan berjadual mengikut pecahan kumpulan. 709 program tersebut telah dipecahkan kepada tiga tahun penerimaan iaitu sebanyak 343 program pada tahun 2018 meliputi kumpulan satu hingga tiga, 319 program pada tahun 2019 meliputi kumpulan empat hingga enam dan 47 program pada tahun 2020 bagi kumpulan tujuh berdasarkan penjadualan semula seperti di **Carta 11**:




**Carta 11: Bilangan Program Diterima bagi Audit Pematuhan Fasa 3 Mengikut Tahun**

Walaupun bagaimanapun, UPA telah menerima sebanyak 238 program sahaja untuk kumpulan satu hingga tiga berbanding 343 program. Ini kerana terdapat 68 program telah dipindahkan ke kumpulan empat hingga tujuh di atas kesediaan dan permintaan PPT. Manakala sebanyak 16 program lagi merupakan program yang akan dinilai oleh badan profesional iaitu *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC) dan selebihnya sebanyak 21 program telah dihentikan (*phase out*) dan ditangguhkan penilaian.

Manakala bagi kumpulan empat hingga enam pula, UPA telah menerima sebanyak 280 program berbanding 387. Sebanyak 87 program lagi masih belum diterima dokumen permohonannya oleh UPA, manakala terdapat lapan program yang akan dinilai oleh badan profesional ETAC dan selebihnya sebanyak 12 program lagi telah dihentikan (*phase out*).

Buat masa ini, sebanyak 47 program untuk kumpulan tujuh dijangka akan diterima pada Januari 2020. Manakala baki 87 program bagi kumpulan empat hingga enam yang masih belum diterima akan dijadualkan semula.

Secara keseluruhannya, sebanyak 518 program telah diproses mulai pertengahan tahun 2018 dan 2019. Sebanyak 93 program telah dibentangkan di MJA pada tahun 2018 dan 2019. Oleh yang demikian, sebanyak 425 program masih dalam penilaian dan dijangka akan selesai pada tahun 2020. Status terkini program Penilaian Pematuhan Fasa Ketiga adalah seperti di **Carta 12**:



**Carta 12: Status Terkini Program Penilaian Pematuhan Fasa Ketiga**

### Penilaian Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)

MQA turut melaksanakan penilaian Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) berdasarkan pekeliling bertarikh 22 Julai 2013 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (JPT, KPM). Pelaksanaan MPU ini bertujuan untuk menyeragamkan pengajaran kursus mata pelajaran wajib di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dengan mengambil kira keperluan pembelajaran pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa.

Pada tahun 2019, Unit MPU telah memproses sebanyak 50 permohonan penilaian awal MPU. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 37 permohonan telah diselesaikan. Baki 13 permohonan akan diselesaikan pada tahun 2020.

Selain itu, Unit MPU juga menerima permohonan penambahbaikan dan penambahan kursus MPU pada tahap sedia ada yang telah diluluskan sebelum ini dan penambahbaikan kursus MPU berdasarkan Garis Panduan MPU Edisi Kedua. Bagi kriteria seperti ini, sebanyak 45 permohonan telah diselesaikan.

MQA turut menjalankan audit pematuhan MPU secara berfasa yang melibatkan 35 PPT swasta. Audit Pematuhan Fasa Pertama melibatkan 15 PPT swasta manakala Audit Pematuhan Fasa Kedua melibatkan 20 PPT swasta. Daripada 35 permohonan pematuhan yang diterima, sebanyak 31 permohonan telah diselesaikan sepanjang 2019 dan baki 4 permohonan yang masih dalam penilaian dijangka diselesaikan pada tahun 2020.

Audit pelaksanaan MPU di Universiti Awam (UA) telah ditangguhkan oleh pihak JPT melalui surat Penangguhan Pelaksanaan Audit Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) kepada MQA bertarikh 22 April 2019.



# LAPORAN PRESTASI

---

## PELAKSANAAN AUDIT INSTITUSI



# PELAKSANAAN AUDIT INSTITUSI

## Audit Pengekalan Swaakreditasi

Dapatan Audit Pengekalan Swaakreditasi bagi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Swaakreditasi (MJSA), MQA Bil.1/2019 pada 12 Disember 2019.

Aktiviti audit yang dijalankan di UTM ini adalah merupakan aktiviti kali pertama yang mengguna pakai instrumen penilaian dan *Self-Review Portfolio* (SRP) yang dibangunkan oleh MQA bagi menilai tahap kualiti semasa institusi pengajian tinggi berstatus swaakreditasi bagi tujuan pengekalan status swaakreditasi.

Dijangkakan pada suku tahun ketiga 2020, sebanyak lapan pemberi pendidikan tinggi (PPT) berstatus swaakreditasi yang telah berjaya mencapai status swaakreditasi pada tahun 2010 akan mengemukakan permohonan bagi audit pengekalan swaakreditasi kali kedua mengguna pakai instrumen penilaian dan SRP yang telah dibangunkan.

Selain itu, audit susulan pengekalan swaakreditasi bagi pematuhan syarat-syarat pengekalan status swaakreditasi turut dijalankan sepanjang tahun 2019 seperti di **Jadual 23**:

BIL.	PPT	LAWATAN
1.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	25 – 26 Jun 2019
2.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	6 Ogos 2019
3.	Universiti Sains Malaysia (USM)	29 – 30 Ogos 2019

**Jadual 23: Audit Susulan Pengekalan Swaakreditasi Bagi Pematuhan Syarat-Syarat Pengekalan Status Swaakreditasi**

Hasil lawatan audit susulan pengekalan swaakreditasi akan dimaklumkan secara sekaligus dalam MJSA tahun 2020.

## Mesyuarat Jawatankuasa Swaakreditasi

Pada September 2019, Bahagian Audit Institusi MQA telah membuat lantikan seramai lima orang ahli baharu sebagai gantian kepada beberapa ahli MJSA yang tidak dapat meneruskan komitmen atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Lantikan ahli jawatankuasa ini akan tamat pada 30 April 2020 termasuk ahli jawatankuasa sedia ada.

MJSA Bil. 1/2019 telah diadakan pada 12 Disember 2019 dengan kehadiran lapan orang ahli mesyuarat termasuk setiausaha baharu. Maklumat keanggotaan terkini ahli-ahli MJSA adalah seperti berikut:

1. Profesor Emeritus Dato' Dr. Rahmah binti Mohamed – Pengerusi
2. Elizabeth Lee Fuh Yen (Dr.) – Timbalan Pengerusi
3. Profesor Abdul Aziz bin Baba
4. Profesor Dr. Wan Ahmad Kamil bin Che Mahmood
5. Profesor Madya Dr. Santhi Raghavan
6. Dato' Profesor Dr. Sudin bin Haron\*
7. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang\*
8. Profesor Datuk Wira Dr. Raha binti Abdul Rahim\*
9. Cik Normah binti Osman\*
10. Profesor Ir. Dr. Khairul Salleh bin Mohamed Sahari – Setiausaha

\* Ahli baharu/gantian MJSA





Mesyuarat Jawatankuasa Swaakreditasi (MJSA) Bil.1/2019, Mercu MQA 12 Disember 2019



# LAPORAN PRESTASI

---

DAFTAR KELAYAKAN  
**MALAYSIA**



# DAFTAR KELAYAKAN MALAYSIA

## (MALAYSIAN QUALIFICATIONS REGISTER, MQR)

MQR merupakan satu daftar kelayakan nasional yang menyenaraikan semua kelayakan yang telah mendapat perakuan akreditasi daripada MQA dan ia diwujudkan bagi menyokong usaha pihak UNESCO dalam menyediakan Pusat Rujukan Pendidikan Tinggi kepada pihak berkepentingan.

Senarai terperinci program yang telah didaftarkan dalam MQR berdasarkan PPT sehingga Disember 2019 adalah seperti di **Jadual 24**:

PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI	JUMLAH PROGRAM/KELAYAKAN
<b>AWAM</b>	
Universiti	2,959
Politeknik	724
Kolej/Lain-lain	1,273
<b>Jumlah</b>	<b>4,956</b>
<b>SWASTA</b>	
Universiti	3,325
Kolej Universiti	1,334
Kolej/Lain-Lain	3,396
<b>Jumlah</b>	<b>8,055</b>
<b>PPT BERSTATUS SWA</b>	
Universiti Awam	1,107
Universiti Swasta	278
<b>Jumlah</b>	<b>1,385</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>14,396</b>

Jadual 24: Jumlah Program Pengajian dan Kelayakan yang Didaftarkan dalam MQR sehingga Disember 2019

Manakala *trend* program pengajian dan kelayakan yang didaftarkan dalam MQR dari tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti di **Jadual 25**:


PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI	JUMLAH PROGRAM/KELAYAKAN			
	AWAM			
	2016	2017	2018	2019
Universiti	2,459 (709)	2,882 (423)	3,017 (135)	2,959 (-58)
Politeknik	715 (18)	717 (2)	732 (15)	724 (-8)
Kolej / Lain-lain	1,042 (341)	1,122 (80)	1,155 (33)	1,273 (118)
<b>Jumlah</b>	<b>4,216 (1,068)</b>	<b>4,721 (505)</b>	<b>4,904 (183)</b>	<b>4,956 (52)</b>
SWASTA				
Universiti	2,614 (204)	2,917 (303)	3,058 (141)	3,325 (267)
Kolej Universiti	1,070 (110)	1,175 (105)	1,311 (136)	1,334 (23)
Kolej / Lain-Lain	2,977 (198)	3,097 (120)	3,211 (114)	3,396 (185)
<b>Jumlah</b>	<b>6,661 (512)</b>	<b>7,189 (528)</b>	<b>7,580 (391)</b>	<b>8,055 (475)</b>
PPT BERSTATUS SWA				
Universiti Awam	308 (97)	450 (142)	778 (328)	1,107 (329)
Universiti Swasta	195 (3)	231 (36)	260 (29)	278 (18)
<b>Jumlah</b>	<b>503 (100)</b>	<b>681 (178)</b>	<b>1,038 (357)</b>	<b>1,385 (347)</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>11,380 (1,680)</b>	<b>12,591 (1,211)</b>	<b>13,522 (931)</b>	<b>14,396 (874)</b>

**Nota:**

Jumlah dalam ( ) ialah jumlah sebenar program didaftar dalam tahun tersebut.

Tanda negatif (-) pada jadual menunjukkan pengurangan jumlah pendaftaran program dalam MQR disebabkan program-program *deemed accredited* telah dikeluarkan daripada MQR setelah PPT awam lulus akreditasi penuh/swa akreditasi penuh dengan MQA.

**Jadual 25: Trend Program Pengajian dan Kelayakan yang Didaftarkan dalam MQR (2016-2019)**



# LAPORAN PRESTASI

---

PENGIKTIRAFAN  
**KELAYAKAN**



# PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 Disember 2016 telah membubarkan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) dan pengiktirafan kelayakan dilaksanakan sepenuhnya oleh MQA.

Sejak pengambilalihan fungsi JTPPK oleh MQA, eSisraf hanya mengekalkan senarai program/kelayakan yang diiktiraf sebelum tahun 2016 untuk rujukan pihak berkepentingan.

Mulai Januari 2017, semua program baharu yang mendapat perakuan akreditasi penuh boleh dirujuk melalui Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR). MQA bersetuju bahawa semua program yang diakredit oleh MQA membawa maksud diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan akan disyorkan nilai taraf perkhidmatan awam berdasarkan keperluan yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan awam.

MQA juga telah mengguna pakai mekanisme baharu pengesahan pengiktirafan berasaskan pengiktirafan di negara asal. Ini bagi membolehkan pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian yang belum diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia boleh mendapatkan pengesahan pengiktirafan dari MQA sekiranya kelayakan tersebut diberikan akreditasi atau pengiktirafan oleh badan jaminan kualiti negara tersebut atau pihak berkuasa di negara tersebut. Kelayakan yang akan disahkan status akreditasi/pengiktirafan ini hanya terpakai bagi kelayakan bukan profesional sahaja.

Terdapat dua jenis permohonan pengesahan yang diproses oleh MQA:

- i. permohonan daripada penaja (kerajaan)  
Kelayakan yang disahkan status akreditasi/pengiktirafan negara asal akan disenaraikan dalam eSisraf
- ii. permohonan daripada individu (warganegara Malaysia)  
Pelajar/graduan yang telah tamat pengajian boleh memohon kepada MQA untuk mendapatkan pengesahan pengiktirafan secara individu. Pemohon akan diberikan surat pengesahan status akreditasi/pengiktirafan negara asal.

Unit Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam menerima pertanyaan berkenaan status pengiktirafan program dari dalam dan luar negara yang diuruskan oleh MQA seperti di **Jadual 26**:

PERTANYAAN	BILANGAN
E-mel	
• Dalam Negara	1,007
• Luar Negara	839
Surat/Borang	
• Individu	37
• Pihak Berkuasa Melantik	8
Panggilan telefon	1,852
Walk-in	105
<b>JUMLAH</b>	<b>3,848</b>

**Jadual 26: Statistik Pertanyaan Berkaitan Pengiktirafan Program**

Bagi tahun 2019, MQA telah memproses pengesahan mekanisme baharu iaitu pengesahan pengiktirafan berasaskan kepada status akreditasi di negara asal. Berikut adalah jenis permohonan dan universiti luar negara yang telah disahkan pengiktirafannya seperti di **Jadual 27**:

BIL	JENIS PERMOHONAN	UNIVERSITI	NEGARA	BILANGAN KELAYAKAN
1.	Penaja	The World Islamic Sciences and Education University	Jordan	1
2.	Individu	University of Science and Technology, Sana'a	Yemen	2
3.	Individu	SRM University	India	1
4.	Individu	Universiti Islam Sultan Sharif	Brunei Darussalam	2
5.	Individu	Maulana Malik Ibrahim State University, Malang	Indonesia	1
<b>JUMLAH</b>				<b>7</b>

**Jadual 27: Permohonan Pengesahan Pengiktirafan Kelayakan Luar Negara**



# LAPORAN PRESTASI

---

## PENILAIAN KESETARAAN **KELAYAKAN**



# PENILAIAN KESETARAAN KELAYAKAN

Kesetaraan (*equivalency*) kelayakan bermaksud proses menyetarakan sesuatu kelayakan pendidikan tinggi dengan kelayakan berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF). MQA juga menyetarakan kelayakan sijil persekolahan luar negara dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) / A Level. Walau bagaimanapun, kesetaraan ini tidak membawa maksud akreditasi mahupun pengiktirafan.

Pemohon adalah individu yang ingin menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi atau lain-lain keperluan oleh pemohon. Permohonan juga diterima daripada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), Badan Persijilan, Badan Peperiksaan, Institut Latihan di bawah Kementerian lain dan Badan Berkanun yang berhasrat untuk menawarkan kelayakan tersebut kepada pelajar di Malaysia.

Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Nilai Taraf telah ditubuhkan bagi memutuskan penilaian kesetaraan. Jawatankuasa ini terdiri daripada:

- i. Ketua Pegawai Eksekutif MQA;
- ii. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti);
- iii. Ahli Majlis MQA;
- iv. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Akreditasi MQA;
- v. wakil Kementerian Pendidikan;
- vi. wakil Kementerian Sumber Manusia;
- vii. wakil Majlis Peperiksaan Malaysia;
- viii. wakil Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- ix. wakil Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Pada tahun 2019, tiga mesyuarat telah diadakan seperti di **Jadual 28**:

BIL.	PERKARA	TARIKH	BILANGAN KERTAS
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Nilai Taraf (MJNT) Bil. 1/2019	8 Mac 2019	18
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Nilai Taraf (MJNT) Bil. 2/2019	12 Julai 2019	9
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Nilai Taraf (MJNT) Bil. 3/2019	3 Oktober 2019	4

**Jadual 28: Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Nilai Taraf (MJNT) 2019**

Sepanjang tahun 2019, MQA telah membuat penilaian kesetaraan kelayakan tinggi seperti di **Jadual 29**:

BIL.	JENIS PERMOHONAN	TAHAP KELAYAKAN DIMOHON	BILANGAN
1.	NT02	<i>Foundation</i>	2
2.		Sijil	6
3.		Diploma	7
4.		<i>Master</i>	2
5.	NT03	<i>Foundation</i>	6
6.		Diploma	3
7.		Ijazah Sarjana Muda	1
8.		Sarjana	4
<b>JUMLAH</b>			<b>31</b>

**Jadual 29: Senarai Penilaian Kesetaraan Kelayakan Tinggi Tahun 2019**



# LAPORAN PRESTASI

---

PENGURUSAN  
**ADUAN**



# PENGURUSAN ADUAN

## Aduan Berkaitan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)

Seksyen Penguatkuasaan, Unit Integriti dan Penguatkuasaan (UIP) telah menerima aduan daripada pelbagai pihak termasuklah pelajar, ibu bapa, pemberi pendidikan tinggi (PPT), staf akademik PPT, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), agensi-agensi kerajaan, pegawai MQA dan lain-lain.

Aduan-aduan ini diterima melalui pelbagai saluran seperti berikut:

- i. Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan (SPPA), MQA
- ii. Borang Aduan Salah Laku PPT
- iii. Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- iv. e-mel daripada pengadu terus kepada UIP
- v. e-mel yang dipanjangkan oleh Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa (UHEAA), MQA
- vi. pengadu hadir ke MQA

Mulai 1 Oktober 2019, selaras dengan pengenalan Sistem Khidmat Pelanggan (SKP) MQA, penerimaan aduan diselaraskan kepada satu *platform* sahaja iaitu melalui SPPA, MQA.

Sehingga 31 Disember 2019, UIP telah menerima sebanyak 147 aduan berkaitan penguatkuasaan yang meliputi pelbagai isu merangkumi pelanggaran Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) serta isu kualiti pengendalian program seperti yang digariskan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) dan standard-standard program MQA.

Daripada jumlah tersebut, 118 aduan telah berjaya diselesaikan mengikut kategori seperti di **Jadual 30**. Manakala, baki 29 aduan masih dalam siasatan UIP.

BIL.	KATEGORI	BILANGAN KES
1.	Surat teguran / peringatan kepada PPT	17
2.	Pembatalan Akreditasi	1
3.	Dipanjangkan kepada Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia	6
4.	Dipanjangkan kepada Badan Profesional	1
5.	Tiada tindakan lanjut atas sebab tiada kesalahan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) dan kesalahan-kesalahan kualiti berdasarkan Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) dan standard program berkenaan	93

**Jadual 30: Kategori Aduan**

#### **Aduan Berkaitan Perkhidmatan MQA**


UIP dan Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa (UHEAA) turut menerima aduan terhadap perkhidmatan MQA melalui hadir diri (*walk-in*), panggilan telefon, surat, e-mel dan Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan (SPPA). Sepanjang tahun 2019, sejumlah 12 aduan terhadap perkhidmatan MQA diterima. Aduan yang diterima ini merangkumi perkhidmatan MQA yang diberikan oleh pegawai dan ahli panel penilai (APP). Semua aduan pelanggan telah disiasat dan diambil tindakan yang sewajarnya dalam tempoh yang ditetapkan.



# LAPORAN PRESTASI

---

HAL EHWAL  
**AWAM**



# HAL EHWAL AWAM

## Publisiti dan Promosi

Sepanjang tahun 2019, MQA telah melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi MQA melalui program penerangan, pameran pendidikan dalam negara serta sesi taklimat kepada pihak berkepentingan seperti pelajar, ibu bapa, guru kaunseling dan badan-badan profesional. Program-program promosi MQA sepanjang tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 31** dan **Jadual 32**:

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR
1.	Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN), Jom Masuk IPT 2019	2 - 3 Mac 2019	Kluang / Batu Pahat	JPT
2.	Kembara Pendidikan Sekolah Menengah Sains	2 Mac 2019	Sekolah Menengah Sains Rembau	Essence
3.	Program Moh Sambung Belajar	2 Mac 2019	KPTM Kuantan	KPTM Kuantan
4.	Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN), Jom Masuk IPT 2019	9 - 10 Mac 2019	Kota Kinabalu	JPT
5.	Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN), Jom Masuk IPT 2019	9 - 10 Mac 2019	Pulau Pinang	JPT
6.	14th Study Malaysia Higher Education Fair 2019	9 - 10 Mac 2019	Sibu	Skob Solutions
7.	14th Study Malaysia Higher Education Fair 2019	16 - 17 Mac 2019	Kuching	Skob Solutions
8.	Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN), Jom Masuk IPT 2019	16 - 17 Mac 2019	Kota Bharu	JPT
9.	14th Study Malaysia Higher Education Fair 2019	23 - 24 Mac 2019	Kota Kinabalu	Skob Solutions
10.	Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN), Jom Masuk IPT 2019	23 - 24 Mac 2019	Kuching	JPT
11.	Jelajah Pendidikan Selangor 2019	23 Mac 2019	SACC Shah Alam, Selangor	Persatuan Generasi Selangor Berjaya
12.	Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN), Jom Masuk IPT 2019	30 - 31 Mac 2019	Selangor	JPT
13.	Jelajah Pendidikan Selangor 2019	7 April 2019	Stadium Tertutup Kuala Selangor	Persatuan Generasi Selangor Berjaya

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR
14.	Program Bulan Informasi Kerjaya	8 April 2019	SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang	SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang
15.	Karnival Pendidikan Tinggi & Kemahiran ASPIRASI	10 - 11 April 2019	Putrajaya	Essence
16.	Hari Kerjaya	18 April 2019	SMK Kota Kemuning	SMK Kota Kemuning
17.	Karnival Informasi Kerjaya dan Pengajian Tinggi Daerah Gombak	20 April 2019	SMK Tun Perak, Rawang	PPD Gombak
18.	Seminar <i>FlexEd</i>	3 - 4 Julai 2019	Everly Hotel, Putrajaya	JPT dan MQA
19.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	11 Julai 2019	Tawau, Sabah	JPT
20.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	25 Julai 2019	Kuala Terengganu	JPT
21.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	1 Ogos 2019	Sarikei, Sarawak	JPT
22.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	20 Ogos 2019	Limbang, Sarawak	JPT
23.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	22 Ogos 2019	Lepar, Pahang	JPT
24.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	28 Ogos 2019	Bukit Jalil, Kuala Lumpur	JPT
25.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	5 September 2019	Ranau, Sabah	JPT
26.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	19 September 2019	Politeknik Mersing	JPT
27.	Ekspo Jelajah TVET Zon Utara	19 - 20 September 2019	Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang	JPPKK
28.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	26 September 2019	MRSM Trolak, Perak	JPT
29.	Jelajah Pendidikan KPM 2019	5 - 6 Oktober 2019	MAPS Ipoh	KPM
30.	<i>Putrajaya Open Day</i>	5 Oktober 2019	Putrajaya	KPM
31.	Jelajah Pendidikan KPM 2019	11 - 12 Oktober 2019	Kemaman	KPM
32.	Jelajah Pendidikan KPM 2019	19 - 20 Oktober 2019	Kuching	KPM

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR
33.	Jelajah Pendidikan KPM 2019	25 - 26 Oktober 2019	Batu Pahat	KPM
34.	Karnival TVET Bersama Komuniti	10 - 11 November 2019	Tanjung Piai	KPM
35.	Jelajah TVET Zon Tengah	15 - 16 November 2019	KV Banting	KPM
36.	Karnival Informasi Pendidikan Iklanika	16 - 17 November 2019	Kuala Lumpur	MARA
37.	Karnival Pendidikan Tinggi & Kemahiran ASPIRASI	25 November 2019	Kuala Lumpur	Essence
38.	Pameran Pelancaran <i>Skills</i> Malaysia 2.0	2 Disember 2019	ILP Ipoh	Kementerian Sumber Manusia

Jadual 31: Pameran Pendidikan dalam Negara Tahun 2019



Sekitar Pameran Pendidikan dalam Negara Tahun 2019

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR
1.	Program Lanjutan EBR Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia	23 Februari 2019	Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM)	Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM)
2.	Program Moh Sambung Belajar	2 Mac 2019	KPTM Kuantan	KPTM Kuantan
3.	Taklimat kepada Senat USM	21 Mac 2019	USM	USM
4.	Jelajah Pendidikan Selangor 2019	23 Mac 2019	SACC Shah Alam, Selangor	Persatuan Generasi Selangor Berjaya
5.	Jelajah Pendidikan Selangor 2019	7 April 2019	Stadium Tertutup Kuala Selangor	Persatuan Generasi Selangor Berjaya
6.	Program Bulan Informasi Kerjaya	8 April 2019	SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang	SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang
7.	Karnival Pendidikan Tinggi & Kemahiran ASPIRASI	10 - 11 April 2019	Putrajaya	Essence
8.	Hari Kerjaya	18 April 2019	SMK Kota Kemuning	SMK Kota Kemuning
9.	Karnival Informasi Kerjaya dan Pengajian Tinggi Daerah Gombak	20 April 2019	SMK Tun Perak, Rawang	PPD Gombak
10.	Town Hall Proses Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh dan Piagam Pelanggan Baharu	18 April 2019	Mercu MQA	MQA
11.	Town Hall Proses Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh dan Piagam Pelanggan Baharu	2 Mei 2019	Mercu MQA	MQA
12.	Town Hall Proses Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh dan Piagam Pelanggan Baharu	13 Mei 2019	UTHM	MQA
13.	Town Hall Proses Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh dan Piagam Pelanggan Baharu	16 Mei 2019	Mercu MQA	MQA
14.	Town Hall Proses Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh dan Piagam Pelanggan Baharu	11 Julai 2019	Albukhary International University, Alor Setar	MQA
15.	Town Hall Proses Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh dan Piagam Pelanggan Baharu	25 Julai 2019	DRB Hicom, Pekan, Pahang	MQA

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR
16.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	1 Ogos 2019	Sarikei, Sarawak	JPT
17.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	20 Ogos 2019	Limbang, Sarawak	JPT
18.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	5 September 2019	Ranau, Sabah	JPT
19.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET	11 September 2019	Kuching	MQA dan JPK
20.	Town Hall MQA Berkenaan Proses Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh dan Piagam Pelanggan Baharu	11 September 2019	Kuching	MQA dan JPK
21.	Town Hall MQA Berkenaan Proses Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh dan Piagam Pelanggan Baharu	11 September 2019	Kota Kinabalu	MQA dan JPK
22.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET	12 September 2019	Kota Kinabalu	MQA dan JPK
23.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET	19 September 2019	Mercu MQA	MQA dan JPK
24.	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019	26 September 2019	MRSM Sungkai	JPT
25.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET	19 Oktober 2019	ADTEC Shah Alam	MQA dan JPK
26.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET	31 Oktober 2019	ILP Kuantan	MQA dan JPK
27.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET	13 November 2019	ADTEC Batu Pahat	MQA dan JPK
28.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET	27 November 2019	ILP Kepala Batas	MQA dan JPK
29.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET & Penandaarasan MQF dengan AQRF	21 November 2019	Mercu MQA	MQA
30.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET	29 November 2019	Mercu MQA	MQA

Jadual 32: Senarai Sesi Taklimat kepada Pihak Berkepentingan



Sekitar Sesi Taklimat kepada Pihak Berkepentingan

Selain itu, MQA turut terlibat dalam slot temu bual melalui media elektronik iaitu televisyen dan radio. Program ini diadakan untuk perkongsian maklumat mengenai MQA dan memberi pendedahan mengenai kepentingan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara kepada pihak berkepentingan. Senarai temu bual media bagi tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 33**:

BIL	PERKARA / TAJUK	TARIKH	SALURAN / SIARAN
1.	APEL - Pembelajaran Sepanjang Hayat	7 Mei 2019	BERNAMA
2.	MQA - Menjamin Kualiti Pendidikan Tinggi	25 Mei 2019	BERNAMA
3.	Pelaksanaan Program <i>Micro-credential</i>	29 Mei 2019	BERNAMA

**Jadual 33: Temu Bual Media bagi Tahun 2019**



**Temu Bual Media bagi Tahun 2019**

### Kenyataan Media

Sepanjang tahun 2019, sebanyak dua kenyataan media telah dikeluarkan oleh MQA berdasarkan kepada keperluan semasa seperti di **Jadual 34**:

BIL.	PERKARA / TAJUK	TARIKH	SALURAN / SIARAN
1.	Pelantikan Pengerusi Majlis MQA	11 Januari 2019	semua
2.	Amanat Tahun Baru KPE MQA	Januari 2019	semua

**Jadual 34: Kenyataan Media bagi Tahun 2019**

Selain itu, sebanyak 14 keratan akhbar dan berita *online* berkenaan MQA diterbitkan sepanjang tahun 2019.



m.utusan.com.my/berita/nasional/mqa-lantik-asma-sebagai-pengerusi-baharu-1.820292

11 Januari 2019 7:25 PM

## MQA lantik Asma sebagai pengerusi baharu



KUALA LUMPUR 11 Jan. - Majlis Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) hari ini mengumumkan pelantikan Prof. Datuk Dr. Asma Ismail sebagai pengerusi baharu berkuatkuasa 1 Januari lalu hingga 31 Disember 2021.

MQA dalam kenyataan berkata, pelantikan mengikut Seksyen 11, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 itu bagi menggantikan Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abu Hassan Othman yang menamatkan perkhidmatan pada Disember tahun lalu.

"MQA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Abu Hassan dan 14 anggota Majlis MQA sesi 2016-2018 atas sumbangan dan usaha mereka dalam membantu memperkasa kualiti pendidikan tinggi negara.

"Pemilihan Asma adalah berdasarkan pencapaian serta perkhidmatan cemerlang sebagai Naib Canselor di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia sekali gus membuktikan beliau sebagai wanita pertama yang dilantik sebanyak dua kali sebagai naib canselor di universiti awam," katanya, di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Berita Utusan Online Bertarikh 11 Januari 2019 mengenai Pelantikan Pengerusi Baharu MQA

## Rujuk MQA elak ditipu: Maszlee

**Semenyih:** Individu yang ingin melanjutkan pengajian peringkat tertinggi digalakkan merujuk terlebih dahulu dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) supaya tidak menjadi mangsa penipuan, kata Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik

Beliau berkata, MQA adalah agensi yang akan mengenal pasti semua program yang diakreditasi di universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT).

"Jadi kepada semua yang ingin melanjutkan pengajian kementerian menggalakkan mereka rujuk MQA supaya tidak tertipu.

"MQA sudah membuat piawaian yang tinggi untuk tujuan itu," katanya kepada pemberita selepas meninjau tapak projek Sekolah Rendah kebangsaan Taman Pelangi, di sini, semalam.

Kelmarin, sebuah akbar berbahasa Cina tempatan melaporkan beberapa universiti di luar negara menjadi 'kilang ijazah' dengan menawarkan 'kelayakan akademik' kepada pemohon secara dalam talian tanpa memerlukan mereka mengikuti apa-apa pengajian.

Menurut laporan itu, keadaan demikian berlaku terutamanya membabitkan 'universiti' yang dikatakan dari Amerika Syarikat yang beroperasi dari rumah kedai atau pejabat kecil.

**BERNAMA**

Akhbar Berita Harian Bertarikh 12 Februari 2019 mengenai Saranan Menteri Pendidikan untuk Merujuk MQA bagi Mengelak dari Menjadi Mangsa Penipuan

# Buat penat belajar

■ Bekas pelajar sukar dapat kerja diploma tidak diiktiraf MQA

**Mahaizura Abd Malik**  
mahaizura@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**“M**asa tiga tahun setengah dan yuran belajar yang sudah dihabiskan selama ini sia-sia saja.”  
“Sampai sekarang saya sukar mendapat pekerjaan mahupun menyambung pengajian kerana sijil tak laku,” kata Juhana Jemaat @Jamil, 32.

Wanita itu menerima nasib malang apabila diploma penyarifannya dari sebuah kolej di ibu negara tidak mendapat perakuan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Juhana berkata dia hanya mengetahui diploma diterimanya tidak laku selepas terbacaca senarai pengaji dari beberapa institusi yang tidak diiktiraf MQA dalam akhbar.

Juhana berkata dia hanya mengetahui diploma diterimanya tidak laku selepas terbacaca senarai pengaji dari beberapa institusi yang tidak diiktiraf MQA dalam akhbar.

**FAKTA**  
Syarikat sana masih ambil pelajar baharu walaupun kolej sudah tutup.

**Star ONLINE** Friday, 8 Feb 2019

## ‘Verify programmes to ensure degrees are recognised’

**PETALING JAYA:** Verify the accreditation or quality assurance status of programmes offered by universities, local or foreign, the Malaysian Qualifications Agency (MQA) advised students, parents and employers.

MQA chief executive officer Datuk Dr Rahmah Mohamed told *The Star* that the quality of higher education is a priority for the government.

“For that purpose, (the government) has set up an accreditation system through MQA and other professional and regulatory bodies.

“Every country has an accreditation and quality assurance system, which the public can access.

“Malaysians should refer to this to be assured of (their degrees’) acceptance and recognition once they graduate,” she said.

Dr Rahmah explained different countries have different regulations and arrangements for accreditation or quality assurance.

“It is advisable to engage relevant authorities of the country to get the right information,” she added.

A list of accredited local programmes is provided on the agency’s Malaysian Qualifications Registry and List of Provisionally Accredited Programs website, she said.

Other professional and regulatory bodies, too, Dr Rahmah said, have provided their recognised qualifications on MQA’s website <http://www.mqa.gov.my/v4/index.cfm> for easy public reference.

Last year, the Education Ministry launched the University Degree Issuance and Verification System, or known as e-Scroll, to tackle the increasing number of fake degrees.

The ministry said the blockchain technology is secure and has the potential to increase the efficiency in authenticating genuine certificates.

The system was developed by a team led by International Islamic University Malaysia.

Higher Education Department director-general Datin Paduka Dr Siti Hamisah Tapsir said a consortium of six universities has agreed in principle to adopt the e-Scroll system in their coming convocation.

“We are enlarging the membership of the consortium to include the rest of the public universities; private universities have shown interest to adopt the system, we will gradually (include) them.

“We have presented the blockchain system to the Malaysian Examination Syndicate and Malaysian Examination Council committees who are in the process of getting approvals from their highest management.

“There are other public universities that use their own blockchain system, and that is ok, as we don’t (want to) limit (universities to using) just (one) specific blockchain” she added.

Berita *The Star Online* Bertarikh 8 Februari 2019 mengenai Keperluan Menyemak Program bagi Memastikan Status Pengiktirafannya

**Star ONLINE** Monday, 11 Feb 2019

## Degree mills: Refer to MQA first to avoid being duped, says Maszlee

**SEMENYIH (Bernama):** Individuals seeking to pursue tertiary education are encouraged to refer to the Malaysian Qualifications Agency (MQA) to avoid being a victim of fraud, says Dr Maszlee Malik.

The Education Minister said for those who wanted to pursue their studies, his ministry encouraged them to check with MQA first to avoid being deceived.

MQA is the national accreditation agency that will identify all accredited programmes at universities and institutions of higher learning.

“MQA has set high standards for that purpose,” he told reporters after visiting the Sekolah Rendah Kebangsaan Taman Pelangi project, here on Monday (Feb 11).

On Sunday (Feb 10), a local Chinese daily reported that several foreign universities had turned into “degree mills”, churning out fake academic qualifications online to applicants without requiring them to pursue any studies.

According to the report, such incidents mainly involved “universities” from the United

Berita *The Star Online* Bertarikh 11 Februari 2019 mengenai Keperluan Merujuk MQA bagi Mengelak dari Menjadi Mangsa Ijazah Palsu

Akhbar Harian Metro Bertarikh 1 Februari 2019 mengenai Kesukaran Pelajar Mendapat Pekerjaan Disebabkan Diploma yang Tidak Diiktiraf MQA

**Akhbar Berita Harian Metro Bertarikh 1 April 2019 mengenai Saranan kepada Orang Ramai untuk Merujuk MQA bagi Mendapatkan Status Sebenar IPT**

# Rujuk MQA status sebenar IPT

(FOTO ZAIN AHMED/BH)

**Johor Bahru:** Orang ramai disarankan merujuk kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi menentukan status sebenar sebuah institusi pendidikan tinggi (IPT) terutama swasta sebelum mengikuti program ditawarkan institusi berkenaan.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata langkah itu penting bagi menentukan institusi berkenaan diiktiraf kerajaan atau tidak.

"Kita di Kementerian ada MQA untuk menyaring dan memberikan maklumat universiti yang menawarkan kursus termasuk ijazah yang diiktiraf."

"Kita berharap rakyat Malaysia dapat merujuk MQA jika mahu melanjutkan pengajian di mana-mana IPT. Hanya kursus yang disahkan MQA yang kita terima (iktiraf)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Kursus Pengurusan dan Pentadbiran MPKK, Ketua Masyarakat dan Pakatan Hara-



**Maszlee bersalam dengan peserta** Kursus Kepimpinan dan Pentadbiran MPKK Parlimen Simpang Renggam di Johor Bahru, semalam.

pan (PH) di sini, semalam.

## Guna nama PBB

BH dalam laporan eksklusif menyuarakan, hanya bayaran RM8,000 kononnya sebagai sumbangan derma pendidikan untuk pelajar miskin, seseorang boleh mendapatkan Ijazah Dok-

tor Falsafah (PhD) Kehormat.

Ijazah PhD Kehormat itu ditawarkan syarikat pengendali sebuah universiti swasta tempatan, yang mendakwa bertaraf antarabangsa dan mempunyai kaitan dengan agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), United

Nations Global Compact, yang berpangkalan di New York.

Menerusi laman sesawangnya, universiti yang mendakwa mempunyai rangkaian di Switzerland dan India itu, memaparkan maklumat menawarkan pengajian diploma, sarjana muda, sarjana dan PhD.

**PILIH JALAN SELAMAT LANJUT PENGAJIAN RUKUK MQA**

**MENJADI** satu impian dalam diri pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekitaran Malaysia (STPM) untuk melanjutkan pengajian mereka ke mana-mana institusi Pengajian Tinggi (IPT) di dalam atau luar negara.

Namun, ada sebahagian daripada impian mereka terancam di pertengahan jalan apabila kurangnya pengetahuan IPT tidak mempunyai kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), sebuah entiti baru yang bertanggungjawab ke atas jaminan kualiti penyelenggaraan bagi sektor swasta dan MQA berperanan untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan teknik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan.

Entiti ini juga berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaraskan jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.

Dengan visi untuk menjadi sebuah autoriti global dalam jaminan kualiti pengajian tinggi dan masa untuk mewujudkan satu sistem jaminan kualiti yang diiktiraf antarabangsa, MQA kini telah bersedia untuk memenangi simpanan kepercayaan baharu dalam jaminan kualiti pengajian tinggi.

MQA adalah graduan dalam pada itu, sumber daripada MQA menyatakan banyak kebenaran bagi program yang mendapat akreditasi dan profesional akan dinyatakan tempoh belajar yang ditamatkan oleh pihak berurusan.

Permohonan ditolak. Ada permohonan IPT yang ditolak seawaktu disebabkan sementara dan penuh kerana tidak mematuhi standard yang ditetapkan oleh terdapat program IPT yang ditolak, baik akreditasi selepas ditolak atau mengemukakan kaji selidik seawaktu untuk pemenuhan ditolak, tetapi mereka boleh mengemukakan permohonan semula.

MQA menyediakan pelajar, ibu bapa dan badan penaja untuk membuat semakan dan memajukan status akreditasi atau jaminan kualiti program yang ditawarkan oleh universiti tempatan atau asing sebelum mendaftar dan di mana mana institusi di Sistem Pengiktirafan Kelayakan Pendidikan Antarabangsa (www.mqa.gov.my/aisa) dan www2.mqa.gov.my/pap.

**Akhbar Sinar Bertarikh 9 April 2019 mengenai Kepentingan Merujuk MQA dalam Memilih Pengajian**

**Jangan mudah tertipu**  
Dengan tawaran IPT tanpa kelulusan MQA

**APA KATA MEREKA**

Kebanyakan graduan IPT akan susah dapat kerja kerana sijil ijazah mereka tidak sah. Contohnya seorang graduan dalam bidang kedoktoran diiktiraf semua graduan IPT. Itu hanya kerana iktiraf pengajarnya tidak sah kerana tidak MQA.

**Muhammad Jamil Fitri** Bahaudin, 24, bekas Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi Elektronik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Amal penting memastikan program yang ditawarkan memenuhi standard dan kriteria yang ditetapkan selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia.

Selain itu, mahasiswa juga sukar mendapat beasiswa kewangan traktannya seperti Pelaburan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPN) dan lain-lain lagi.

**Nurani Nurul Zakiyah** Sarjana Muda Pengurusan Acara, Universiti Utara Malaysia (UUM).

**Akhbar Sinar Bertarikh 9 April 2019 mengenai Jangan Tertipu dengan Tawaran IPT yang Tiada Akreditasi dari MQA**

**Bernama.com** Pastikan Benar  
 bernama.com/bm/news.php?id=1719407 Tarikh kemaskini: 23/04/2019

**Jangan ada unsur sabotaj - CEO MQA**



CYBERJAYA, 23 April (Bernama) -- Jangan ada unsur sabotaj dalam organisasi sehingga menjayakan usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat, kata Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Duluk Dr Rahmah Mohamed.

"Kita boleh berbeza dari segi fahaman politik, namun untuk berkhidmat kepada rakyat, kita tidak wajar menggunakan perbezaan kelompok, kaum atau agama sebagai penghalang," katanya.

Berucap pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MQA di sini hari ini, Rahmah berkata Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sentiasa mengingatkan tanggungjawab perjawat awam untuk melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi tanpa membekalkan kepentingan negara.

"Inej kerajaan, kementerian dan seluruh agensi hendaklah sentiasa dipelihara," katanya. Seramai 27 pegawai MQA menerima APC pada majlis itu.

Rahmah turut mengingatkan warga MQA supaya tidak sesekali membalas kritikan netizen dengan bahasa kurang sopan walaupun untuk mempertahankan diri.

"Sebagai perjawat awam, tujuannya hendaklah mengesahbati batas-batas perhubungan dalam komunikasi serta mematuhi etika penggunaan media sosial," katanya.

Dalam pada itu, Rahmah berkata warga MQA perlu lebih kreatif dan berinovatif dalam mendepani gelombang Revolusi Industri Keempat (IR 4.0).

Justeru, katanya semua warga MQA perlu lebih peka dan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran, terutamanya dalam bidang teknologi maklumat bagi meningkatkan kecemasan dan keberkesanan kerja.

-- BERNAMA

**Berita Bernama Online Bertarikh 23 April 2019 mengenai MQA sebagai Agensi yang Memberi Perkhidmatan Terbaik kepada Rakyat**

**Bernama.com** Pastikan Benar  
 bernama.com/bm/news.php?id=1720308 Tarikh kemaskini: 25/04/2019

**35 program yang ditawarkan di UMK lulus akreditasi penuh dari MQA**



BACHOK, 25 April (Bernama) -- Sebanyak 35 program yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Keintan (UMK) mendapat akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Mati, Canselor UMK Prof Dr Noor Azzi Ismail berkata 16 daripadanya adalah di bawah program ijazah sarjana muda dan 17 di bawah pasca siswazah.

"Kelulusan akreditasi ini penting kerana ia dapat meningkatkan bilangan pelajar, selain dapat menyatukan universiti luar negara untuk berkolaborasi dengan universiti kita," katanya ketika ditemui Bernama di Program Sesi Dialog MQA bersama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Zon Timur di UMK Kampus Bachok di sini hari ini.

Hadir sama, Pengarah Kanan Akreditasi MQA Lilian Kek Siew Yick dan Pengarah Bahagian Akreditasi (Sains Sosial) Khairul Nizam Ibrahim.

Sesi dialog berkenaan dihadiri kira-kira 100 peserta termasuk wakil PPT daripada Universiti Awam (UA), Politeknik, Institut Pendidikan Guru, Kolej Vokasional, serta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta di Zon Timur.

Azizi berkata program yang mendapat pengiktirafan akreditasi juga memainkan peranan penting dalam menentukan kebolehpasaran graduan.

Sementara itu, MQA dalam satu kenyataan berkata, agensi itu akan mengkaji semula proses kerja akreditasi dan membuat penambahbaikan dalam memperkuatkan dan melaksanakan dasar pendidikan tinggi negara.

Menurutnya MQA juga bakal melaksanakan Piagam Pelanggan yang baharu iaitu tempoh 9 minggu bagi Akreditasi Penuh dan Akreditasi Sementara.

MQA bersama PPT dan Anil Panel Penilai (APP) akan bekerjasama dalam merealisasikan hasrat kerajaan bagi menuju ke arah Revolusi Perindustrian 4.0 dan sistem pendidikan juga hendaklah seiring dengan matlamat ini.

Unjuk rekod, bagi tahun 2016, sebanyak 25 daripada 693 program telah ditolak oleh mesyuarat jawatankuasa akreditasi di peringkat Akreditasi Penuh, manakala 78 daripada 771 program telah ditolak oleh mesyuarat jawatankuasa akreditasi di peringkat Akreditasi Sementara.

"Antara punca program berkenaan ditolak adalah disebabkan soalan dan penilaian tidak mencapai aras yang telah ditetapkan oleh MQA selain tidak memenuhi syarat polisi akreditasi program, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

**Berita Bernama Online Bertarikh 25 April 2019 mengenai 35 Program UMK Lulus Akreditasi Penuh dari MQA**

**Bernama.com** Pastikan Benar  
 Tarikh kemaskini: 16/05/2019

**Sesi town hall MQA mengenai piagam pelanggan baharu bagi proses akreditasi**



CYBERJAYA, 16 Mei (Bernama) -- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mengadakan sesi 'town hall' untuk memberi penerangan mengenai piagam pelanggannya yang baharu bagi proses akreditasi sementara dan akreditasi penuh yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Menurut MQA dalam kenyataan hari ini, sesi itu juga bertujuan memberi penerangan mengenai pelaksanaan Kerangka Kelayakan Malaysia 2.0 (MQF 2.0).

"MQA sentiasa komited dan sering mengadakan sesi penglibatan bersama pihak berkepentingan. Sesi town hall ini merupakan platform interaksi dua hala antara MQA bersama pemberi pendidikan tinggi (PPT) dan juga anggota panel penilai," katanya.

Menurut MQA, sesi town hall telah diadakan di Mercu MQA di sini, pada 18 April dan 2 Mei lepas, manakala pada 13 Mei ini, ia diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor bagi zon selatan.

Satu lagi sesi town hall turut diadakan di Mercu MQA hari ini melibatkan kira-kira 300 peserta terdiri daripada naib canselor, ketua eksekutif, pegawai jaminan kualiti dan pegawai penyelaras akademik institusi pengajian tinggi serta anggota panel penilai MQA.

Menurut MQA, penambahbaikan terhadap piagam pelanggan agensi itu dibuat sebagai menyahut seruan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bagi penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap.

Bagi MQF pula, agensi itu menyemak semula kerangka tersebut selepas tujuh tahun dilaksanakan untuk memastikan ia kekal relevan, mengikut dinamik sistem pendidikan tinggi nasional dan antarabangsa.

Menurut kenyataan itu, versi yang disemak, Edisi Kedua MQF, diluluskan oleh Mesyuarat Majlis MQA pada Disember 2017.

-- BERNAMA

**Berita Bernama Online Bertarikh 16 Mei 2019 mengenai Sesi Penerangan MQA berkenaan Piagam Pelanggan yang Baharu bagi Proses Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh**

Star ONLINE



Prof Asma (seventh right), Dr Siti Hamisah (fifth right), Dr Mohd Gazali (sixth right), MQA chief executive officer Datin Dr Rahmah Mohamed (fourth right) and UPM vice-chancellor Prof Datuk Dr Aini Ismail (eighth right) at the Flexible Education Seminar 2019.

FLEXIBLE education is the future of education.

With online learning platforms like Massive Open Online Courses (MOOCs) and blended education, Universiti Sains Malaysia vice-chancellor Prof Datuk Dr Asma Ismail believes knowledge is no longer confined to lecture halls.

"These platforms seem now to be the answer to making education accessible and available (even) to the poor.

"Therefore, flexible education is the way forward in providing students with choices on how, when and where they learn," she said in her keynote speech during the Flexible Education Seminar 2019.

To allow for access to flexible education, Prof Asma said the Education Ministry's Higher Education Department and Malaysian Qualifications Agency (MQA) need to work together.

"After completing a form of flexible education (e-learning, MOOCs), students obtain certificates which is not equivalent to a full degree but employers look at these as a testimony of skill or understanding and (are likely to) promote their employees.

"Employers today hire graduates with competency and skills, rather than graduates with a degree.

## Flexibility in learning

<https://www.thestar.com.my/news/education/2019/07/14/flexibility-in-learning/>

"The degree as we know it is slowly but surely beginning to lose its value so whether we like it or not, higher education needs to undergo changes because students are changing," she said, adding that institutions are moving towards a 30% traditional teaching and 70% online teaching methodology.

Students, she believes, must be flexible, adaptable and agile to respond to change.

Due to the global economic crisis, Prof Asma said more students are finding work after completing secondary education.

There is a rise in "non-traditional" students in the workforce who now want to learn, she added.

"They have varying levels of education and experience, they cannot afford four years to complete a university degree, want to learn at their own time and pace, and it has to be personalised to their needs.

"Degrees should be about how much students learn instead of how many hours they spend in the classroom.

"For these students, competency-based education is more attractive compared to the traditional model."

However, although Malaysia is ahead in providing flexible education thanks to efforts such as MQA's Apel (Accreditation of Prior Experiential Learning), Prof Asma said it is riddled in bureaucracy.

Admission requirements are

flawed, students are taught at the same pace and assessments are scheduled on fixed deadlines, mostly done as a one-size fits all method, that are among the problems.

"So, how flexible are we?" she questioned, saying it is still fragmented.

There are many aspects that need to be sorted, Prof Asma said, such as the affordability of Internet services and threats of bogus providers.

"There are also the challenges of providing inclusive flexible education.

"Education is a basic human right, no one should be excluded from learning opportunities.

"With the ministry, MQA and higher education providers working together, we can deliver," said Prof Asma, who is also MQA chairman.

Higher Education Department director-general Datin Paduka Dr Siti Hamisah Tapsir said the Flexible Education Seminar 2019 was organised by the department and MQA for the first time.

The seminar touched on three topics: recognition of prior learning, Industrial Revolution 4.0-infused academic programmes and industry-infused academic programmes.

Dr Siti Hamisah said it is important to use flexible education platforms as students today are born and brought up in the era of Internet and gadgets.

However, she said in introducing these new methods of teaching, educators have expressed their concerns about the real goal of an education and their role in this millennial age.

"We have to redefine the role of academics, and we have to embrace technology, not fear it."

Education Ministry secretary-general Datuk Dr Mohd Gazali Abas said through flexible education initiatives, students

will be exposed to the global classroom concept which gives them the opportunity to decide when and how they want to learn.

"I am confident that it will be implemented successfully because the government is committed to improving the country's quality of education," he added.

**Berita The Star Online Bertarikh 14 Julai 2019 mengenai Pendidikan secara Fleksibel adalah Masa Depan dalam Pendidikan Tinggi di Malaysia**



## MQA town halls held to introduce new charter, accreditation process

16 MAY 2019 / 15:35 H.



**CYBERJAYA:** In a statement today, the Malaysian Qualifications Agency (MQA) said town hall forums are being organised to brief relevant parties on its new charter relating to the provisional and full accreditation process (of programmes) which will be implemented soon.

Sessions held on April 18 and May 2 at Mercu MQA in Cyberjaya, May 13 at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) in Johor and today again at Mercu MQA also serve to throw light on the Malaysian Qualifications Framework 2.0 (MQF 2.0).

"MQA constantly holds engagement sessions with stakeholders. The town halls allow for two-way interaction between MQA, higher education providers (PPT) and accreditors," the statement further informed.

Today's town hall saw the participation of 300 people made up of vice chancellors, higher learning institution chief executives, quality assurance officers and academic coordinators, as well as MQA accreditors.

MQA said motivation to improve the charter came from Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad's call for efficiency in service delivery.

With regards to the MQF, the agency said this version (approved by the MQA Council in December 2017) is being reviewed to ensure it remains relevant and in line with national and international higher education systems. —

Bernama

**Berita TheSunDaily Online Bertarikh 16 Mei 2019 mengenai MQA Memperkenalkan Piagam Pelanggan Baharu**



## Sembilan minggu tempoh penilaian MQA

[bernama.com/bm/news.php?id=1780499](http://bernama.com/bm/news.php?id=1780499)

KUALA LUMPUR, 18 Okt — Piagam pelanggan baharu untuk penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh yang dibuat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) adalah sembilan minggu dari tarikh dokumen lengkap sehingga keputusan disiarakan.

Dalam kenyataan hari ini, MQA memaklumkan aktiviti penilaian yang dilakukan agensi itu telah disusun semula sejak 11 Julai lepas dan setakat ini MQA berjaya menyelesaikan 84 peratus daripada penilaian akreditasi penuh dalam tempoh piagam pelanggan iaitu tujuh bulan.

"Merujuk kepada artikel bertajuk 'Jangan Ambil Masa Terlalu Lama Semak Kursus IPT' yang disiarkan media secara dalam talian semalam (17 Okt), terdapat kekeliruan tentang proses penilaian akreditasi yang dilaksanakan oleh MQA. Artikel tersebut menyatakan bahawa kelulusan MQA mengambil masa selama lima tahun.

"Mulai 11 Julai 2019, aktiviti penilaian telah disusun semula dan piagam pelanggan baharu untuk penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh adalah sembilan minggu dari tarikh dokumen lengkap sehingga keputusan disiarakan," menurut kenyataan itu.

Semalam, agensi berkenaan disaran membantu institusi pengajian tinggi menyemak kursus sedia ada dan baharu yang bakal ditawarkan dengan lebih cepat dan sistematik agar kursus yang diluluskan sentiasa relevan dengan kehendak industri yang sentiasa berubah.

Menurut kenyataan itu, untuk membolehkan sesuatu program pengajian itu kekal relevan dengan keperluan semasa, MQA mewajibkan institusi membuat pemantauan, semakan dan penambahbaikan kurikulum secara berterusan.

Sebahagian besar daripada perubahan tersebut boleh dibuat di peringkat institusi secara dalaman dan diluluskan oleh Senat Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), jelasnya.

"Perubahan struktural komponen teras termasuk yang melibatkan perubahan nama program perlu dimaklumkan kepada MQA dan disahkan untuk membolehkan rujukan tepat oleh pihak awam melalui portal Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) yang lazimnya mengambil masa kurang daripada dua bulan," menurut MQA.

MQA juga menggalakkan institusi supaya meneroka pelaksanaan program secara fleksibel melalui kaedah pembelajaran secara dalam talian, pembelajaran campuran, 'Massive Open Online Courses' (MOOC), micro-credential dan sebagainya.

**Berita Bernama Online Bertarikh 18 Oktober 2019 mengenai Tempoh Penilaian MQA Dikurangkan dari 7 Bulan ke 9 Minggu**

Keratan Akhbar dan Berita Online mengenai MQA

### Pertemuan dengan Pihak Berkepentingan

MQA juga terlibat dalam sesi pertemuan bersama dengan pihak berkepentingan bagi menyampaikan dasar-dasar terkini kepada pemberi pendidikan tinggi (PPT) dan pihak awam seperti di **Jadual 35**:

BIL.	PERKARA / TAJUK	TARIKH	TEMPAT
1.	Sesi Dialog MQA bersama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Zon Sabah	13 Februari 2019	Hotel Promenade, Kota Kinabalu
2.	Sesi Dialog MQA bersama PPT Zon Utara	21 Mac 2019	USM Pulau Pinang
3.	Sesi Dialog MQA bersama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Zon Timur	25 April 2019	UMK Pengkalan Chepa, Kota Bharu
4.	Sesi Dialog Badan Profesional dengan Bahagian Akreditasi Sains dan Perubatan	15 November 2019	Bilik Mesyuarat Diamond, Aras 1, Mercu MQA

**Jadual 35: Sesi Dialog Bersama PPT**



Sesi Dialog MQA bersama PPT Zon Timur pada 25 April 2019



Sesi Dialog Badan Profesional dengan Bahagian Akreditasi (Sains dan Perubatan) pada 15 November 2019

## Hari Mesra Pelanggan MQA 2019

Hari Mesra Pelanggan (HMP) telah diadakan pada setiap hari Khamis minggu pertama dan ketiga setiap bulan dari Februari hingga November 2019 bertempat di Galeri MQA, Mercu MQA, Cyberjaya. HMP merupakan *platform* perkongsian perkembangan mutakhir berkenaan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara dan juga memberikan peluang kepada semua pihak berkepentingan untuk bertemu dengan pihak MQA. Antara isu dan agenda yang sering dibincangkan ialah status terkini berkenaan permohonan penilaian akreditasi program, dasar-dasar pendidikan tinggi, standard program, kelayakan masuk program pendidikan tinggi, *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)*, Revolusi Industri 4.0, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training, TVET*) serta Diploma Vokasional Malaysia (DVM). MQA berharap agar inisiatif ini dapat memudahkan semua pihak untuk berurusan dengan MQA.


Pada tahun 2019, MQA telah menerima sebanyak 457 kunjungan dari pelbagai pihak yang terdiri daripada pemberi pendidikan tinggi (PPT), orang awam dan pihak berkepentingan yang lain. Pendekatan proaktif ini bukan sahaja dapat menyokong hasrat MQA untuk memperkukuh hubungan MQA dengan para pelanggan dan pihak berkepentingan, malahan ia juga membantu MQA dalam mendapatkan maklum balas bagi penambahbaikan proses kerja dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.



Gambar Sekitar Hari Mesra Pelanggan

## MQA@Media Sosial

Bagi tujuan perkongsian serta pengemaskinian berita dan aktiviti terkini berkenaan pendidikan tinggi kepada pihak berkepentingan, saluran media sosial juga digunakan bagi memastikan sebaran maklumat adalah pantas, cepat dan memberi impak yang tinggi. Hebahan melalui media sosial bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:





# LAPORAN PRESTASI

---

JALINAN  
ANTARABANGSA



# JALINAN ANTARABANGSA

MQA adalah sebuah organisasi yang amat signifikan dalam bidang jaminan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia. Kepakaran MQA dalam membina kerangka kelayakan dan menjamin kualiti pendidikan tinggi turut diperakui serta menjadi rujukan oleh pelbagai pihak berkepentingan pada peringkat antarabangsa, terutamanya di rantau ASEAN.

## Penglibatan MQA dalam ASEAN Quality Assurance Network (AQAN)

- Naib Presiden (bermula September 2017)
- Sekretariat Tetap AQAN
- Ahli Penuh



## Penglibatan MQA dalam Association of Quality Assurance Agencies of Islamic World (IQA)

- Ahli Lembaga Eksekutif IQA
- Ahli Penuh



## Penglibatan MQA dalam Asia-Pacific Quality Network (APQN)

- Ahli Penuh



## Penglibatan MQA dalam International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education (INQAAHE)

- Ahli Penuh



## Penglibatan MQA dalam ASEAN Young Quality Assurance Officers Network (AYQON)

- Presiden (sehingga November 2019)



## Penglibatan MQA dalam ASEAN Qualifications Reference Framework (AQRF)

- Pengerusi dan Sekretariat bagi Malaysian National AQRF Committee (MyAQRF)
- Pusat rujukan/penyelaras AQRF di Malaysia



The ASEAN Qualifications Reference Framework (AQRF)

**UNESCO Quality Assurance of TVET Qualifications in Asia-Pacific**

- Ahli Kumpulan Kerja



**Global Convention on the Recognition of Higher Education**

- Mewakili Asia Pasifik dalam pengubalan dokumen

**Penglibatan MQA dalam Asia-Europe Meeting (ASEM)**

- Ahli Kumpulan Kerja ASEM Recognition Bridging Declaration
- Ahli Kumpulan Kerja ASEM Interregional Credit Transfer Mechanism and Learning Outcome Systems
- Ahli Kumpulan Kerja ASEM MOOCs Program



**Perkongsian Kapasiti: Perjanjian Rasmi Dimeterai dengan Agensi Luar Negara**

Bagi tahun 2019, MQA telah memperbaharui *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan agensi-agensi seperti berikut:

- Quality Assurance Agency for Higher Education (QAA), United Kingdom
- Education and Training Quality Authority of Bahrain (BQA), Bahrain
- Office for National Education Standards and Quality Assessment (ONESQA), Thailand

**Pembangunan Kapasiti: Pengiktirafan**

**Projek Penandaarasan Kerangka Kelayakan Malaysia terhadap Kerangka Kelayakan Serantau**

Pada 23 Mei 2019, Mesyuarat *ASEAN Qualifications Reference Framework Committee* (AQRFC) yang dianjurkan oleh Sekretariat ASEAN di Lao PDR telah menerima laporan penandaarasan yang disediakan oleh Malaysia dan Filipina. Mesyuarat secara sebulat suara telah mengesahkan kedua-dua buah negara sebagai negara terawal dalam kalangan *ASEAN Member States*, AMS yang telah berjaya melengkapkan proses penandaarasan terhadap AQRF.

Penglibatan Malaysia dalam Laporan Penandaarasan antara Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) dengan *ASEAN Qualifications Reference Framework* (AQRF) telah bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan AQRF (*Malaysian National AQRF*, MyAQRF) pada September 2016 yang bertanggungjawab untuk melaksanakan proses penandaarasan dan penyediaan laporan.

MyAQRFC adalah sebuah jawatankuasa *inter-sectoral* yang dianggotai wakil daripada kementerian-kementerian utama, agensi kerajaan, pemberi pendidikan tinggi dan latihan, serta wakil daripada industri dan pekerja. MQA telah dilantik sebagai Pengerusi dan Sekretariat MyAQRFC. Satu Jawatankuasa Kerja MyAQRFC yang dianggotai oleh pakar-pakar jaminan kualiti pendidikan tinggi telah ditubuhkan khusus untuk menyediakan laporan penandaarasan MQF terhadap AQRFC. Proses penandaarasan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan utama, pakar antarabangsa dan pemerhati daripada ahli negara ASEAN. Proses penandaarasan juga telah dilaksanakan berdasarkan 11 kriteria yang telah ditetapkan oleh AQRFC. Secara amnya, laporan tersebut merangkumi sistem pendidikan dan latihan di Malaysia, badan-badan yang bertanggungjawab untuk pelbagai peranan dan fungsi dan yang paling penting, sistem kelayakan dan mekanisme jaminan kualiti yang menyokong kepada MQF. Keseluruhannya, dapatan analisis menunjukkan terdapat bukti yang kukuh setiap 8 Tahap MQF adalah berstatus *Good Fit* dengan setiap 8 Tahap AQRFC.

Mesyuarat Kabinet Malaysia yang diadakan pada 26 Jun 2019, telah mengambil maklum mengenai Laporan Penandaarasan MQF terhadap AQRFC Malaysia dan bersetuju untuk digunakan sebagai rujukan perbandingan kelayakan Malaysia dengan kelayakan-kelayakan negara ASEAN lain. Seterusnya, pelaksanaan AQRFC diharap dapat memudah cara pengiktirafan kelayakan, pembelajaran sepanjang hayat, mobiliti pendidikan pelajar dan sistem kelayakan yang berkualiti tinggi di rantau ASEAN.

Laporan Penandaarasan MQF kepada AQRFC telah diserahkan secara rasmi kepada Sekretariat ASEAN pada 17 Julai 2019. Laporan ini boleh didapati di laman web seperti yang berikut:

- i. Portal Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di <http://www2.mqa.gov.my/myaqrfc>
- ii. Laman web rasmi ASEAN di <https://asean.org/asean-economic-community/sectoral-bodies-under-the-purview-of-aem/services/asean-qualifications-reference-framework/>

### **Perkongsian Kapasiti: Perkongsian Maklumat**

MQA turut terlibat secara aktif dalam pelbagai persidangan, seminar, bengkel dan mesyuarat pada peringkat antarabangsa. Penglibatan MQA termasuklah sebagai pakar jemputan, penceramah, pengerusi sesi dan peserta. Perkongsian maklumat ini banyak membantu MQA dalam menambah baik sistem jaminan kualiti negara agar setanding dengan amalan baik pada peringkat antarabangsa.

MQA telah menyertai 22 aktiviti antarabangsa seperti di **Jadual 36**:

BIL.	AKTIVITI ANTARABANGSA	TEMPAT	TARIKH
1.	<i>Workshop on Malaysian QA: Towards Higher Education 4.0</i>	Dhaka, Bangladesh	20 Januari 2019
2.	<i>ASEAN Quality Assurance Network (AQAN) Executive Committee Meeting No. 1/2019</i>	Manila, Filipina	1 Mac 2019
3.	<i>Brainstorming and Coordination Meeting on Cooperation on TVET Quality Improvement</i>	Bangkok, Thailand	11 Mac 2019
4.	Perbincangan Strategik Berkepentingan di Qatar, Oman dan UAE	Qatar, Oman, UAE	10-13 Mac 2019
5.	<i>ASEM Expert Group Meeting on Interregional Credit Transfer Mechanisms and Learning Outcome Systems</i>	Phuket, Thailand	13 Mac 2019
6.	<i>2<sup>nd</sup> Intergovernmental Meeting on the Global Convention: Draft Text and Rules of Procedures</i>	Paris, Perancis	19-21 Mac 2019
7.	<i>SHARE Policy Advice for AQAN Meeting and Workshop</i>	Jakarta, Indonesia	10-11 April 2019
8.	<i>Sixth ASEAN Qualifications Reference Framework (AQRf) Committee Meeting and National Qualifications Framework (NQF) Phase IV Workshop</i>	Luang Prabang, Lao PDR	20-24 Mei 2019
9.	<i>SHARE Policy Advice for AQAN – Consultancy Visit Europe</i>	Vienna, Austria dan Brussels, Belgium	18-21 Jun 2019
10.	<i>SHARE AQAN Secretariat Capacity Building and Staff Development – Study Visit of AQAN Review’s Managers to ENQA Secretariat</i>	Vienna, Austria dan Brussels, Belgium	9-21 Jun 2019
11.	<i>UNESCO’s Promoting Quality Assurance and The International Recognition of Qualifications in Higher Education: Intensive Workshop for The Bhutan Accreditation Council</i>	Bangkok, Thailand	19-21 Jun 2019
12.	<i>Qualifications Frameworks and Recognition in the Digital Era – A SHARE Seminar</i>	Jakarta, Indonesia	24-26 Jun 2019
13.	<i>SHARE Workshop Strengthening Capacities for Reviews of External Quality Assurance Agencies in ASEAN</i>	Jakarta, Indonesia	9-11 Julai 2019
14.	<i>AQAN Executive Committee Meeting No.1/2019 dan 2019 AQAN Seminar and Roundtable Meeting</i>	Davao City, Filipina	18-20 September 2019
15.	<i>2019 Capacity-Building Workshop for Local Government Officials</i>	Ho Chi Minh City, Vietnam	15-18 Oktober 2019
16.	<i>Regional Program on Quality Assurance in TVET and the APACC Strategic Planning</i>	Manila, Filipina	21-25 Oktober 2019
17.	<i>Quality Beyond Boundaries Group Meeting 2019</i>	Singapura	24-25 Oktober 2019

BIL.	AKTIVITI ANTARABANGSA	TEMPAT	TARIKH
18.	<i>4<sup>th</sup> International Conference on Quality Assurance of Islamic Higher Education</i>	Jakarta, Indonesia	28-30 Oktober 2019
19.	<i>Seventh ASEAN Qualifications Reference Framework (AQR) Committee Meeting and Workshop</i>	Yogyakarta, Indonesia	28-30 Oktober 2019
20.	<i>APEC Online Education Workshop</i>	Hanoi, Vietnam	12-14 November 2019
21.	<i>10<sup>th</sup> Regional Policy Dialogue on TVET</i>	Yangon, Myanmar	14-15 November 2019
22.	<i>AYQON Executive Committee Meeting No. 1/2019 dan 2019 AYQON Forum and Roundtable Meeting</i>	Siem Reap, Cambodia	27-29 November 2019

**Jadual 36: Aktiviti Antarabangsa**

#### Lawatan Agensi Luar Negara ke MQA

Senarai kunjungan yang telah diterima oleh MQA adalah seperti di **Jadual 37**:

BIL.	SENARAI KUNJUNGAN	TARIKH
1.	Delegasi Tohoku University, Jepun	14 Februari 2019
2.	Delegasi Japan International Cooperation Agency (JICA), Jepun	3 April 2019
3.	Delegasi Dhaka International University, Bangladesh	10 April 2019
4.	Delegasi Chung-Ang University, Korea	23 Mei 2019
5.	Delegasi St. George University, West Indies	29 Mei 2019
6.	Delegasi The Quality Assurance Agency for Higher Education, UK	23 Julai 2019
7.	Delegasi Dublin Business School, Ireland	12 September 2019
8.	Delegasi Council for Technical Education and Vocational Training (CTEVT) dan Sakchyamta Project, Nepal	13 December 2019

**Jadual 37: Senarai Kunjungan**



*6<sup>th</sup> AQRFC Meeting, Lao PDR, 21-23 Mei 2019*



*MyAQRFC Working Committee Meeting, Mercu MQA, 6 Mac 2019*



*MyAQRf Committee Meeting, Mercu MQA, 19 Mac 2019*



*2019 AQAN Seminar and Roundtable Meeting, Davao City, Filipina, 19-20 September 2019*



AQAN Executive Committee Meeting No. 2/2019, Davao City, Filipina, 18 September 2019



MoU dengan Office for National Education Standards and Quality Assessment (ONESQA), Thailand, Dimeterai pada 18 September 2019 di Davao City, Filipina



Lawatan Delegasi Council for Technical Education and Vocational Training (CTEVT) dan Sakchyamta Project, Nepal, Mercu MQA, 13 Disember 2019



Lawatan Delegasi Dublin Business School, Ireland, Mercu MQA, 12 September 2019



Lawatan Delegasi Dhaka International University, Bangladesh, Mercu MQA, 10 April 2019




Lawatan Delegasi St. George University, West Indies, Mercu MQA, 29 Mei 2019



# LAPORAN PRESTASI

---

PEMBANGUNAN  
**KAPASITI**



# PEMBANGUNAN KAPASITI

## Pelantikan Ahli Panel Penilai (APP)


MQA telah melantik APP daripada kalangan pakar-pakar yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu. APP yang dilantik adalah dari PPT awam, PPT swasta, badan profesional dan industri bagi memenuhi keperluan penilaian program di peringkat akreditasi sementara, akreditasi penuh dan audit pemantauan.

Bagi memenuhi keperluan penilaian akreditasi sepanjang tahun 2019, seramai 81 orang telah dilantik sebagai APP MQA. Statistik pelantikan APP baharu 2019 adalah seperti di **Jadual 38**:

BIDANG	BILANGAN PENILAI MQA
Sastera dan Kemanusiaan	17
Sains Sosial	15
Kejuruteraan dan Teknologi	31
Sains dan Perubatan	18
<b>JUMLAH</b>	<b>81 orang</b>

**Jadual 38: Statistik Pelantikan APP Baharu MQA 2019 Mengikut Bidang Utama**

Dengan pelantikan seramai 81 orang APP pada tahun 2019 menjadikan keseluruhan APP MQA sehingga Disember 2019 adalah seramai 1,847 orang yang terdiri daripada pelbagai bidang. Jumlah keseluruhan APP MQA sehingga Disember 2019 adalah seperti di **Carta 13**:



**Carta 13: Jumlah Keseluruhan APP MQA Sehingga Disember 2019**

## Pemeringkatan APP MQA

Bermula tahun 2018, MQA telah menambah baik proses pengurusan APP MQA. Penambahbaikan ini melibatkan proses pemeringkatan APP, di mana APP dikategorikan mengikut kumpulan tertentu yang dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa Pemeringkatan. Empat kategori telah diwujudkan iaitu Penilai Bertauliah, Penilai Utama, Penilai Kanan dan Penilai. Kriteria yang ditetapkan bagi setiap kategori adalah berdasarkan kepada jumlah tugas, prestasi APP dan anugerah lain yang telah diterima oleh APP.

Setiap kategori mempunyai peranan dan tugas yang berbeza dan akan dilantik untuk menjalankan tugas penilaian berdasarkan kesesuaian dan ketetapan MQA. Kesemua APP telah dimaklumkan berkenaan peranan mereka berdasarkan kepada kategori pemeringkatan masing-masing. Bilangan APP mengikut kategori yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 39**:

KATEGORI	BILANGAN PENILAI MQA
Penilai Bertauliah	52
Penilai Utama	39
Penilai Kanan	183
Penilai	1,573
<b>JUMLAH</b>	<b>1,847</b>

**Jadual 39: Statistik Pemeringkatan APP Berdasarkan Kategori**

## Penilaian Prestasi APP MQA

Setiap APP yang menjalankan tugas akreditasi sementara (*provisional accreditation, PA*) dan akreditasi penuh (*full accreditation, FA*) akan dinilai setiap kali menerima tugas. Penilaian dilaksanakan oleh pegawai MQA dan PPT yang terlibat.

Penilaian prestasi APP oleh pegawai MQA dilakukan secara dalam talian, melalui sistem dalaman iaitu e-Akreditasi sejak 2016. Bahagian Koordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti (BKRJK) akan menganalisis prestasi tersebut setiap enam bulan sekali. Penilaian prestasi oleh PPT pula masih dibuat secara manual, melalui borang yang diedarkan ketika lawatan penilaian akreditasi dijalankan.

APP yang menjalankan tugas dinilai berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan. **Jadual 40** menunjukkan kriteria yang dinilai oleh pegawai mengikut jenis tugas akreditasi, manakala **Jadual 41** pula menunjukkan kriteria yang dinilai oleh PPT.

BIL.	AKREDITASI SEMENTARA (PA)	AKREDITASI PENUH (FA)
1.	<p><b>Amalan Etika</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kualiti pengurusan masa dan kepatuhan terhadap jadual kerja</li> <li>- Bebas daripada kepentingan peribadi dan pengaruh pihak tertentu</li> <li>- Sentiasa tekal dan saksama dalam penilaian</li> </ul>	<p><b>Amalan Etika</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kualiti pengurusan masa dan kepatuhan terhadap jadual kerja</li> <li>- Bebas daripada kepentingan peribadi dan pengaruh pihak tertentu</li> <li>- Sentiasa tekal dan saksama dalam penilaian</li> </ul>
2.	<p><b>Profesionalisme</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketersediaan (<i>availability</i>) untuk menjalankan tugas penilaian</li> <li>- Responsif sepanjang menjalankan tugas penilaian</li> <li>- Kemantapan penguasaan ilmu dalam bidang tugas</li> <li>- Kemahiran mengguna strategi, kaedah dan teknik penilaian berkesan</li> <li>- Kepakaran membuat ulasan, mengguna contoh dan memberi saranan yang jelas untuk penambahbaikan</li> </ul>	<p><b>Profesionalisme</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketersediaan (<i>availability</i>) untuk menjalankan tugas penilaian</li> <li>- Responsif sepanjang menjalankan tugas penilaian</li> <li>- Kemantapan penguasaan ilmu dalam bidang tugas</li> <li>- Kemahiran mengguna strategi, kaedah dan teknik penilaian berkesan</li> <li>- Kepakaran membuat ulasan, mengguna contoh dan memberi saranan yang jelas untuk penambahbaikan</li> </ul>
3.	<p><b>Kualiti Laporan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Laporan mendalam, bersifat analitikal dan menunjukkan APP telah memberi tumpuan yang mencukupi dalam menghasilkannya</li> <li>- Laporan memenuhi keperluan dan kehendak MQA</li> <li>- Kepakaran dan kredibiliti APP dalam sesuatu bidang diterjemahkan dalam kualiti laporan yang dihasilkan</li> </ul>	<p><b>Kualiti Laporan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Laporan mendalam, bersifat analitikal dan menunjukkan APP telah memberi tumpuan yang mencukupi dalam menghasilkannya</li> <li>- Laporan memenuhi keperluan dan kehendak MQA</li> <li>- Kepakaran dan kredibiliti APP dalam sesuatu bidang diterjemahkan dalam kualiti laporan yang dihasilkan</li> </ul>
4.	<p><b>Kemantapan Pengetahuan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- APP mengikuti dan memahami perkembangan terkini mengenai dasar-dasar dan dokumen jaminan kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian dan MQA</li> </ul>	<p><b>Kemantapan Pengetahuan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- APP mengikuti dan memahami perkembangan terkini mengenai dasar-dasar dan dokumen jaminan kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian dan MQA</li> </ul>
5.	<p><b>Tempoh Penyediaan Laporan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tempoh yang diambil untuk menyiapkan laporan adalah selari dengan tempoh yang ditetapkan oleh MQA</li> </ul>	<p><b>Tempoh Penyediaan Laporan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tempoh yang diambil untuk menyiapkan laporan adalah selari dengan tempoh yang ditetapkan oleh MQA</li> </ul>
6.	Tidak dinilai	<p><b>Sahsiah / Personaliti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penampilan dan kawalan diri</li> <li>- Perlakuan yang meyakinkan</li> <li>- Sikap terbuka, berhemah, mesra dan sopan</li> </ul>
7.	Tidak dinilai	<p><b>Kemahiran Komunikasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penguasaan bahasa yang baik</li> <li>- Penyaoalan dan penyampaian idea serta pendapat</li> <li>- Kefahaman dan maksud berkaitan aspek yang dinilai</li> </ul>


Jadual 40: Kriteria Penilaian Prestasi APP oleh Pegawai MQA

SKOR	PANDUAN SKALA
1	Sangat tidak memuaskan
2	Tidak memuaskan
3	Memuaskan
4	Baik
5	Cemerlang

Jadual 41: Kriteria Penilaian Prestasi APP oleh PPT

### Analisis Penilaian Prestasi APP oleh Pegawai MQA

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sistem, seramai 279 orang APP dicatatkan telah membuat penilaian akreditasi sementara dan 315 orang APP membuat penilaian akreditasi penuh sepanjang Januari hingga Disember 2019. Terdapat beberapa orang APP yang sama menerima tugas bagi kedua-dua jenis permohonan penilaian program. **Carta 14** menunjukkan analisis prestasi APP secara keseluruhan bagi kedua-dua jenis tugas penilaian akreditasi sepanjang tempoh tersebut.



Carta 14: Analisis Penilaian Prestasi APP secara Keseluruhan bagi Januari hingga Disember 2019


### Analisis Penilaian Prestasi APP oleh PPT

Sebanyak 64 buah PPT yang terdiri daripada universiti, kolej universiti, kolej komuniti, kolej vokasional, kolej dan institut telah memberi maklum balas dalam penilaian yang melibatkan 159 orang APP sepanjang Januari hingga Disember 2019.

Daripada analisis yang dilakukan, sebanyak 74.2% (118 APP) yang dinilai mendapat penilaian cemerlang (skor 5) dan selebihnya iaitu 25.8% (41 APP) mendapat penilaian baik (skor 4) daripada PPT. Hanya dua skor tersebut dicapai oleh APP bagi penilaian ini.

Kebanyakan PPT menyatakan bahawa APP sangat berpengetahuan, penuh etika, banyak berbincang, peramah, tepat, mempunyai komunikasi yang baik, membantu dalam memberi cadangan, pandangan dan nasihat, sangat profesional, bertimbang rasa, mempunyai penampilan yang baik, bersikap terbuka, berpengalaman, bersikap positif, mesra serta berdedikasi semasa lawatan akreditasi penuh berlangsung.

Secara keseluruhannya, pecahan pemarkahan oleh PPT terhadap APP MQA yang terlibat adalah seperti di **Carta 15**:



**Carta 15: Penilaian Prestasi APP oleh PPT**

## Latihan APP

### Pengendalian Program Pembangunan Kapasiti, Pusat Latihan Jaminan Kualiti MQA (Malaysian Quality Assurance Training Centre, MQATC)

Pembangunan kapasiti adalah aspek yang penting bagi memastikan sesebuah organisasi dapat melaksanakan fungsinya dan memastikan ekosistem jaminan kualiti dalaman dan luaran yang mampan. Dalam konteks MQA, pembangunan kompetensi dilaksanakan secara menyeluruh meliputi keterlibatan pegawai MQA dan pihak berkepentingan iaitu ahli panel penilai (APP) MQA dan pemberi pendidikan tinggi (PPT). Bagi meningkatkan kredibiliti dan *visibility* MQA di peringkat serantau dan antarabangsa, MQA juga turut menawarkan khidmat perkongsian pengalaman dan kepakaran jaminan kualiti melalui program penempatan pegawai-pegawai jaminan kualiti dari luar negara iaitu program penempatan kerja (*internship*). Terdapat dua unit di MQATC iaitu Unit Pembangunan Jaminan Kualiti (UPJK) yang diberi mandat untuk melaksanakan program pembangunan kompetensi APP, PPT dan pegawai jaminan kualiti dari luar negara, manakala Unit Latihan bertanggungjawab membangunkan kapasiti pegawai MQA.


Sepanjang tahun 2019, UPJK telah menganjurkan sebanyak 115 program pembangunan kompetensi kepada tiga kumpulan sasar iaitu APP, PPT dan pegawai jaminan kualiti luar negara. Program latihan yang dianjurkan memberi tumpuan kepada peningkatan keberkesanan pelaksanaan proses jaminan kualiti MQA. Pendedahan berkenaan dasar, standard, proses, amalan baik dan prosedur jaminan kualiti serta topik mengenai pendidikan tinggi telah dilaksanakan mengikut kesesuaian kumpulan sasar melalui program berbentuk bengkel, seminar, taklimat dan klinik bimbingan. Penganjuran keseluruhan program telah mencatatkan hasil kutipan fi sebanyak RM945,676.88 sepanjang tahun 2019.

Bilangan program pembangunan kapasiti yang telah dianjurkan pada tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 42**:

BIL.	PROGRAM	2019
1.	Bengkel/Seminar/Taklimat kepada Ahli Panel Penilai MQA	3
2.	Bengkel/Seminar/Taklimat kepada Pemberi Pendidikan Tinggi	110
3.	Program Penempatan Pegawai Jaminan Kualiti Luar Negara	2
<b>JUMLAH</b>		<b>115</b>

**Jadual 42: Bilangan Program Pembangunan Kapasiti Tahun 2019**

Perbandingan antara Program Latihan 2018 dan 2019 adalah seperti di **Carta 16**:



**Carta 16: Perbandingan Bilangan Program Pembangunan Kapasiti Tahun 2018 dan 2019**

### Program Pembangunan Kapasiti APP

Dalam usaha memantapkan peranan APP, MQA telah merangka dua program latihan iaitu bagi tujuan lantikan APP dan program latihan berterusan mengenai perkembangan terkini jaminan kualiti. Pada tahun 2019, UPJK telah mengendalikan Bengkel COPPA dan Hasil Pembelajaran bagi tujuan lantikan APP baru. Objektif pengendalian bengkel adalah tertumpu kepada pendedahan terhadap peranan APP, dasar dan proses jaminan kualiti MQA. APP juga akan didedahkan mengenai penilaian program berdasarkan COPPA dan juga penerangan khusus mengenai konsep dan teknikal, pembangunan serta pengoperasian hasil pembelajaran. Seramai 89 orang APP menghadiri bengkel tersebut.

Selain itu, terdapat bengkel khusus kepada APP yang terlibat dengan penilaian program 2u2i dan *Work-Based Learning* (WBL) yang telah dilaksanakan pada 6 April 2019 dengan penyertaan seramai 42 orang APP. Sebagai persediaan bagi pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET, MQA telah melaksanakan Bengkel *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA) kepada ahli panel penilai (APP) kepada 23 penilai dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sebagai persediaan sebelum dilantik sebagai Panel Penilai TVET (APV).

Perincian program pembangunan kapasiti APP yang dilaksanakan pada tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 43**:

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	BILANGAN APP
1.	Bengkel <i>Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)</i> Kepada Ahli Panel Penilai (APP)	Siri 1: 26 – 28 April	34
		Siri 2: 11 – 13 Oktober	55 (27 MQA & 23 JPK)
2.	Taklimat / Bengkel Kepada APP 2u2i & <i>Work-Based Learning</i>	6 April	42


**Jadual 43: Perincian Program Pembangunan Kapasiti APP 2019**

Lantikan APP yang dilantik mengikut Bahagian Akreditasi adalah seperti di **Jadual 44**:

BIL	BIDANG	BILANGAN APP
1	Bahagian Akreditasi Sains dan Perubatan (BASP)	24
2	Bahagian Akreditasi Sastera dan Kemanusiaan (BASK)	20
3	Bahagian Akreditasi Kejuteraan dan Teknologi (BAKT)	29
4	Bahagian Akreditasi Sains Sosial (BASS)	16
Jumlah		89

**Jadual 44: Lantikan APP Mengikut Bahagian Akreditasi**

Manakala Peratus Pecahan APP Menghadiri Bengkel Mengikut Bahagian Akreditasi seperti di **Carta 17**:



**Carta 17:** Pecahan Peratusan APP Menghadiri Bengkel mengikut Bahagian Akreditasi



*Bengkel Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) kepada Ahli Panel Penilai (APP) Siri 2/2019, Mercu MQA, 11 - 13 Oktober 2019*



**Bengkel *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* kepada Ahli Panel Penilai (APP) Siri 2/2019, Mercu MQA, 11 - 13 Oktober 2019**

## Program Pembangunan Kapasiti PPT

UPJK turut menganjurkan siri latihan kepada PPT melalui Program Pembangunan Kapasiti PPT (*public programme*) yang dilaksanakan dalam tiga siri secara berjadual. Selain itu, program latihan berdasarkan permintaan oleh PPT (*in-house programme*) turut dilaksanakan. PPT boleh memohon mana-mana modul latihan yang diperlukan dan program latihan akan dilaksanakan di premis PPT.

Secara keseluruhannya, 110 program latihan telah diadakan kepada kumpulan sasaran yang terdiri daripada ahli-ahli akademik dan kakitangan PPT. Program latihan yang ditawarkan meliputi Klinik Bimbingan Penyediaan Dokumen Akreditasi Program, Bengkel COPPA 2.0 dan Instrumen Penilaian, penerangan kepada garis panduan amalan baik dan dokumen jaminan kualiti yang diterbitkan oleh MQA serta latihan khusus bagi pendidikan berasaskan hasil (*outcome-based education*).

MQA juga telah diluluskan pembaharuan pendaftaran sebagai penyedia latihan berdaftar di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi tempoh tiga tahun bermula 25 Februari 2019 sehingga 24 Februari 2022. Pendaftaran ini memberikan kemudahan tuntutan kos latihan dengan pihak PSMB bagi semua penyertaan program-program latihan yang dikendalikan oleh MQA.

No Siri: GOV100014362



**SIJIL PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN**  
AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD, 2001

*MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY (MQA)*

adalah dengan ini didaftarkan sebagai penyedia latihan di bawah  
Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia

Tarikh Diluluskan	Tarikh Tamat
25/02/2019	24/02/2022

20/02/2019  
Tarikh Dikeluarkan

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Senarai program pembangunan kapasiti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 45**:

BIL.	PROGRAM	JUMLAH
1.	<i>Advisory Clinic for Preparation of Programme Accreditation Document</i>	3
2.	<i>Workshop on Learning Outcomes (Module 1) (WLO1)</i>	3
3.	<i>Workshop on Learning Outcomes (Module 2) (WLO2)</i>	3
4.	<i>Workshop On Guidelines To Good Practice (GGP) : Assessment Of Students (AS)</i>	3
5.	<i>Workshop on GGP : Curriculum Design and Delivery (CDD)</i>	3
6.	<i>Seminar on Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) Access (A) and Credit (C)</i>	2
7.	<i>Workshop on COPPA and Evaluation Instrument</i>	3
8.	<i>Workshop on GGP: Monitoring, Review and Continually Improving Institutional Quality (MR CIIQ) Introductory</i>	3
9.	<i>Workshop on GGP: Monitoring, Review and Continually Improving Institutional Quality (MR CIIQ) Advanced</i>	3
10.	MQF 2.0	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>29</b>


**Jadual 45: Bilangan Pembangunan Kapasiti yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2019 secara *Public Programme***

Senarai program pembangunan kapasiti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019 secara dalaman adalah seperti di **Jadual 46**:

BIL.	PROGRAM	JUMLAH
1.	<i>Workshop on Learning Outcomes (Module 1) (WLO1)</i>	21
2.	<i>Workshop on Learning Outcomes (Module 2) (WLO2)</i>	19
3.	<i>Workshop on COPPA and Evaluation Instrument</i>	15
4.	<i>Seminar on Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) Credit (C)</i>	8
5.	<i>Advisory Clinic for Preparation of Programme Accreditation Document</i>	4
6.	<i>Workshop on GGP: Curriculum Design and Delivery (CDD)</i>	4
7.	<i>Workshop on GGP: Monitoring, Review and Continually Improving Institutional Quality (MR CIIQ) Introductory and Advanced</i>	3
8.	<i>Seminar on Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) Access (A)</i>	3
9.	<i>Workshop on Guidelines to Good Practice (GGP): Assessment of Students (AS)</i>	1
10.	MQF 2.0	1
11.	<i>2u2i &amp; Work-Based Learning (WBL)</i>	1
12.	<i>Table 4 &amp; Test Specification Table (TTS)</i>	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>81</b>

**Jadual 46: Perincian Program Pembangunan Kapasiti yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2019 secara Dalaman**

Manakala pecahan mengikut peratus bagi program pembangunan kapasiti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019 secara dalaman adalah seperti di **Carta 18**:



**Carta 18: Pecahan Mengikut Peratus Program Pembangunan Kapasiti yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2019 secara Dalaman**



*Public Programme Siri 1, Mercu MQA, 25-28 Mac 2019*



**MQF 2.0, The Everly, Putrajaya, 28 Mac 2019**



**Advisory Clinic for Preparation of Programme Accreditation Document,  
The Everly, Putrajaya, 25 Mac 2019**

### Program Penempatan Pegawai Jaminan Kualiti Luar Negara

Selain itu, UPJK juga turut mengendalikan program penempatan kerja (*internship*) kepada pegawai jaminan kualiti luar negara selama lima hari. Program ini adalah satu *platform* perkongsian amalan terbaik dan pengalaman jaminan kualiti dalam kalangan organisasi agensi jaminan kualiti pendidikan tinggi antarabangsa. Seramai 20 orang pegawai jaminan kualiti agensi luar negara yang terdiri daripada tujuh buah negara iaitu Afghanistan, Tonga, Mauritius, Seychelles, Timor Leste, dan Philippines serta Finance Accreditation Agency (FAA), Malaysia telah menyertai program ini pada tahun 2019. Perincian program penempatan pegawai jaminan kualiti luar negara adalah seperti di **Jadual 47**:


BIL	AKTIVITI	PESERTA
1.	MQA Internship Programme Siri 1: 4 - 8 Mac 2019	4
2.	MQA Internship Programme Siri 2: 26 - 30 Ogos 2019	16

**Jadual 47: Perincian Program Penempatan Pegawai Jaminan Kualiti Luar Negara**

Perincian penyertaan program penempatan pegawai mengikut negara adalah seperti di **Rajah 8**:



**Rajah 8: Perincian Penyertaan Program Penempatan Pegawai Jaminan Kualiti Luar Negara**



Program *Internship* dan Pertukaran Pegawai Siri 1, Mercu MQA, 4 - 8 Mac 2019



Program *Internship* dan Pertukaran Pegawai Siri 1, Mercu MQA, 4 - 8 Mac 2019



Program *Internship* Siri 2, Mercu MQA, 26 - 30 Ogos 2019



Program *Internship* Siri 2, Mercu MQA, 26 - 30 Ogos 2019

## Pembangunan Kapasiti Pegawai MQA

Bagi menjamin keberkesanan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab terhadap pengukuhan kualiti pendidikan tinggi, MQA memerlukan anggota kerja yang berdaya saing dan memiliki kompetensi yang tinggi. Berdasarkan matlamat ini, Unit Latihan, MQATC telah merancang latihan untuk pegawainya berasaskan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menggariskan supaya setiap Jabatan hendaklah menyediakan peruntukan tahunan bersamaan sekurang-kurangnya satu peratus (1%) daripada peruntukan emolumen bagi tujuan latihan. Selaras dengan penangguhan dasar berkursus tujuh hari setahun bagi semua anggota Perkhidmatan Awam pada 29 Februari 2016, MQA telah mengkaji semula objektif kualiti seperti yang terkandung dalam Manual Kualiti MS ISO 9001: 2008 yang menetapkan 85% warga MQA perlu mengikuti latihan sekurang-kurangnya lima hari dalam tempoh setahun.

Analisis kajian keperluan latihan (*Training Needs Analysis*, TNA) yang dibangunkan sekali dalam tempoh dua tahun telah membantu untuk membentuk program latihan bagi tahun 2019. Kajian ini dilakukan dengan memberikan keutamaan kepada penganjuran atau permohonan menghadiri program latihan yang menekankan kepada fungsi tugas pada setiap unit/bahagian termasuk setiap jawatan dan gred warga MQA.

Pada tahun 2019, sebanyak RM200,000.00 iaitu 1% daripada jumlah \*emolumen telah diperuntukkan bagi tujuan latihan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM189,600.80 (94.80%) telah dibelanjakan. Statistik jumlah perbelanjaan latihan adalah seperti seperti di **Jadual 48**:

PERKARA	JUMLAH (RM)	PERATUS (%)
Peruntukan untuk Latihan berbanding Emolumen	200,000.00	1
Perbelanjaan Latihan	189,600.80	94.80

\*Emolumen RM20 juta [Berdasarkan Minit Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil. 01/2019 bertarikh 19 Februari 2019]

**Jadual 48: Jumlah Perbelanjaan Latihan untuk Tahun 2019**

Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2019, 99.40% warga MQA telah mencapai kehadiran lima hari berkursus setahun. Pencapaian ini telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 85%. Statistik pencapaian kehadiran berkursus adalah seperti di **Jadual 49**:

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH PEGAWAI	BELUM HADIR		>0 HINGGA <2.5 HARI		=>2.5 HINGGA <5 HARI		**CAPAI IKUT PERKADARAN	=>5 HARI	
		BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL.	BIL	%
Pengurusan Tertinggi	4	0	0.00%	0	0.00%	0	0.00%	-	4	100%
Pengurusan dan Profesional	161	0	0.00%	0	0.00%	0	0.00%	2	159	100%
Pelaksana	167	0	0.00%	1	0.60%	0	0.00%	1	165	99.40%
								3	328	99.69%
<b>JUMLAH</b>	<b>332</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>	<b>1</b>	<b>0.31%</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>	<b>331</b>		

**Jadual 49: Statistik Pencapaian Kehadiran Berkursus sehingga 31 Disember 2019**

Struktur latihan bagi pembangunan modal insan yang sistematik telah dirangka bagi memastikan setiap pegawai mendapat manfaat daripada konsep pembelajaran sepanjang hayat yang memberi penekanan kepada tiga elemen utama iaitu latihan, pembelajaran dan pembangunan diri. Program latihan yang telah dilaksanakan di bawah struktur ini adalah pelaksanaan program-program generik dan fungsional di samping Program Orientasi Pegawai Baharu dan Program Transformasi Minda.

Sebagai salah satu badan berkanun persekutuan, pegawai MQA juga telah ditawarkan untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Dua pegawai MQA telah mengikuti latihan sangkutan kerja iaitu Program LEP 2.0 *Leadership Development Programme for Middle Management Level (Managers) 2019* di negara Jepun dan Program Sangkutan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan di Syarikat-syarikat Swasta Republik Jerman 2019.

CERTIFICATION PRESENTATION



FAREWELL DINNER



GROUP PHOTO CLOSING SESSION



Program LEP 2.0 Leadership Development Programme for Middle Management Level (Managers)  
2019 yang Diadakan di Jepun



Program Sangkutan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan di Syarikat-syarikat Swasta Republik Jerman 2019

Program khas yang turut dilaksanakan berpandukan kepada struktur seperti yang berikut:

**i. Program *High Performance Culture* (HPC)**

Program *High Performance Culture* (HPC) yang mula dilaksanakan pada tahun 2018 telah berjaya mencetuskan Nilai Teras MQA 'I-TRUST' (*Integrity, Transparent, Respectful, Universal, Spirited, Trustworthy*). Susulan daripada itu, dengan mengguna pakai objektif yang sama iaitu untuk mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan nilai teras dalam kumpulan kerja, HPC pada tahun 2019 telah berjaya mengenal pasti beberapa program dan aktiviti untuk dipantau tindakan dan pencapaiannya oleh setiap bahagian dan unit. Ini bagi memastikan kesinambungan dan kejayaan pembentukan HPC di MQA. Program ini telah dihadiri oleh pengurusan tertinggi MQA, pengarah bahagian dan ketua unit.

**ii. Program *Team Analysis Using Dominance, Influence, Steadiness and Compliant - DISC Expert* (Gred 48-52)**

Program *Team Analysis Using Dominance, Influence, Steadiness and Compliant - DISC Expert* (Gred 48-52) merupakan program latihan yang diadakan untuk membantu memahami dan mengenal pasti nilai personaliti, pemikiran, emosi dan stail individu yang mempengaruhi tingkah laku individu dalam organisasi dan stail kepimpinan. Secara strategiknya, hasil program ini akan dapat mengenal pasti stail personaliti setiap individu untuk membentuk pasukan kerja yang lebih berkesan, produktif dan dinamik. Program yang dilaksanakan ini melibatkan peserta dalam kalangan pengurusan tertinggi MQA, pengarah dan ketua unit serta pegawai pemimpin pelapis iaitu pegawai di gred 52 dan 48.

**iii. *Emergency Response Team* (ER Team)**

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA) bertujuan membentuk satu pasukan gerakan awal yang terlatih bagi membantu warga MQA/orang sekeliling sekiranya berlaku kes-kes kecemasan sebelum pihak penyelamat (bomba atau hospital) tiba untuk memberi bantuan lanjut yang diperlukan. Program ini merupakan hasil inisiatif daripada Bahagian Pentadbiran, MQA. Seramai 25 peserta telah terlibat dan memperoleh pentauliahahan *First Responder Life Support (FRLS)* Tahap I daripada pihak ALPHA.

Pecahan program latihan yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 boleh dirujuk seperti di **Jadual 50**:

JENIS PROGRAM	BILANGAN
Program Khas : <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bengkel <i>High Impact Training</i> telah diadakan kepada Kumpulan Pengurusan Atasan</li> <li>▪ Kursus DISC telah diadakan untuk kumpulan Gred 48-52</li> <li>▪ Kursus <i>Hands-On</i> Pengurusan <i>Stress</i> dan Kursus <i>Grooming</i> telah diadakan kepada Kumpulan Gred 41-44.</li> <li>▪ Kursus Pemantapan Kumpulan Pelaksana Siri 1 dan 2 untuk Kumpulan Gred 1-40</li> </ul>	6
Program Generik	30
Program Fungsional	42
Program Transformasi Minda Kursus Orientasi Pegawai Baharu	2
Kursus Anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	2
Insentif Peningkatan Kelayakan Akademik (IPKA) Insentif Penyelidikan (IPEN)	3
<b>JUMLAH</b>	<b>85</b>

**Jadual 50: Pecahan Program Latihan yang Dilaksanakan pada Tahun 2019**



**Bengkel Building High Performance Culture (HPC) - Developing Leaders,  
Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA, 10-11 Oktober 2019**



*Team Analysis Using Dominance, Influence, Steadiness and Compliant - DISC Expert (Gred 48-52),  
Hotel Everly, Putrajaya, 7 Ogos 2019*



Kursus Orientasi Pegawai MQA Tahun 2019, Bilik Seminar, Aras 1, Mercu MQA, Cyberjaya, 28 Ogos 2019



Program Pemantapan Kumpulan Pelaksana Gred 1 - 40 (Siri 1 dan Siri 2), Institut Latihan FAMA, Port Dickson, 3-4 dan 10-11 Julai 2019



Program Khas Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-44) Pengurusan Stress, Hotel Marriott, Putrajaya, 5 September 2019

### Program Latihan Jaminan Kualiti Warga MQA

Bagi pelaksanaan program latihan yang mengkhususkan kepada pembangunan kapasiti jaminan kualiti warga MQA, beberapa program latihan telah dianjurkan bagi memperkukuhkan pengetahuan jaminan kualiti dalam kalangan warga sektor jaminan kualiti khususnya dan warga MQA umumnya. Program latihan khusus berkenaan jaminan kualiti ini membantu warga MQA untuk menambah pengetahuan berkenaan pelaksanaan dan etika dalam akreditasi serta mendalami proses jaminan kualiti berkenaan dasar, prosedur jaminan kualiti dan topik terpilih pendidikan tinggi yang dilaksanakan kepada kumpulan sasar melalui program berbentuk taklimat dan seminar. Sesi 'QA Brown Bag Session' telah mula diperkenalkan pada tahun ini sebagai *platform* perkongsian jaminan kualiti kepada warga MQA.

Perincian program latihan jaminan kualiti yang dianjurkan oleh Unit Latihan, MQATC adalah seperti di **Jadual 51**:

BIL.	NAMA	TARIKH
1.	Bengkel <i>Post Mortem</i> IWAP Sesi 2018	31 Januari 2019
2.	<i>Brown Bag Session - MQF 2.0 : Yes, We're Ready!</i>	27 Februari 2019
3.	<i>Sharing Session on QA Bodies (Internship)</i>	8 Mac 2019
4.	Program Latihan Jaminan Kualiti (UPJK) - Siri 1	25-28 Mac 2019
5.	Bengkel 2u2i dan <i>Work-Based Learning</i> (WBL)	6 April 2019
6.	<i>Brown Bag Session - Accreditation Process (New Version)</i>	8 April 2019
7.	<i>Brown Bag Session - Akta MQA dan Integriti (Pegawai MQA)</i>	9 Mei 2019
8.	<i>Brown Bag Session - Islamic Finance INCEIF</i>	25 Jun 2019
9.	Taklimat Standard Jaminan Kualiti	1 Ogos 2019
10.	<i>Sharing session: COPPA Standards</i>	16 Ogos 2019
11.	Sesi Perkongsian Ilmu: <i>Internship Programme</i>	30 Ogos 2019
12.	Latihan Jaminan Kualiti: Pemurnian Syarat Akreditasi Siri 1 dan 2	4 & 19 September 2019
13.	Program Latihan Jaminan Kualiti (UPJK) - Siri 2	23-26 September 2019
14.	<i>Sharing Session with QAA UK</i>	16 Oktober 2019
15.	<i>Seminar on Internal-External Quality Assurance (SieQA 2019)</i>	21-22 Oktober 2019
16.	Taklimat Jaminan Kualiti Tunggal TVET-COPTPA dan Taklimat Proses Kerja Akreditasi Baharu	29 November 2019

**Jadual 51: Program Latihan Jaminan Kualiti Kepada Pegawai MQA**



Sharing Session: COPPA Standards, Auditorium, Aras 5, Mercu MQA, 16 Ogos 2019



Sharing Session with QAA UK, Auditorium, Aras 5, Mercu MQA, 16 Oktober 2019

## Peningkatan Kelayakan Akademik

Sebagai agensi yang mementingkan pengetahuan, MQA turut menggalakkan warganya untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik bagi menambah ilmu dan mempertingkatkan kemahiran untuk kemajuan kerjaya mereka. Pada tahun 2019, seramai lima orang pegawai telah menamatkan pengajian dan empat orang pegawai sedang melanjutkan pengajian di pelbagai peringkat secara separuh masa dan sepenuh masa. Statistik pegawai MQA yang meningkatkan kelayakan akademik adalah seperti di **Jadual 52**:

MOD PENGAJIAN	TAHAP KELAYAKAN AKADEMIK			
	SIJIL	DIPLOMA	IJAZAH SARJANA MUDA	SARJANA
Separuh Masa	-	1	2	1
Sepenuh Masa	-	-	-	5

**Jadual 52: Statistik Pegawai yang Meningkatkan Kelayakan Akademik pada Tahun 2019**

Bagi pegawai yang menerima tawaran kemudahan penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (Ph.D) secara sepenuh masa bagi sesi 2019/2020 adalah seperti di **Jadual 53**:

BIL.	NAMA	BIL.	KATEGORI PENGAJIAN
1.	Suhartini binti Samsuddin	N44	Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Dalam Negara
2.	Mohd Zefli bin Ghous Mohamad	N44	Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Dalam Negara
3.	Ila Nadia binti Ali Badaruddin	N44	Ijazah Sarjana Dalam Negara
4.	Habibah binti Damian	N41	Ijazah Sarjana Dalam Negara

**Jadual 53: Pegawai yang Berjaya Menerima Tawaran HLP JPA Sesi 2019/2020**

Di samping memberikan latihan berterusan, MQA turut menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat kepada warga MQA dengan memberi peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Insentif Peningkatan Kelayakan Akademik (IPKA) berupa wang tunai bernilai RM1,000.00 diberikan sebagai penghargaan kepada warga yang berjaya meningkatkan kelulusan akademik ke tahap yang lebih tinggi di pelbagai peringkat pengajian. Insentif ini boleh diterima lebih dari sekali sepanjang tempoh perkhidmatan di MQA.

Selain itu, Insentif Penyelidikan (IPEN) merupakan insentif yang diperkenalkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) pada 22 Februari 2017. Mesyuarat telah bersetuju untuk memberi ganjaran tambahan sebanyak RM500.00 atau RM1,000.00 mengikut tahap kajian kepada warga MQA yang menghasilkan projek/tesis penyelidikan yang bermanfaat kepada MQA.

Pada tahun 2019, seorang pegawai telah layak menerima kedua-dua insentif IPKA dan IPEN manakala seorang pegawai telah menerima IPKA. Senarai penerima IPKA dan IPEN adalah seperti di **Jadual 54**:

BIL.	NAMA	KELAYAKAN
<b>PENERIMA IPKA</b>		
1.	Farhanah Binti Mohamad	Ijazah Sarjana Muda
2.	Nazeerah Binti Ab Razak	Diploma
<b>PENERIMA IPEN</b>		
1.	Farhanah Binti Mohamad	Ijazah Sarjana Muda

**Jadual 54: Penerima Insentif Peningkatan Kelayakan Akademik (IPKA) dan Insentif Penyelidikan (IPEN) pada Tahun 2019**



Penerima Insentif Peningkatan Kelayakan Akademik (IPKA) dan Insentif Penyelidikan (IPEN) bagi Tahun 2018 dan 2019 Diraikan semasa Majlis Apresiasi 2019



# LAPORAN PRESTASI


---

PENGURUSAN DAN  
PEMBANGUNAN  
**SUMBER MANUSIA**



# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN  
**355**



PENGISIAN  
**333**



KEKOSONGAN  
**22**



PENGURUSAN  
TERTINGGI



**4**

**4**


PENGURUSAN &  
PROFESIONAL



**170**



**163**

PELAKSANA




**181**

**166**

 Perjawatan  
 Pengisian

Maklumat sehingga 31 Disember 2019




Tarf Lantikan Pegawai MQA

### Kemajuan Kerjaya Pegawai MQA

Urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat adalah antara inisiatif pengurusan MQA dalam memberi pengiktirafan dan galakan kepada pegawai untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada MQA.

Pada tahun 2019, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) telah diadakan sebanyak empat kali untuk mempertimbangkan urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai Kumpulan P&P. Seramai empat orang Pegawai Tadbir Gred N52 telah diberi pemangkuan ke Gred N54, dua orang Pegawai Tadbir Gred N48 diberi pemangkuan ke Gred N52 dan seorang Juruaudit Gred W44 diberi pemangkuan ke Gred W48. Bagi urusan kenaikan pangkat pula, seorang Akauntan Gred WA48 telah dinaikkan pangkat ke Gred WA52, seorang Pegawai Tadbir Gred N41 dinaikkan pangkat ke Gred N44 manakala seorang Pegawai Tadbir Gred N41 dinaikkan pangkat secara fleksi ke Gred N44.

Bagi Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana telah bermesyuarat sebanyak dua kali untuk mempertimbangkan urusan kenaikan pegawai kumpulan pelaksana. Seramai dua orang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 yang dinaikkan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan ke Gred N22 dan dua orang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 yang dinaikkan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan ke Gred N26. Statistik urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat bagi tahun 2019 adalah seperti di **Carta 19**:



**Carta 19: Statistik Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Tahun 2019**

### Pengurusan Bakat MQA

Pengurusan bakat adalah merupakan satu bidang khusus dalam mengurus aset organisasi yang terpenting iaitu pekerja. Oleh yang demikian, antara yang menjadi tumpuan utama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) bagi tempoh 2018-2020 adalah pengurusan dan pembangunan bakat serta kepimpinan dalam kalangan pegawai gred 48 ke atas. Usaha mengurus bakat di MQA seperti mengenal pasti potensi pemimpin pelapis, mengembangkan kebolehan diri dan memupuk ciri-ciri pemimpin untuk memastikan kepimpinan MQA pada masa akan datang bersifat dinamik, holistik dan matang. MQA telah mula mencorak pembaharuan dalam pengurusan sumber manusianya melalui pembentukan kepimpinan dalam tahun 2018. Untuk 2019, usaha diteruskan untuk membangunkan kepimpinan di MQA melalui beberapa program dan pelan tindakan seperti berikut:

## A. Pelan Penggantian MQA

Pelan Penggantian MQA merupakan satu perancangan menggunakan pendekatan yang sistematik dalam mengenal pasti, menilai dan membangunkan potensi pegawai sebagai persediaan dalam mengisi jawatan-jawatan strategik dan pengurusan di masa hadapan.

Bagi membangunkan pelan tersebut, BPSM telah mengenal pasti kaedah-kaedah untuk *profiling* bakal pemimpin. Selain itu, mereka telah didedahkan dengan kaedah mengenal potensi diri melalui kaedah *9 box analysis*. Pada 10 dan 11 Oktober 2019, bengkel *Building a High Performance Culture - Developing Leaders* telah diadakan sebagai pengenalan kepada *coaching*, *mentoring* dari segi teori dan amali. Oleh yang demikian, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh amat penting untuk diaplikasi oleh barisan kepimpinan MQA. Hasil daripada bengkel ini turut mencetuskan idea untuk mengadakan kajian singkat *MQA Pulse Survey 2019: Staff Engagement*.



Peserta Bengkel *Building a High Performance Culture (HPC) - Developing Leaders*

## B. Pelan Peningkatan Prestasi

Pengurusan tenaga manusia adalah aspek penting dalam sesebuah organisasi. Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang mempunyai kakitangan di bawah seliaan bertanggungjawab untuk menguruskan sumber tenaga manusia sebaik yang mungkin. Pengurusan tenaga manusia, bukan sahaja dari aspek mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan dorongan tetapi meliputi hal-hal menguruskan pegawai yang berprestasi rendah dan pegawai yang bermasalah.

Selain tindakan pembetulan setelah berlakunya masalah, tindakan yang dibuat harus merangkumi usaha-usaha pencegahan sebelum sesuatu kes tersebut berlaku. Ini termasuklah mewujudkan persekitaran/suasana kerja yang menarik, mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh mewujudkan semangat kerjasama dan kekeluargaan.

Sehubungan itu, BPSM telah memperkenalkan Pelan Peningkatan Prestasi atau *Performance Improvement Plan* (PIP) sebagai panduan untuk menguruskan pegawai berprestasi rendah dan pegawai yang bermasalah. Ia juga sebagai medium untuk memberi peluang kepada pegawai yang berprestasi rendah dan bermasalah memperbaiki prestasi kerja dan kualiti peribadi mereka. Tujuan panduan ini adalah bagi menjelaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil agar dapat:

- i. memperbaiki jurang prestasi antara pegawai berprestasi rendah dan bermasalah dengan pegawai cemerlang;
- ii. meningkatkan motivasi pegawai;
- iii. menghargai sumbangan pegawai; dan
- iv. mengurangkan konflik dalam bahagian.

## Pengiktirafan dan Penghargaan

Aspek pengiktirafan dan penghargaan amat penting dalam sesebuah organisasi boleh dilihat sebagai maklum balas yang bersifat konstruktif dan ikhlas berasaskan kepada penghargaan dan penghormatan dalam memperakukan sumbangan seseorang pekerja dengan selayaknya. Selain Anugerah I-TRUST yang baru sahaja diperkenalkan, MQA juga memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada warganya melalui:

### A. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

APC merupakan penghargaan kepada pegawai yang telah memberi perkhidmatan cemerlang di samping pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai.

Seramai 27 orang pegawai telah dipilih untuk menerima APC atas khidmat cemerlang yang diberikan sepanjang tahun 2018. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 telah diadakan pada 23 April 2019 di Mercu MQA.



Penerima APC 2018 Bergambar bersama Pengurusan Tertinggi

### B. Majlis Apresiasi MQA Tahun 2019

Majlis Apresiasi MQA Tahun 2019 merupakan acara kemuncak bagi menghargai jasa dan perkhidmatan warga MQA bagi tahun 2019. Objektif penganjuran majlis ini adalah untuk:

- i. meraikan dan mengiktiraf pencapaian warga MQA;
- ii. penghargaan pegawai MQA yang bersara pada tahun 2019;
- iii. memberi penghargaan kepada pegawai yang telah genap 15 tahun menyumbang khidmat bakti;
- iv. mengiktiraf penerima anugerah Apresiasi I-TRUST (Individu) bagi kategori kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kumpulan Pelaksana.
- v. mengiktiraf pemenang projek Apresiasi I-TRUST bagi tempoh Julai 2019 hingga September 2019; dan
- vi. menghargai sumbangan warga MQA dalam melaksanakan aktiviti di luar tugas rasmi sepanjang tahun 2019.



Majlis Apresiasi MQA 2019

### **Way Forward 2020**

Untuk tahun 2020, BPSM akan terus menyokong visi dan misi MQA dengan memantapkan lagi bakat kepimpinan pegawai MQA melalui Pelan Tindakan Kepimpinan. Selain itu, kajian semula penstrukturan MQA akan dilaksanakan selaras dengan perubahan fungsi dan proses kerja jaminan kualiti MQA. BPSM turut mengambil inisiatif bagi menambah baik aspek laluan kerjaya di MQA dengan mengkaji pelaksanaan kemajuan kerjaya pakar bidang khusus (*subject matter expert, SME*).



# LAPORAN PRESTASI

---

PENGURUSAN PROGRAM  
**KUALITI DALAMAN**



# PENGURUSAN PROGRAM KUALITI DALAMAN

## MS ISO 9001:2015

KPI utama bagi aktiviti MS ISO 9001:2015 pada tahun 2019 adalah memfokus kepada pengekalan pensijilan ISO 9001:2015 daripada badan pensijilan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Antara aktiviti yang telah dirancang termasuklah Bengkel Pengukuhan Audit Dalaman, *Lead Auditor Training*, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (MJPR), pelaksanaan Audit Dalaman MQA dan Audit Pemantauan MS ISO oleh SIRIM.

Kesemua KPI dan sasaran bagi aktiviti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2019. Bengkel Pengukuhan Audit Dalaman telah berjaya diadakan pada 24-25 April 2019 bertujuan memperkukuhkan kompetensi pasukan Juruaudit Dalaman MQA. Pasukan Auditor terlatih telah dilantik daripada pelbagai bahagian dan telah berjaya melaksanakan audit dalaman MS ISO 9001:2015 bermula 17-20 Jun 2019. *Lead Auditor Training ISO 9001:2015 (International Certified Courses)* yang diadakan pada 23-27 September 2019 pula diberikan kepada pelapis ketua juruaudit untuk masa hadapan.

Bagi memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 MQA, MKSP, yang menjadi *platform* utama untuk tujuan pemantauan, telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 15 Julai 2019 dan 13 Disember 2019. Selain itu, sebagai satu langkah untuk membudayakan penghayatan SPK di kalangan warga MQA, hebahan berterusan mengenai perubahan terkini terhadap pindaan dokumen kualiti, pelaksanaan audit dalaman dan audit pensijilan semula MS ISO turut dilaksanakan dari semasa ke semasa. Seterusnya, Seminar Pemantapan Pengurusan Risiko ISO 9001:2015 juga diadakan kepada warga MQA pada 3 Mei 2019 sebagai memberi pendedahan dan meningkatkan pemahaman serta pengetahuan warga dalam pengurusan risiko dan kaitannya dengan pelaksanaan MS ISO 9001:2015.

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah dilaksanakan pada 19-20 Ogos 2019. Hasil audit tersebut, MQA telah berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 daripada SIRIM QAS International tanpa sebarang laporan ketakakuran (*non-conformance report*, NCR) dan beberapa penambahbaikan dengan tempoh sah laku sijil bermula 21 Ogos 2019 sehingga 13 Ogos 2021.

Ini membuktikan SPK MQA MS ISO 9001:2015 berada pada landasan yang tepat bersesuaian dengan hala tuju, visi dan misi MQA. Komitmen dan sumbangan secara berterusan daripada pelbagai pihak terutamanya pihak pengurusan dan warga MQA amat diperlukan supaya usaha ini kekal menjadi kesinambungan ke arah kecemerlangan pelaksanaan SPK MS ISO 9001:2015 di MQA.



Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



**SIJIL**



**SIRIM QAS International Sdn. Bhd.**  
 (No. Syarikat 410334-X)  
 1, Persiaran Dato' Menteri  
 Seksyen 2, Peti Surat 7035  
 40700 Shah Alam  
 Selangor Darul Ehsan  
 MALAYSIA  
 Tel: 60-3-5544 6404  
 Faks: 60-3-5544 6787  
<http://www.sirim-qas.com.my>  
<http://www.malaysiancertified.com.my>

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**  
**MERCU MQA**  
**NO. 3539, JALAN TEKNOKRAT 7**  
**CYBERJAYA 5**  
**63000 CYBERJAYA**  
**SELANGOR DARUL EHSAN**  
**MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

**ISO 9001:2015**

*QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements*

Skop Pensijilan

- 1) PEMBANGUNAN STANDARD PROGRAM;
- 2) PEMROSESAN PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA PROGRAM;
- 3) PEMROSESAN PERMOHONAN AKREDITASI PENUH PROGRAM; DAN
- 4) PROSES PENILAIAN PEMATUHAN AKREDITASI PENUH PROGRAM.

Tarikh dikeluarkan : 21 Ogos 2019  
 Tarikh asal pensijilan : 14 Ogos 2012  
 Tarikh luput : 13 Ogos 2021  
 No. pensijilan : QMS 02493

**Mohd Azanuddin Salleh**  
 Ketua Pegawai Eksekutif  
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat tertera dalam Peraturan Pensijilan

**TANPA NCR**



## CERTIFICATE

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. has issued an IQNet recognized certificate that the organization:

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**  
 MERCU MQA  
 NO. 3539, JALAN TEKNOKRAT 7  
 CYBERJAYA 5  
 63000 CYBERJAYA  
 SELANGOR DARUL EHSAN  
 MALAYSIA

has implemented and maintains a

### QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

for the following scope:

- 1) DEVELOPMENT OF PROGRAMME STANDARDS;
- 2) PROCESSING OF APPLICATIONS FOR PROVISIONAL ACCREDITATION PROGRAMMES;
- 3) PROCESSING OF APPLICATIONS FOR FULL ACCREDITATION PROGRAMMES; AND
- 4) COMPLIANCE ASSESSMENT PROCESS OF FULL ACCREDITATION PROGRAMMES.

which fulfils the requirements of the following standard:

**ISO 9001 : 2015**

Issued on : **21 August 2019**

First issued on : **14 August 2012**

Expires on : **13 August 2021**

This attestation is directly linked to the IQNet Partner's original certificate and shall not be used as a stand-alone document

Registration Number : **MY - QMS 02493**



  
 Alex Stoichitoiu  
 President of IQNet

  
 Mohd Azanuddin Salleh  
 Chief Executive Officer  
 SIRIM QAS International Sdn Bhd



IQNet Partners\*:  
 AENOR Spain AFNOR Certification France APCER Portugal CCC Cyprus CISQ Italy  
 CQC China CQM China CQS Czech Republic Cro Cert Croatia DQS Holding GmbH Germany FCAV Brazil  
 FONDONORMA Venezuela ICONTEC Colombia Inspecta Serifiointi Oy Finland INTECO Costa Rica  
 IRAM Argentina JQA Japan KFQ Korea MIRTEC Greece MSZT Hungary Nemko AS Norway NSAI Ireland  
 NYCE-SIGE Mexico PCBC Poland Quality Austria Austria RR Russia SII Israel SIQ Slovenia  
 SIRIM QAS International Malaysia SQS Switzerland SRAC Romania TEST St Petersburg Russia TSE Turkey YUQS Serbia  
 IQNet is represented in the USA by: AFNOR Certification, CISQ, DQS Holding GmbH and NSAI Inc.

\*\* The list of IQNet partners is valid at the time of issue of this certificate. Updated information is available under [www.iqnet-certification.com](http://www.iqnet-certification.com)



# LAPORAN PRESTASI

---

PEMBUDAYAAN  
**INTEGRITI**



# PEMBUDAYAAN INTEGRITI

## ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems (ISO ABMS)

MQA telah memperoleh sijil ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ISO ABMS) daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 6 November 2017 bagi tempoh 6 November 2017 sehingga 5 November 2020.

Bagi tahun 2019, MQA telah membuat beberapa penambahbaikan dengan memurnikan dokumen ISO ABMS terutamanya berkenaan penyediaan daftar risiko rasuah dan pementapan audit dalam. Bagi tujuan tersebut, dua bengkel telah diadakan iaitu:

- i. Bengkel Pemurnian Daftar Risiko Rasuah MQA pada 17-18 April 2019
- ii. Bengkel Audit Dalam ISO 37001:2016 pada 28-29 Ogos 2019

Usaha pementapan sistem pengurusan anti rasuah yang dilaksanakan oleh MQA telah membuahkan hasil apabila MQA berjaya mengekalkan pensijilan ISO ABMS melalui *surveillance audit* yang berlangsung pada 18-19 Disember 2019 tanpa sebarang laporan ketakakuran (*non-conformance report*, NCR).

## Pelaksanaan Polisi *Whistleblowing* MQA

Sepanjang tahun 2019, Unit Integriti dan Penguatkuasaan (UIP) telah menerima sebanyak lima aduan di bawah Polisi *Whistleblowing* MQA. Sebagai permulaan, jumlah aduan yang diterima menunjukkan warga MQA telah memberikan respons yang positif ke atas *platform* aduan ini. Ia juga boleh dijadikan indikator bahawa promosi yang lebih harus diberikan supaya semua pihak dapat memanfaatkan saluran aduan ini bagi memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di MQA.

## Penerapan Integriti


Seperti tahun-tahun sebelumnya, UIP meneruskan usaha pembudayaan integriti dalam kalangan warga MQA melalui program-program yang diadakan secara berterusan iaitu:

- i. Pesanan Integriti  
Pesanan integriti dibuat secara dwi mingguan melalui emel kepada warga MQA berkenaan kesedaran tentang isu-isu integriti dalam menjalankan tugas meliputi perkara berkaitan kesalahan tatatertib, pematuhan akta-akta berkenaan serta penghayatan terhadap standard dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa di MQA.

## ii. Kuiz Integriti


Sebanyak lapan siri Kuiz Integriti telah dilaksanakan secara bulanan mulai 8 April 2019. Ia diadakan bagi menilai tahap kefahaman warga MQA mengenai isu-isu integriti. Dalam masa yang sama, ia juga menjadi saluran UIP untuk menyampaikan maklumat-maklumat mengenai integriti secara tidak langsung kepada warga MQA. Berdasarkan lapan siri soalan yang dilaksanakan, peratusan warga MQA yang menjawab soalan-soalan yang diajukan adalah antara 26 hingga 52 peratus.

Statistik penyertaan Kuiz Integriti MQA 2019 adalah seperti di **Carta 20**:



**Carta 20: Statistik Penyertaan Kuiz Integriti MQA 2019**

Hasil analisis ini akan digunakan bagi meningkatkan program-program kesedaran integriti dan latihan-latihan yang berkaitan.



Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang Kuiz Integriti 2019, Auditorium, Mercu MQA,  
19 November 2019

iii. Ceramah Integriti

Dua ceramah integriti telah diadakan sepanjang tahun 2019 iaitu :

- Ceramah Perancangan Kewangan yang Efektif pada 17 Mac 2019 oleh Encik Khairul Ezuwan bin Yusoff
- Kisah Benar Kes Rasuah di Kalangan Penjawat Awam oleh Encik Shamsul Salip, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



# LAPORAN PRESTASI

---

PENGURUSAN  
**TEKNOLOGI MAKLUMAT  
DAN KOMUNIKASI (ICT)**



# PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

## Pengurusan Teknologi Maklumat

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) menggalas tanggungjawab yang amat mencabar selaku peneraju kecemerlangan perkhidmatan ICT MQA. Selaras dengan itu, BTM komited dalam memperkasa sistem aplikasi, memantapkan infrastruktur dan infostruktur ICT, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, khidmat sokongan teknikal yang bersepadu serta mengukuhkan tadbir urus ICT bagi menyokong pelaksanaan Perancangan Strategik MQA Menuju 2020.

Dengan sokongan padu berterusan daripada Pengurusan Tertinggi MQA serta komitmen dan dedikasi pegawai BTM yang tinggi, BTM telah berjaya menempuh tahun 2019 yang mencabar dengan pencapaian seperti di bawah.

## Pemeriksaan Sistem Aplikasi

Bagi menyokong dan memastikan urusan pentadbiran dan pengurusan MQA dapat dilaksanakan dengan mantap dan berkesan, sebanyak empat sistem aplikasi baharu telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) iaitu *Dashboard* MQA, *Dashboard* YBM, Sistem Khidmat Pelanggan serta Kuiz Integriti Atas Talian. Selain itu, dua sistem aplikasi utama juga telah diperluaskan fungsi automasi sistem agar sesuai dengan keperluan semasa di samping dapat membantu mempercepatkan proses kerja di bahagian berkenaan membabitkan sistem e-Akreditasi dan Sistem Pengurusan Kewangan.

Pemeriksaan sistem aplikasi ini dilihat membantu MQA dalam memantau pelaksanaan dan prestasi pencapaian proses kerja utama dengan lebih telus di samping memastikan kepuasan pelanggan menjadi keutamaan dalam pelaksanaan tugas. Ia juga secara tidak langsung mengingatkan pegawai serta memastikan penerapan nilai integriti sentiasa diutamakan semasa melaksanakan tugas. Paparan pembangunan sistem aplikasi baharu dan peluasan fungsi automasi sistem adalah seperti di **Rajah 9**:

**DASHBOARD MQA**

**PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

AMJLAH PPT PPT 1227 Lihat Perincian	PPT SWA 19 Lihat Perincian
---	----------------------------------

**AKREDITASI**

AKREDITASI PENUH 15363 http://www2.mqa.gov.my/mqr	AKREDITASI SEMENTARA 2125 http://www2.mqa.gov.my/mqa
---	--

**AHLI PANEL PENILAI (APP)**

AMJLAH APP 1712 Lihat Perincian
---------------------------------------

**DASHBOARD AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**

**Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)**

PPT adalah institusi yang mengendalikan program dan menganugerahkan kelayakan pendidikan tinggi berdasarkan MQF (Tahap 1 hingga 8).

[Contoh: universiti, kolej universiti, kolej, institut awam atau swasta]

Perakuan akreditasi program didasarkan mengikut premis dijalankan termasuk PPT bertaraf cawangan.

**Akreditasi**

Akreditasi Penuh : MQR  
Akreditasi Sementara : MQA/PA yang masih dalam tempoh sah laku.

AKREDITASI PENUH 15363 Lihat Perincian http://www2.mqa.gov.my/mqr	AKREDITASI SEMENTARA (AKTIF) 2125 Lihat Perincian http://www2.mqa.gov.my/mqa
--	---

**JUMLAH PPT**  
1227  
Lihat Perincian

**JUMLAH PPT SWA**  
19  
Lihat Perincian

**SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN**

Utama

Manual Pengguna  
Daftar Pergerakan Bil (Warga MQA)  
Daftar Pergerakan Bil (Bahagian Kewangan)

**Maklumat Daftar Pergerakan Bil**

Baru	0
Tidak lengkap dan Putang	0
Harbar Semula	0
Lengkap	2

**E-AKREDITASI**

No MyKad  
Kata Laluan

Masuk

Hasil belum mendaftari  
Daftar Pengguna Baru

[Manual Pengguna](#)

Best viewed using Internet Explorer 6 and above...  
Agensi Kelayakan Malaysia Copyright Reserved © 2019

**SISTEM PENGURUSAN PERTANYAAN & ADUAN**  
MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY

ENGLISH PORTAL MQA

**ADUAN**

- KUALITI PROGRAM PENYIAJIAN PENDIDIKAN TINGGI (QPPT)
- PERKHIDMATAN MQA
- PORTAL MQA
- SALAH LAKU/PEGAWAI MQA (WISITELEROPONG)

**PERTANYAAN**

- STATUS AKREDITASI PROGRAM
- STANDAR/ POLISI JAMINAN KUALITI
- LAIN-LAIN
- APEL
- NILAI TARAF
- PENJAJIRAN KELAYAKAN

**Kuiz Integriti MQA Siri /**

No.KP


Kata Laluan Gerbang

Log Masuk →

Unit Integriti dan Penguatkuasaan (UIP)  
Agensi Kelayakan Malaysia - 2019

Rajah 9: Pembangunan Sistem Aplikasi Baharu dan Peluasan Fungsi Automasi Sistem

**Carta 21** menerangkan aktiviti pembangunan dan penyelenggaraan sistem aplikasi yang dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dimana sebanyak dua aktiviti berjaya dilaksanakan kurang daripada tempoh masa yang ditetapkan manakala 27 aktiviti lagi berjaya dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.



**Carta 21: Tempoh Masa Pembangunan Sistem Aplikasi**

Berdasarkan carta di atas, peratus pencapaian pembangunan sistem aplikasi dalam tempoh bagi tahun 2019 adalah sebanyak 96.66%, penurunan sebanyak 3.34% berbanding tahun sebelumnya. Ini berikutan terdapat beberapa aktiviti tambahan yang perlu dilaksanakan secara *ad-hoc* selaras dengan perubahan kepada piagam pelanggan MQA yang mula dilaksanakan pada 1 Julai 2019.

## Pemantapan Infrastruktur dan Infostruktur ICT

Bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan rangkaian yang berterusan dan meminimumkan sebarang kejadian *downtime*, BTM secara berterusan menambah baik kemudahan dan perkhidmatan rangkaian. Selaras dengan fasa perpindahan MQA yang terakhir ke Mercu MQA, infrastruktur utama rangkaian telah ditambah baik dengan mewujudkan fungsi ketersediaan tinggi (*high availability*) terutamanya bagi perkakasan kritikal seperti *firewall* dan rangkaian suis teras (*network core switches*).

Kemudahan capaian internet juga ditambah baik dengan menyediakan capaian 100Mbps setiap satu menerusi dua *internet service provider* (ISP) yang berbeza bagi mewujudkan kelewahan (*redundancy*) selain mengimbangi bilangan trafik (*load balancing*) bagi capaian ke internet.


Bagi memperluaskan capaian kepada internet dan menyokong pelaksanaan *bring your own device* (BYOD) di Mercu MQA, kemudahan wifi yang disediakan untuk kegunaan warga dan tetamu MQA telah diperluaskan ke seluruh ruang kerja dan ruang legar Mercu MQA.

Dalam usaha memperkemas dan mengoptimumkan infrastruktur pusat data, perolehan server baharu dan *storage area network* (SAN) telah dilaksanakan bagi pelaksanaan *virtualization*. *Virtualization* dapat mempertingkatkan tahap produktiviti, kecekapan, ketangkasan (*agility*) dan responsif perkakasan di samping mengurangkan modal dan kos operasi IT.

Pemantapan infrastruktur ini bagi menjamin kestabilan pengoperasian server serta perkhidmatan rangkaian dalaman. Ia juga memudahkan mobiliti dan capaian internet oleh warga dan tetamu MQA serta memastikan kelancaran dan kepantasan dalam mengakses sesuatu kandungan laman web di internet. Di samping itu, ia juga bagi memastikan MQA dapat meminimumkan lagi *downtime* rangkaian dalaman MQA agar operasi MQA berjalan tanpa sebarang gangguan.

Selain itu, bagi menyokong pelan kesinambungan perkhidmatan MQA, BTM telah merancang dan mewujudkan pelan dan pusat pemulihan bencana ICT MQA bagi memastikan keselamatan dan kesinambungan perkhidmatan ICT MQA dapat diteruskan sekiranya berlakunya sebarang insiden atau bencana di Mercu MQA.

Peratusan *uptime* perkhidmatan rangkaian pada tahun 2019 mencatatkan 95.89%, penurunan sebanyak 2.19% berbanding tahun lepas seperti di **Carta 22**. Penurunan ini berlaku disebabkan oleh beberapa masalah yang dihadapi semasa proses konsolidasi perkakasan dan perkhidmatan ICT sedia ada dengan yang baharu dilaksanakan.




**Carta 22: Perbandingan Uptime 2018 & 2019 (Hari dan Peratusan)**

## Peningkatan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan


Dalam usaha memperkemas kualiti penyampaian perkhidmatan MQA kepada pelanggannya, Portal Rasmi MQA telah diberi wajah baharu selaras dengan garis panduan pengurusan laman web sektor awam dan amalan terbaik pengurusan laman web. Portal ini telah dilancarkan secara rasminya oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Rahmah binti Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif MQA bersempena Majlis Amanat Tahun Baharu 2019 KPE MQA pada 25 Januari 2019.

Dalam mempelbagaikan saluran perkhidmatan dan penyampaian sempena Hari Mesra Pelanggan (HMP) MQA, BTM telah mengorak selangkah lagi dengan mewujudkan saluran *live chat* di Portal MQA sepanjang berlangsungnya HMP tersebut. Ini bagi membolehkan pelanggan MQA yang tidak dapat hadir ke HMP atau berada jauh dari Lembah Klang dapat berhubung terus dengan pegawai MQA yang bertugas.

Selaras dengan pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal *Technical and Vocational Education and Training* (TVET), BTM telah dipertanggungjawabkan untuk membangun dan menyelenggara laman web TVET bagi memudahkan orang awam dan pihak berkepentingan mendapatkan gambaran yang jelas serta pemakluman terkini berhubung pelaksanaannya.




Dengan kepelbagaian dan penambahan saluran penyampaian, terdapat peningkatan jumlah pengunjung ke dua portal utama MQA iaitu Portal Rasmi MQA dan Portal MQR pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya. Perbandingan jumlah pengunjung bagi kedua-dua portal utama MQA bagi tahun 2019 dan 2018 adalah seperti di **Carta 23**:



Carta 23: Jumlah Pengunjung Portal

### Khidmat Sokongan Teknikal Yang Bersepadu

Pada tahun 2019, BTM menjalankan penyelenggaraan pembaikan (*corrective maintenance*) ke atas 116 aduan kerosakan yang berkaitan dengan kerosakan peralatan ICT. Kesemua aduan kerosakan yang diterima telah berjaya diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu tujuh hari bekerja, di mana sebanyak 65 aduan kerosakan telah diperbaiki secara dalaman dan ini secara tidak langsung dapat menjimatkan perbelanjaan servis pembaikan oleh pihak luar/pembekal. Perbandingan penyelenggaraan pembaikan peralatan ICT bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti di **Carta 24**:



**Carta 24: Perbandingan Penyelenggaraan Pembaikan Peralatan ICT 2018 dan 2019**

Selain itu, penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) juga dijalankan secara berjadual ke atas semua perkakasan ICT. Ini bagi memastikan peralatan ICT tersebut berada dalam keadaan yang terbaik dan sentiasa dikemas kini perisian pengoperasian termasuk perisian antivirus serta *firmware* perkakasan yang berkaitan. Pelaksanaan penyelenggaraan pencegahan yang dijalankan telah mengakibatkan penurunan kepada jumlah aduan kerosakan pada tahun 2019 sebanyak 22.4% berbanding tahun sebelumnya.

### **Pengukuhan Tadbir Urus ICT**

Selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil 3/2015 berkaitan Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat (ICT) Agensi Sektor Awam, MQA melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) MQA telah meneliti setiap permohonan bagi tujuan kelulusan dan memantau kemajuan pelaksanaan projek ICT yang telah diluluskan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) selaku Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer*, CIO) MQA.

Selaras dengan terma rujukan JPICT, pemantauan ke atas pelaksanaan projek ICT serta penyeragaman bagi permohonan yang diterima sepanjang tahun telah memastikan semua permohonan berjaya dilaksanakan berdasarkan persetujuan mesyuarat. Keutamaan pelaksanaan projek telah diteliti secara menyeluruh bagi memastikan perbelanjaan dan masa yang diperuntukkan untuk sesuatu projek tersebut dioptimumkan secara menyeluruh dan memberi impak berkesan kepada MQA.

Dalam memastikan aspek keselamatan ICT terjamin dan diurus dengan baik, MQA menubuhkan pasukan *Computer Emergency Response Team* (CERT) MQA yang diketuai oleh CIO MQA dan dibantu oleh Pegawai Keselamatan ICT (*Information Security Officer*, ICTSO) serta ahli pasukan CERT yang terdiri daripada Pegawai Teknologi Maklumat MQA. CERT MQA ini bertanggungjawab dalam menguruskan pengendalian insiden keselamatan ICT yang dialami oleh MQA.

Setiap ahli pasukan CERT MQA dipertanggungjawabkan untuk memantau, mengesan, menerima dan menguruskan sebarang insiden yang berlaku mengikut aset di bawah kawalannya. Penyelarasan dan pelaporan bagi sebarang insiden yang dikenal pasti akan dibuat melalui ICTSO bagi memastikan tindakan pemulihan yang diambil berkesan dan tidak berulang.

Tahun 2019 juga menyaksikan MQA berjaya memperoleh Anugerah Sijil Pematuhan SAGA daripada Jabatan Akauntan Negara dalam Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA (MASS) yang diadakan di Holiday Villa Johor Bahru City Centre pada 3 Disember 2019.

Penganugerahan ini diadakan bagi memastikan penyata kewangan dapat disediakan dengan lebih cepat, tepat, kemas kini, berintegriti, mematuhi piawaian perakaunan yang diterima pakai serta memantapkan pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan. Selain itu, tujuan sijil ini juga bagi memastikan keselamatan sistem, data dan maklumat terjamin dari aspek kerahsiaan (*confidentiality*), integriti (*integrity*) dan ketersediaan (*availability*) iaitu data dan maklumat dilindungi, terpelihara, lengkap dan boleh diakses pada bila-bila masa.



Anugerah Sijil Pematuhan SAGA



# LAPORAN PRESTASI

---

PENGURUSAN  
**KEWANGAN**



# PENGURUSAN KEWANGAN

Dalam tahun 2019, MQA telah memperoleh pendapatan berjumlah RM44.20 juta yang meliputi geran kerajaan, pendapatan perkhidmatan akreditasi dan lain-lain pendapatan. Geran peruntukan mengurus yang diterima daripada Kerajaan berjumlah RM23.48 juta iaitu RM23.41 juta untuk emolumen dan RM71,000 untuk penyelenggaraan sistem pendingin hawa. MQA juga telah menerima hasil dalaman sebanyak RM20.72 juta yang mencakupi RM13.18 juta pendapatan perkhidmatan akreditasi, RM4.21 juta faedah simpanan tetap, RM2.35 juta pendapatan sewaan ruang pejabat dan fasiliti serta RM986,990 pendapatan lain.

Jumlah pendapatan 2019 meningkat sebanyak 5.35% jika dibandingkan dengan pendapatan tahun 2018 yang berjumlah RM41.96 juta. Ini adalah kerana terdapat peningkatan geran yang disalurkan kepada MQA untuk tahun 2019 sebanyak 3.66%. Pendapatan akreditasi juga menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 6.18% berbanding tahun 2018 disebabkan terdapat permohonan akreditasi secara berkelompok. Lain-lain pendapatan turut meningkat sebanyak 9.44% kerana terdapat peningkatan hasil daripada sewaan ruang pejabat dan fasiliti RM2.35 juta (2018: RM2.23 juta). Faedah atas simpanan tetap juga meningkat kepada RM4.21 juta (2018: RM3.42) kerana mulai tahun 2019 MQA telah mengiktiraf faedah atas simpanan tetap terakru yang belum mencapai tempoh matang. Walau bagaimanapun yuran seminar menurun iaitu RM944,781 berbanding RM1.20 juta pada tahun 2018.

Jumlah perbelanjaan MQA sebelum cukai untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM40.04 juta. Jumlah ini mencakupi perbelanjaan emolumen sebanyak RM23.08 juta, perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM15.13 juta, pemberian dan kenaaan tetap sebanyak RM183,409, susut nilai aset tetap dan perbelanjaan lain berjumlah RM1.62 juta. Terdapat kurangan peruntukan manfaat pekerja jangka pendek sebanyak RM21,805 pada tahun 2018 dan belanja ini ditampung dalam tahun semasa. Perbelanjaan tahun 2019 menurun sebanyak 7.55% jika dibandingkan dengan perbelanjaan berjumlah RM43.30 juta dalam tahun 2018. Antara faktor yang membawa kepada penurunan dalam perbelanjaan adalah berkurangnya bayaran sewaan ruang pejabat dan tempat letak kereta di Menara PKNS-PJ berikutan perpindahan semua pegawai ke Mercu MQA dalam bulan Februari 2019, penurunan belanja honorarium dan tuntutan perjalanan Ahli Panel Penilai (APP) disebabkan oleh langkah-langkah penjimatan dalam tempahan logistik serta keutamaan pemilihan APP berdasarkan lokaliti.


Setelah mengambil kira bayaran cukai pendapatan berjumlah RM1.49 juta, lebihan pendapatan selepas cukai MQA bagi tahun 2019 adalah RM2.68 juta iaitu meningkat sebanyak RM5.56 juta (192.75%) berbanding kurangan pada tahun 2018 (RM2.88 juta).

Jumlah aset MQA pada tahun 2019 adalah sebanyak RM144.28 juta berbanding RM142.19 juta pada tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak 1.47%. Daripada jumlah ini, aset tetap berjumlah RM56.23 juta, penghutang jangka panjang berjumlah RM360,935 manakala aset semasa berjumlah RM87.69 juta. Aset semasa terdiri daripada penghutang perniagaan RM31,986, penghutang pelbagai RM1.50 juta, deposit dan prabayar RM131,650, simpanan tetap RM83.58 juta dan tunai RM2.45 juta. Aset semasa secara keseluruhan meningkat disebabkan oleh peningkatan dalam rizab tunai iaitu simpanan tetap dan tunai sebanyak 1.04% berbanding tahun 2018 (RM85.14 juta). Peningkatan aset semasa ini juga disebabkan peningkatan dalam penghutang pelbagai sebanyak 146.59% berbanding tahun 2018 (RM609,382) kerana mulai tahun 2019 MQA telah mengiktiraf faedah atas simpanan tetap terakru yang belum mencapai tempoh matang.

Jumlah liabiliti MQA pada tahun 2019 ialah sebanyak RM3.41 juta berbanding RM3.99 juta pada tahun 2018, iaitu menurun sebanyak RM581,840 (14.59%). Liabiliti semasa MQA pada tahun 2019 ialah sebanyak RM2.56 juta berbanding RM3.25 juta pada tahun 2018, iaitu menurun sebanyak RM689,621 (21.20%). Penurunan yang ketara dalam liabiliti semasa ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam pemiutang pembekal sebanyak RM795,625 dan hasil tertunda sebanyak RM217,200 berbanding peningkatan peruntukan cukai pendapatan hanya sebanyak RM355,477. Pemiutang pembekal menurun disebabkan oleh proses bayaran yang dapat diselesaikan dalam tahun semasa. Hasil tertunda pula menurun disebabkan proses kerja baharu MQA yang telah dilaksanakan mulai Julai 2019 dan PPT perlu mengemukakan permohonan akreditasi berdasarkan tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.


Jumlah aset bersih MQA pada tahun 2019 adalah sebanyak RM140.88 juta berbanding RM138.20 juta pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 1.94%. Memandangkan amaun liabiliti yang rendah, ianya mampu ditampung oleh MQA dengan aset semasa yang ada. Kedudukan aset semasa yang lebih tinggi daripada liabiliti semasa dan ketiadaan liabiliti jangka panjang yang signifikan memastikan kedudukan kewangan MQA kekal kukuh untuk tahun 2019.

Kedudukan kewangan 2019 digambarkan melalui **Carta 25** hingga **Carta 28** manakala perbandingan kedudukan kewangan untuk tempoh 2015 hingga 2019 seperti di **Carta 29** hingga **Carta 32**.




- Pemberian Kerajaan
- Pendapatan Perkhidmatan Akreditasi
- Faedah Simpanan Tetap
- Pendapatan Sewaan
- Pendapatan Lain

**Carta 25: Pendapatan 2019**




- Emolumen
- Perkhidmatan dan Bekalan
- Pemberian dan Kenaan Tetap
- Susut Nilai
- Perbelanjaan Lain

**Carta 26: Perbelanjaan 2019**




- Manfaat Pekerja Jangka Panjang
- Pemiutang Perniagaan
- Liabiliti Semasa Lain
- Manfaat Pekerja Jangka Pendek
- Peruntukan Cukai Pendapatan

**Carta 27: Liabiliti 2019**




- Simpanan Tetap
- Tunai
- Hartanah, Loji dan Peralatan
- Penghutang Pinjaman Jangka Panjang
- Deposit dan Prabayar
- Penghutang Pelbagai
- Penghutang Perniagaan


**Carta 28: Aset 2019**




Carta 29: Perbandingan Aset bagi Tahun 2015 hingga 2019



Carta 30: Perbandingan Liabiliti bagi Tahun 2015 hingga 2019



Carta 31: Perbandingan Pendapatan Terkumpul bagi Tahun 2015 hingga 2019



Carta 32: Perbandingan Geran Kerajaan bagi Tahun 2015 hingga 2019



# LAPORAN PRESTASI

---

PELAKSANAAN  
**AUDIT DALAMAN**



# PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN

Unit Audit Dalam (UAD), MQA telah melaksanakan sebanyak lima program sepanjang tahun 2019. Ringkasan objektif dan pencapaian pelaksanaan program audit dalam yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 55**:

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF DAN PENCAPAIAN PROGRAM
1.	Pengauditan Integriti Data e-Akreditasi	Objektif pengauditan ini adalah untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. memastikan semua data yang sepatutnya telah dimasukkan ke dalam sistem e-Akreditasi</li> <li>ii. menentukan setiap data yang dimasukkan ke dalam sistem e-Akreditasi adalah tepat dan betul</li> <li>iii. menentukan statistik yang dikeluarkan boleh dipercayai</li> </ul> <i>Exit conference</i> pengauditan ini telah diadakan pada 30 Mei 2019 dan laporan pemerhatian telah dikeluarkan pada 18 Julai 2019.
2.	Pengauditan Prestasi Terhadap Pengurusan Tabung Amanah Pembangunan Modal Insan (TAPMI)	Objektif pengauditan ini adalah untuk memastikan pengurusan tabung mematuhi Arahan Amanah yang ditetapkan. <i>Exit conference</i> pengauditan ini telah diadakan pada 17 Julai 2019 dan laporan pemerhatian telah dikeluarkan pada 19 Julai 2019.
3.	Pengauditan Mengejut Terhadap Penggunaan dan Kawalan Kad Inden MQA	Objektif pengauditan ini adalah untuk memastikan penggunaan kad adalah baik dan teratur serta mempunyai kawalan seperti mana yang dinyatakan dalam Arahan Pentadbiran Bil. 1/2014 Tatacara Pengurusan Kenderaan Agensi Kelayakan Malaysia. <i>Exit conference</i> pengauditan ini telah diadakan pada 3 Oktober 2019 dan laporan pemerhatian telah dikeluarkan pada 15 November 2019.

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF DAN PENCAPAIAN PROGRAM
4.	Pengauditan Prestasi Terhadap Proses Pengendalian Siasatan oleh Unit Integriti dan Penguatkuasaan (UIP)	Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada kawalan dalaman yang diwujudkan adalah mencukupi dan menentukan sama ada pengendalian siasatan telah dilaksanakan mengikut <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> . <i>Exit conference</i> pengauditan ini telah diadakan pada 8 November 2019 dan laporan pemerhatian telah dikeluarkan pada 15 November 2019.
5.	Pengauditan Susulan Terhadap Audit Pematuhan oleh Bahagian Audit Institusi	Objektif pengauditan ini adalah untuk memastikan proses audit pematuhan dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan menentukan simpanan dokumen dilakukan dengan teratur. Proses pengauditan ini masih berjalan dan dijangka selesai pada Januari 2020.

**Jadual 55: Pencapaian Program Audit Dalam Tahun 2019**

### Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan bahawa Ketua Audit Dalam adalah setiasaha kepada Jawatankuasa Audit. Pada tahun 2019, Unit Audit Dalam telah berjaya mengadakan mesyuarat seperti yang dinyatakan di **Jadual 56**:

BIL.	BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT
1.	Bil. 1/2019	26 Julai 2019
2.	Bil. 2/2019	21 November 2019

**Jadual 56: Mesyuarat Jawatankuasa Audit MQA 2019**

### Laporan Tahunan Audit Dalam

Laporan ini menggariskan aktiviti-aktiviti UAD di mana tumpuan diberikan kepada pengauditan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan bertujuan untuk menjelaskan secara ringkas isu-isu audit yang dikenal pasti dan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk memperbaiki dan menambah baik operasi pengurusan MQA.


Laporan Tahunan Unit Audit Dalam ini juga dikemukakan kepada Pejabat Ketua Setiausaha dan Unit Audit Dalam, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memenuhi keperluan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.



# LAPORAN PRESTASI

---

*LOVE, HAPPINESS AND RESPECT*  
**(LHR)**




# LOVE, HAPPINESS AND RESPECT (LHR)

## Majlis Amanat Tahun Baharu 2019 KPE MQA

Majlis Amanat Tahun Baharu 2019 KPE MQA telah berlangsung pada 25 Januari 2019 bertempat di Auditorium, Mercu MQA. Profesor Emeritus Dato' Dr. Rahmah binti Mohamed telah menggariskan pencapaian MQA sepanjang tahun 2018 dan juga hala tuju MQA sepanjang 2019.



Sebagai permulaan, MQA perlu memperkukuh pelaksanaan peranan dan tanggungjawab berasaskan nilai yang kompetitif. Justeru itu, mulai tahun 2019, MQA akan melangkah ke hadapan berlandaskan enam nilai teras yang baharu seperti berikut:



Nilai teras ini akan memandu MQA untuk terus maju dalam mengejar kecemerlangan dalam perkhidmatan yang diyakini oleh semua pihak kerana ia dilaksanakan berasaskan tekad MQA:

- Integrity:** Menghayati dan membudayakan nilai jujur, amanah dan ikhlas dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi **memelihara imej** organisasi.
- Transparent:** Melaksanakan peranan dan tanggungjawab **jaminan kualiti** dengan telus, adil dan saksama dalam memenuhi keperluan pihak berkepentingan.
- Respectful:** Menjalin hubungan erat, saling menghormati dan menghargai antara semua pihak berkepentingan dalaman dan luaran dalam memacu **kecemerlangan pendidikan tinggi negara**.

- iv. **Universal:** Memperkasa sistem jaminan kualiti, **kelayakan pendidikan tinggi** dan **pendidikan sepanjang hayat** agar setanding dengan amalan baik antarabangsa dan diiktiraf di peringkat global.
- v. **Spirited:** Memupuk semangat berpasukan dan tekad yang utuh dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan **berinovasi** untuk mencapai **visi, misi dan matlamat** organisasi.
- vi. **Trustworthy:** Mengamalkan prinsip dan etika kerja bagi mengekalkan keyakinan dan kebolehpercayaan pihak berkepentingan terhadap perkhidmatan agar **reputasi dan kredibiliti** organisasi terpelihara.



Di majlis ini juga, Dato' KPE menegaskan hala tuju MQA 2019 yang lain iaitu pengukuhan kerangka jaminan kualiti dan pendidikan fleksibel, memperkemas perkhidmatan MQA serta memperkasa bakat dan kepimpinan. Mengakhiri amanat, beliau menzahirkan harapan agar semangat kekitaan yang sedia ada dapat melahirkan MQA yang bersatu hati dan harmoni untuk melaksanakan tanggungjawab dan usaha yang terbaik bagi tahun 2019.

Majlis turut diisi dengan aktiviti pelancaran Portal Rasmi MQA, penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Inovasi LHR 2018 dan juga penyampaian Piala Pusingan KPE Kejohanan Sukan Dalam MQA 2018.



Para Pemenang Pertandingan Inovasi LHR 2018



Pemenang Piala Pusingan KPE Kejuanan Sukan Dalaman MQA 2018

### Majlis Ramah Mesra KPE MQA 2019

Majlis Perhimpunan Warga yang diadakan bersekalikan dengan Majlis Ramah Mesra Bersama Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) telah berlangsung dengan meriahnya pada 28 Jun 2019 bertempat di Galeri, Mercu MQA. MQA menganjurkan majlis ini bagi mengeratkan silaturahim dan hubungan baik sesama warga di samping memupuk budaya hormat-menghormati antara satu sama lain. Selain warga, majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Tan Sri Dato' Soh Thian Lai selaku Ahli Majlis MQA.

Majlis yang bermula pada jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari ini turut diisi dengan slot khas perpisahan mantan Pengarah Bahagian Koordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti (BKRJK), Puan Wan Nadiah binti Haji Wan Daud yang kembali berkhidmat ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Putrajaya.

Persembahan tayangan Video Raya Terbaik dan Foto Raya Terbaik daripada Warga juga dihidangkan kepada warga. Profesor Emeritus Dato' Dr. Rahmah Mohamed turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Kuiz Integriti MQA 2019. Secara keseluruhannya, majlis ini menjadi wahana bagi meluahkan rasa syukur sempena penyatuan semula seluruh warga MQA menerusi perpindahan ke bangunan Mercu MQA, Cyberjaya yang telah selesai sepenuhnya pada bulan Februari 2019.



Barisan Pengurusan Tertinggi MQA



Meraikan Puan Wan Nadiah binti Haji Wan Daud yang Kembali Berkhidmat ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Putrajaya



Dato' KPE Menyampaikan Hadiah kepada Pemenang Tempat Pertama Kuiz Integriti MQA 2019

## MQArts DAY 2019

MQArts Day 2019 telah diadakan pada 28 November 2019 (Khamis) bertempat di beberapa lokasi iaitu di Aras 1 (Galeri dan Bilik Seminar) dan Aras 5 (Gelanggang Badminton), Mercu MQA. MQA menerusi Kelab Kebajikan MQA (KKMQA) menganjurkan program ini bertujuan memberikan penghargaan kepada warga, mengeratkan hubungan antara warga MQA dan anak, mengisi aktiviti bersempena cuti persekolahan akhir tahun 2019, memupuk, memelihara dan menetengahkan idea serta bentuk kelestarian yang diterjemahkan melalui seni serta memberi pemantapan ilmu dan pendedahan terhadap prospek kerjaya seni visual.

Demi memastikan program ini berjalan lancar dan menyeluruh, KKMQA turut menjemput PUSPANITA MQA untuk bekerjasama. Kelas melukis dan pertandingan melukis telah diuruskan oleh KKMQA dengan kerjasama pegawai perpustakaan daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Cawangan Semenyih iaitu Encik Mohd. Nizam Radzaly.



MQArts Day



MQArts Day

Acara ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori remaja (13 tahun sehingga 17 tahun) yang dilangsungkan pada sebelah pagi dan kategori warga MQA pada sebelah petang. Pelbagai hadiah telah dimenangi termasuklah piala sumbangan YBhg. Dato' KPE, wang tunai dan *hamper*. Manakala PUSPANITA MQA telah membantu menguruskan acara bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 12 tahun yang merangkumi acara senamrobik, pertandingan pakaian sedondon, sukaneka dan tarian. Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencungkil bakat-bakat terpendam dalam kalangan warga dan anak-anaknya khususnya dalam seni lukis. Di samping itu, program ini juga memberikan ruang kepada warga melepaskan tekanan dan luahan perasaan di sebalik kesibukan tugas-tugas seharian menerusi lakaran lukisan yang dihasilkan. Justeru, sebagai tanda penghargaan, lukisan karya mereka menghiasi dinding-dinding di Mercu MQA.



Koleksi Lukisan Sempena MQArts Day



MQArts Day

### Program *Back to School*

Pemberian sumbangan *Back to School* kepada anak- anak warga MQA adalah merupakan salah satu aktiviti di bawah program *Love, Happiness and Respect* (LHR) MQA. Pemberian sumbangan ini merupakan pemberian wang tunai bernilai RM100.00 bagi setiap seorang anak yang berumur antara 7 hingga 17 tahun. Bagi tahun 2019, sumbangan ini diteruskan lagi dengan mengambil kira kos bagi penyediaan keperluan persekolahan semasa yang semakin meningkat di samping bertujuan untuk memudahkan serta meringankan beban warga membuat persediaan awal sebelum sesi persekolahan dibuka. MQA berharap sumbangan ini dapat memotivasikan warga agar sentiasa bertanggungjawab terhadap kerja yang diamanahkan memandangkan MQA sentiasa mengambil berat hal ehwal kebajikan pegawainya.

## Anugerah I-TRUST MQA

Sebagai usaha pembudayaan nilai teras MQA; I-TRUST, pengurusan MQA bersetuju untuk memberi anugerah apresiasi I-TRUST kepada seorang pegawai dalam kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 hingga 54) dan seorang pegawai dalam kumpulan Pelaksana (Gred 1 hingga 40) berdasarkan pencalonan daripada warga. Kriteria pemilihan penerima anugerah adalah seperti berikut:

- a. Mempunyai ciri-ciri I-TRUST seperti berikut :
  - i. mengamalkan nilai jujur, amanah dan ikhlas dalam memelihara imej organisasi;
  - ii. melaksanakan tugas harian dengan telus, adil dan saksama bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan;
  - iii. menjalin hubungan erat, saling menghormati dan menghargai antara semua pihak berkepentingan dalaman dan luaran;
  - iv. mempamerkan sikap bertanggungjawab dalam membantu memperkasa sistem jaminan kualiti;
  - v. memupuk semangat berpasukan dan tekad yang utuh dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan berinovasi untuk mencapai visi, misi dan matlamat organisasi; dan
  - vi. mengamalkan prinsip dan etika kerja dalam perkhidmatan agar reputasi dan kredibiliti organisasi terpelihara.
- b. Mempunyai rekod kedatangan dan kehadiran bertugas yang baik mulai Januari hingga Oktober 2019.
- c. Tidak dikenakan tindakan tatatertib dalam tempoh tersebut.
- d. Tidak menerima Anugerah Apresiasi I-TRUST dalam tempoh dua (2) tahun sebelumnya.

Penerima Anugerah Apresiasi I-TRUST MQA 2019 adalah:

- i. Puan Nor Khamsatun binti Suboh  
Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 - 54)
- ii. Puan Khalilah binti Sedek  
Pegawai Kumpulan Pelaksana (Gred 1 - 40)



Penerima Anugerah I-TRUST

### MQA Pulse Survey 2019: Staff Engagement

MQA telah melaksanakan kajian singkat MQA Pulse Survey: Staff Engagement pada 15 hingga 25 November 2019 dalam kalangan warga bagi mengukuhkan aspek kepimpinan di MQA berdasarkan lima dimensi berikut:

- i. Kerja Berpasukan
- ii. Kepimpinan dan Pengurusan
- iii. Pembelajaran dan Pembangunan
- iv. Tugas dan Kerjaya
- v. Ganjaran dan Pengiktirafan

Cetusan idea untuk mengadakan kajian singkat ini telah diputuskan semasa bengkel *Building a High Performance Culture - Developing Leaders* yang diadakan pada 10 dan 11 Oktober 2019.

Seramai 232 daripada 328 responden telah terlibat dalam soal selidik tersebut. Laporan keseluruhan kajian dibentangkan kepada pihak pengurusan pada 20 Disember 2019 manakala laporan penilaian individu akan dikemukakan pada Januari 2020. Pelan tindakan kepimpinan susulan daripada kajian ini akan dirancang pada Februari 2020.

**MQA PULSE SURVEY 2019 :  
STAFF ENGAGEMENT**

**Apa itu MQA Pulse Survey?**

- Satu kajian singkat dalam kalangan warga MQA bagi mengukur sesuatu aspek berkaitan operasi dan prestasi organisasi
- Diadakan dalam tempoh singkat dan secara berkala bagi mengenal pasti 'status kesihatan semasa' (healthcheck) organisasi

**MQA Pulse Survey 2019 :  
Staff Engagement**

Aspek yang dianalisis ialah keterlibatan kakitangan (staff engagement) berdasarkan lima dimensi kepimpinan berikut :

- Kerja Berpasukan
- Kepimpinan dan Pengurusan
- Pembelajaran dan Pembangunan
- Tugas dan Kerjaya
- Ganjaran dan Pengiktirafan

**Tujuan Kajian :**

- Mendapatkan maklum balas daripada warga MQA terhadap kualiti kepimpinan di MQA berdasarkan lima dimensi yang diukur
- Mengutamakan penglibatan kakitangan dalam menyediakan dapatan bagi membantu proses membuat keputusan berkaitan penambahbaikan MQA
- Mengenal pasti aspek-aspek yang bermasalah dan cara untuk mengatasinya
- Menambahbaik kualiti kepimpinan MQA
- Membantu menambahbaik dalam aspek budaya dan nilai di MQA

**Dapatan Kajian :**

- Akan dibentangkan kepada pengurusan MQA
- Setiap Pengarah Bahagian/Ketua Unit akan menerima laporan analisis kepimpinan mereka secara individu

**Responden Kajian:**

Semua Warga MQA tetap/kontrak @ pinjaman dengan tempoh tidak kurang dari 6 bulan

Tempoh pengumpulan data Pulse Survey adalah dari **15 hingga 25 November 2019**

BPSM MQA



# LAPORAN PRESTASI

---

MAJLIS  
**BERSAMA JABATAN**



# MAJLIS BERSAMA JABATAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MQA merupakan jawatankuasa yang dianggotai oleh lima orang ahli (Pihak Pegawai) dan lapan orang yang dipilih dan dilantik dalam Mesyuarat Agung Majlis Bersama Jabatan yang diwakili pekerja (Pihak Pekerja).

Objektif penubuhan MBJ-MQA adalah sebagai forum dua hala dengan hasrat untuk mewujudkan hubungan baik antara majikan dan pekerja, forum penyelesaian masalah antara kedua-dua belah pihak dan forum untuk memperbaiki sistem kerja.

Bidang dan fungsi MBJ tertumpu hanya kepada perkara yang termasuk dalam bidang kuasa seperti berikut:

- i. membincang dan memutuskan perkara mengenai syarat bekerja yang berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja perseorangan;
- ii. membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara mengenai kerja mereka dan mematuhi syarat di bawah tugas mereka dijalankan;
- iii. menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran pelbagai jabatan; dan
- iv. mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor kakitangan mengenai perkara ini.

Mesyuarat Agung MBJ kali ke-17 telah diadakan pada 22 Februari 2019. Senarai keahlian MBJ-MQA bagi tahun 2019 terdiri daripada keahlian di peringkat pegawai dan pekerja seperti di **Jadual 57** dan **Jadual 58**:

KEAHLIAN (PERINGKAT PEGAWAI)	
Pengerusi	Ketua Pegawai Eksekutif
Ahli 1	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
Ahli 2	Pengarah Bahagian Pentadbiran
Ahli 3	Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Ahli 4	Pengarah Bahagian Kewangan
Ahli 5	Setiausaha Wakil Pegawai/Urus Setia

**Jadual 57: Senarai Keahlian Peringkat Pegawai**

KEAHLIAN (PERINGKAT PEKERJA)		
JAWATAN KEAHLIAN	NAMA	JAWATAN/BAHAGIAN/ UNIT
Naib Pengerusi	Mohd Imran Nul Hakim bin Derasip	Penolong Pengarah Kanan Pusat Latihan Jaminan Kualiti Malaysia
Setiausaha Bersama	Fareha Nurul 'Ain binti Izany	Penolong Pengarah Kanan Bahagian Audit Institusi
Ahli (Wakil Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 48-54)	Kamarul Bakri bin Abd Aziz	Pengarah Bahagian Standard
Ahli (Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-44)	1. Noor Azlin binti Sulaiman	Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
	2. Fairouz Jahaan binti Mohd Aanifah	Penolong Pengarah Bahagian Standard

KEAHLIAN (PERINGKAT PEKERJA)		
JAWATAN KEAHLIAN	NAMA	JAWATAN/BAHAGIAN/ UNIT
Ahli (Wakil Kumpulan Pelaksana Gred 27-40)	Nurazima binti Abdul Aziz	Setiausaha Pejabat Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif MQA
Ahli (Wakil Kumpulan Pelaksana Gred 17-26)	Noorlys binti Ramjis	Pembantu Setiausaha Pejabat Bahagian Akreditasi (Sains Sosial)
Ahli (Wakil Kumpulan Pelaksana Gred 11-16)	Rosmawati binti Zainal	Pembantu Operasi Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif MQA

**Jadual 58: Senarai Keahlian Peringkat Pekerja**


Sepanjang tahun 2019, wakil MBJ (Pihak Pekerja) telah mengadakan 4 kali mesyuarat seperti di **Jadual 59** dan telah membincangkan sebanyak 41 isu. Perkara-perkara yang dibangkitkan telah dapat ditangani kesemuanya yang merangkumi kemudahan perubatan, peralatan sukan, pelantikan, perjawatan dan kebajikan staf.

BILANGAN MESYUARAT	SUKU TAHUN	TARIKH MESYUARAT
1	Suku Tahun Pertama	2 April 2019
2	Suku Tahun Kedua	23 Julai 2019
3	Suku Tahun Ketiga	26 September 2019
4	Suku Tahun Keempat	18 November 2019

**Jadual 59: Tarikh Mesyuarat MBJ-MQA bagi Tahun 2019**



# PENYATA KEWANGAN **(TELAH DIAUDIT)**



# PENYATA KEWANGAN (TELAH DIAUDIT)



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Ekuiti bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 27.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Agensi Kelayakan Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* dan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juraudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

#### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Agensi Kelayakan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

#### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Ahli Majlis Agensi Kelayakan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### **Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) dan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Agensi Kelayakan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

#### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Agensi Kelayakan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Agensi Kelayakan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
